

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA

Bil. 11

Rabu

6 Julai 2011

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011 (Halaman 31)
Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 (Halaman 121)

USUL-USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 51)
- Meminda Aturan Urusan Mesyuarat di Bawah P.M. 13(2) (Halaman 123)
- Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 15(3) (Halaman 124)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- **Perbelanjaan Hasil Petronas**
 - *Y.B. Dr. Syed Husin Ali* (Halaman 124)
- **Penjelasan SPAD Berkenaan LPKP**
 - *Y.B. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah* (Halaman 129)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 6 Julai 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi menggalakkan lebih ramai pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah bernilai RM200,000 ke bawah di kawasan bandar untuk merealisasikan dasar kerajaan bagi golongan muda memiliki rumah-rumah bernilai RM200,000.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok dan Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon yang dijadualkan pada 6, 7, dan 12 Julai 2011 memandangkan keempat-empat pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *Skim Rumah Pertamaku* telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim ini bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan seseorang tidak lebih daripada RM3,000 sebulan atau RM6,000 untuk suami isteri untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan dapat membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah dan ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

Melalui skim ini, kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10 peratus daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih daripada 90 peratus contohnya jika sekiranya seseorang peminjam mendapat pembiayaan 100 peratus, kerajaan akan menjamin sebanyak 10 peratus daripada pembiayaan berkenaan. Selain itu, skim ini terbuka kepada seluruh rakyat yang berusia di bawah umur 35 tahun yang pendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, peminjam masih lagi perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh bank-bank yang menyertai skim ini kerana kelulusan akhirnya akan dibuat oleh bank-bank kerana bank masih menanggung risiko 90 peratus daripada jumlah pinjaman ini yang hanya dijamin oleh kerajaan 10 peratus sahaja. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, adakah kementerian mengkaji semula jumlah sumbangan-sumbangan yang disyaratkan kepada pemaju-pemaju untuk dibuat kepada TNB dan IWK sama ada patutkah kita berikan mereka ini pengecualian supaya dapat memberi galakan kepada pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah di bawah RM200,000 dan sama ada premium ubah syarat tanah dan *rezoning premium* patut kita beri pengecualian atau pengurangan untuk menggalakkan juga lebih pembinaan perumahan untuk perumahan kadar sederhana ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini, *Skim Rumah Pertamaku* ini tidak merangkumi insentif-insentif di luar daripada pembiayaan untuk pembeli. So maknanya insentif untuk pemaju dan sebagainya tidak ditumpukan kerana usaha buat masa ini ialah untuk memberi bantuan kepada pembeli yang ingin membeli rumah dan buat masa ini, ramai yang mungkin mampu untuk membayar bulanan kerana bagi mereka yang suami isteri bekerja pendapatan katalah RM5,500, mereka mungkin mampu membayar bulanan RM1,000 ataupun RM1,500 tetapi barangkali mereka tidak mempunyai simpanan untuk digunakan sebagai *down payment* dengan izin, yang 10 peratus ini yang diperlukan oleh bank. Jadi mereka akan tertangguh-tangguh untuk membeli rumah kerana tidak ada *down payment* itu.

Jadi Skim Rumah Pertamaku ini sebagai langkah pertama untuk membantu mereka supaya soal *downplayed* itu dengan izin, tidak menjadi halangan.

Pada masa yang sama kita juga lihat dua hari yang lepas, pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk skim Rumah 1Malaysia (PRIMA). Di sini ada juga insentif-insentif yang diberikan terutamanya daripada segi pembayaran *legal fees* ataupun insurans yang boleh dimasukkan dalam pinjaman dan dalam kes PRIMA ini, pinjaman boleh sampai 105 peratus. Pada masa yang sama, setem duti juga akan dikecualikan.

■1010

Jadi, ada insentif-insentif lain yang sedang dipertimbangkan tetapi buat masa ini, tidak lagi insentif yang akan diberikan kepada pemaju premium kah, bayaran *contribution* untuk *electricity* kah, ini masih lagi belum termasuk dalam bentuk insentif untuk membantu pembeli-pembeli rumah.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak penjelasan lebih *detail* lagi. Tadi saya dengar mengatakan bahawa program ini program baik.

Kita menggalakkan orang muda membeli rumah dengan bantuan daripada kerajaan tetapi akhirnya kita akan berbalik semula kepada bank. Kemudian, tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa akhirnya terpulang kepada bank sama ada hendak meluluskan atau tidak. Kita akan berbalik semula kepada *square one*, di mana akhirnya benda yang baik kemudian akan tersangkut balik dengan bank, tidak dapat lagi pinjaman, tidak dapat lagi membeli rumah. Jadi, ini yang hendak kalau boleh saya hendak tahu apakah syarat-syarat utama kelayakan yang dihaskan kepada mereka ini supaya mereka mendapat kelulusan mudah dengan bank dan dapat membeli rumah ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bertanyakan soalan yang agak pokoklah kerana ada juga kebimbangan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekira kita menjadikan ia terlalu mudah untuk pengguna membeli rumah dengan pinjaman, pengguna ini mungkin dibebankan dengan hutang-hutang yang tidak termampu dibayar. Ini ada juga dengan pinjaman pelbagai yang lain. Kenderaan kah, *credit card* kah, jadi jika ada pula satu skim yang senang-senang sahaja bagi pinjaman perumahan kepada pengguna, jadi mungkin tidak ada satu *check and balance* yang pastikan mereka yang layak, yang mampu membayar balik, yang memenuhi kriteria-kriteria, mempunyai kewibawaan kewangan yang sepatutnya mengambil pinjaman perumahan yang begitu berjangka masa panjang. Pinjamannya banyak dan komitmennya lama. Jadi, ini satu kebimbangan juga yang harus kita ambil kira supaya mereka ini tidak dibebankan dengan pinjaman yang terlalu banyak.

Keduanya, skim ini sebenarnya untuk membantu macam saya cakap tadilah, yang layak untuk meminjam, yang diluluskan oleh bank ataupun yang layak diluluskan oleh bank tetapi dia tidak ada duit hendak cagaran, hendak letak *down payment*. Ini ada golongan. Kita sendiri, saya dulu pun bila saya beli rumah pertama saya dahulu, saya tidak ada duit hendak bagi cagaran. Nasib baiklah penjual itu dia percaya kerana saya dapat pinjaman Bank Negara.

Masa itu saya bekerja, dia kata, "*Saya percayalah Bank Negara, jadi tidak payahlah Yang Berhormat Datuk bayar.*" Memang saya tidak ada duit. Saya hendak cari duit RM18,000, rumah saya RM180,000 masa itu, tidak ada duit masa itu. Saya daripada keluarga yang miskin. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani pandang saya, tidak ada duit Yang Berhormat Datuk? Saya tahu Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani banyak duit... *[Ketawa]* Akan tetapi saya pada masa itu tidak ada duit. Dia pun hendak kahwinkan anak lagi. Banyak belanja itu. Akan tetapi ada golongan yang macam ini Tuan Yang di-Pertua. Ada golongan yang memang layak, memang bank hendak beri terbantut dengan hendak bayar cagaran, tidak ada. Ini yang pertama-tamanya akan mendapat *benefit* daripada Skim Rumah Pertamaku dan kumpulan ini ramai. Jangan kita terlalu mudah hendak beri, takut mereka juga akan terjerat dengan komitmen kewangan yang tidak akan dapat ditanggung oleh mereka. Terima kasih.

2. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah hasil dan kejayaan pengkomersialan teknologi melalui pembiayaan R&D tempatan oleh Unit Inovasi Khas setakat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, Unit Inovasi Khas (UNIK) telah ditugaskan untuk mengkaji dan mengukuhkan strategi-strategi dan dasar-dasar penggalakan inovasi dengan memastikan satu ekosistem yang kondusif diwujudkan di sektor awam, institusi pengajian tinggi, sistem pendidikan dan industri. Salah satu inisiatif yang diambil adalah melaksanakan bancian harta intelek dengan izin, IP survey. Bagi mengkaji tahap kesediaan pengkomersialan teknologi R&D tempatan yang dibiayai oleh kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Bancian ini akan dilaksanakan dalam tiga frasa. Okey, tiga frasa. Hasil dari bancian frasa satu yang melibatkan lima universiti dan dua institusi penyelidikan awam, 113 produk R&D tempatan telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

Susulan dari itu satu makmal pengkomersialan dengan izin, *commercialization lab* iaitu *Wealth Creation Factory*. Telah diadakan bermula dari 14 Jun 2011 dan akan berakhir pada 7 Julai 2011 untuk membantu dan menggalakkan IKS, usahawan dan syarikat tempatan membawa hasil produk R&D universiti dan institusi penyelidikan awam tersebut ke pasaran. Makmal ini bertindak sebagai pemangkin untuk membantu mempercepatkan proses pengkomersialan dengan menghubungkan para akademik dan pihak industri untuk menangani sebarang permasalahan dalam usaha ke arah penjana modal baru. Sebanyak 39 produk R&D telah dibentangkan pada makmal ini. Di mana 16 produk R&D telah berjaya dikomersialkan oleh pihak industri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan dana pembiayaan untuk R&D tempatan ini bukannya datang daripada Jabatan Perdana Menteri sendiri. Daripada kementerian manakah UNIK ataupun Unit Inovasi Khas ini mendapat dana untuk membiayai penyelidikan tempatan? Soalan kedua, apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan bidang tumpuan selain daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi harta intelek untuk pengkomersialan dari segi *technology acquisition* ataupun perolehan teknologi.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dananya yang pertamanya dimudahcarakan oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri kepada UNIK untuk tujuan pengurusan dan juga pentadbiran dan seterusnya kepada aktiviti-aktiviti yang boleh memudahkan hal ini.

Akan tetapi kebanyakan daripada dana R&D ini memang sudah sedia ada di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga institusi penyelidikan seperti SIRIM dan IMR. Maka sedia ada, dana ini sudah sedia ada yang diberi dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan dan

Rancangan Malaysia Kesepuluh kepada kementerian-kementerian berkenaan dan institusi-institusi berkenaan. Itu sebab lima universiti berkenaan disebut sebagai Universiti APEX, seperti USM, UM, UKM, UTM dan UPM.

Maka banyak daripada kajian yang dibuat yang telah mendapat *Intellectual Property* (IP) belum dikomersialkan. Mungkin proses itu tersangkut di sana. Maka di sini UNIK akan menjadi pemudah cara. Memungkinkan penemuan ini, IP ini kepada industri. Ini yang sedang dibuat oleh UNIK sekarang. UNIK juga akan mempunyai hala tuju yang sama bersama dengan pihak berkenaan. Maka dana itu adalah dana yang sedia ada untuk pelbagai bidang itu.

Kaedah dan bidang tumpuan yang diberi. Kalau dulunya banyak kajian penyelidikan yang telah dibuat oleh pelbagai institusi-institusi yang saya telah sebutkan tadi. Maka sekarang UNIK tengah lihat mana semua ini. Bawa ke sini, duduk di makmal ini, kita padankan dengan industri. Siapa yang boleh ambil, ambil untuk dikomersialkan dan UNIK akan membantu mencari dana. Membantu mereka untuk mendapatkan dana untuk pengkomersialan dan ini akan dibuat.

Seterusnya pada masa yang akan datang UNIK akan fokus kepada *Economic Transformation Plan* (ETP). Apakah kandungan-kandungan sektor yang akan membolehkan Malaysia boleh bersaing di peringkat persada dunia? Macam contohnya LED *bulb* untuk *green technology*. Ini sebagai satu contoh, maka mereka akan fokus terlalu fokus kepada perkara-perkara ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

3. Tuan Boon Som a/l Inong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang semakin merosot dalam mengendalikan kutipan dan pembuangan sampah dan apakah pula tindakan yang dikenakan terhadap kontraktor dilantik yang gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna. Orang ramai seperti di Kedah misalnya mengadu kegagalan kontraktor yang dilantik mengutip sampah mengikut jadual.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha Kerajaan Persekutuan untuk membantu PBT meningkatkan mutu perkhidmatan khususnya berkaitan dengan kutipan sisa pepejal.

■1020

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 24 Jun 2011 telah bersetuju untuk menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, Akta 672 dan seterusnya melaksanakan penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali negeri Perak, Pulau Pinang dan Selangor yang dijadualkan bermula pada 1 September 2011. Dengan terlaksananya penswastaan penuh kelak, mutu perkhidmatan kutipan sisa pepejal di kawasan PBT akan bertambah baik di mana perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi akan dipantau oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam melalui KPI yang ketat dan penalti yang tinggi.

Sekiranya syarikat konsesi atau sub kontraktor yang dilantik gagal memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan, perkhidmatan mereka boleh ditamatkan dan kerajaan boleh melantik mana-mana kontraktor untuk mengambil alih perkhidmatan tersebut. Terima kasih.

Tuan Boon Som a/l Inong: Soalan tambahan saya, sampai masanya saya ingat polisi penswastaan ini perlu dikaji semula kerana pada mulanya selalunya kontraktor bagus buat tetapi pada akhir-akhir dia tidak ikut sistem. Contohnya di Kedah. Mula-mula dia boleh kutip dari rumah ke rumah tetapi sekarang ini tidak lagi dikutip dari rumah ke rumah. Sampah itu diletakkan – penduduk akan bawa ke tempat *centralize* iaitu tong sampah besar itu. Rumput pun tidak terjaga sekarang ini. Keadaan semakin hari semakin merosot. Jadi saya ingat kementerian perlu kaji semula sistem penswastaan ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin memaklumkan, pada masa ini kita masih lagi dalam *interim* dan apabila penswastaan sepenuhnya, maka saya percaya bahawa dengan pemantauan yang begitu ketat dan penguatkuasaan yang begitu ketat juga melalui kementerian, di mana penswastaan ini juga mempunyai KPI iaitu apabila berlaku sesuatu yang – terutama sekali apabila kita mendapat aduan daripada rakyat setempat, maka kita akan pantau dan kita akan penalti setiap kesalahan dan kesalahan ini pula penaltinya begitu mahal kerana bukan setiap kesalahan tetapi setiap satu kesalahan. Maknanya selepas tiga jam kalau pihak kontraktor ataupun konsesi ini tidak melaksanakan apa yang telah dilihat oleh pegawai penguat kuasa, maka kita akan penalti mengikut kesalahan-kesalahan tertentu daripada RM50 sehingga RM1,000 setiap kesalahan.

Maknanya kalau satu hari dia buat sepuluh kesalahan, kalau kita penalti dia RM1,000, maka jumlah penaltinya ialah RM10,000. Ini di antara langkah-langkah yang kita akan buat. Seterusnya apabila amaran demi amaran, penalti telah kita buat kepada konsesi ini, maka kita tidak teragak-agak untuk menamatkan kontrak yang ditandatangani. Akan tetapi kontrak ini tidak semuanya konsesi itu. Hanya kawasan-kawasan yang bermasalah. Katakan kawasan 'A' bermasalah, kawasan 'B' tidak bermasalah, itu akan diteruskan.

Akan tetapi kawasan 'A' itu setelah kita kaji dan kita mendapati bahawa pihak kontraktor gagal untuk melaksanakan dan menambah baik perkhidmatan mereka, maka kita akan tamatkan dan kita akan lantik kontraktor daripada kontraktor yang berwibawa, yang berkemampuan untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah pun dilakukan oleh kontraktor yang pertama. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, mengapa sesetengah negeri seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak akan terlibat dalam penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang akan dilaksanakan pada 1 September yang akan datang ini.

Yang kedua, apakah jaminan kerajaan dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam tidak melibatkan kenaikan ataupun penambahan caj kepada pengguna-pengguna dalam apa bentuk sekalipun. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya saya ingin menjelaskan bahawa tiga negeri ialah Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Perak sebenarnya mereka hanya minta tangguh untuk sementara waktu oleh kerana ada beberapa perkara yang mereka ingin bincangkan dengan Kerajaan Pusat tetapi mereka tidak menolak. Yang menolak ialah negeri Pulau Pinang dengan secara bersurat. Negeri Selangor pun belum walaupun dikatakan mereka menolak, tetapi tidak ada surat-menyurat ataupun koresponden yang mengatakan mereka menolak secara bertulis. Akan tetapi pada masa kini, mereka menolak dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Alam Flora.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, itulah di antaranya. Pulau Pinang dia kata dia cuba untuk buat sendiri. Selangor pun begitu juga dan Perak dia minta tangguh untuk sementara waktu setelah dapat menyelesaikan beberapa keraguan oleh pihak negeri Perak dan juga PBT yang berkenaan. Terima kasih.

4. Tuan Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, perancangan dan strategi jangka pendek dan panjang dalam menstabilkan harga sawit bagi menghadapi ketidakpastian ekonomi dunia, terutamanya kesan kenaikan harga minyak yang akan menyebabkan kos pengeluaran meningkat.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga minyak sawit adalah selari dengan perkembangan harga minyak mentah dunia. Lazimnya, apabila harga minyak mentah naik, harga minyak sawit juga akan turut naik bersama-sama minyak sayuran yang lain seperti minyak soya, minyak jagung, minyak biji bunga matahari dan minyak sesawi. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini terdapat perbezaan dalam perkembangan harga minyak sayuran yang tidak lagi mengikuti perkembangan turun naik harga minyak mentah.

Malaysia bukanlah pengeluar minyak sawit yang terbesar di dunia di mana kita berada di kedudukan kedua dengan pengeluaran sebanyak 37 peratus minyak sawit dunia. Ini bermakna, apa pun strategi yang diambil bagi mengawal harga minyak sawit perlulah mengambil kira strategi-strategi yang diambil oleh negara-negara pengeluar yang lain. Kita harus bersyukur kerana harga komoditi emas negara ini berada di paras yang memberangsangkan pada ketika ini. Harga purata minyak sawit mentah atau *crude palm oil* pada tahun 2010 adalah RM3,620 setan berbanding dengan RM1,395 setan pada tahun 2005, iaitu kenaikan sebanyak 159 peratus dalam tempoh lima tahun. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2011, harga purata CPO adalah RM3,503 berbanding dengan RM2,528 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Selaras dengan peranan penting industri sawit dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan telah mengenal pasti sektor sawit bersama sebelas sektor ekonomi lain dalam aktiviti ekonomi utama nasional atau *National Key Economic Activity* di bawah Program Transformasi Ekonomi bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Di bawah NKEA sawit sahaja, lapan projek permulaan, *Entry Point Project* (EPP) itu telah dikenal pasti bagi meningkatkan prestasi industri dan pendapatan negara. Pelaksanaan lapan EPP tersebut meliputi peningkatan produktiviti sektor perladangan dan pekebun kecil sawit, peningkatan kadar perahan minyak sawit di kilang, penghasilan biogas sebagai sumber tenaga yang dihasilkan daripada sumber buangan sawit dan pengeluaran produk bernilai tambah di dalam bidang pemakanan dan *olio chemical*.

Pelaksanaan lapan EPP tersebut akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara kasar (*gross national income*) di mana sumbangan dari industri sawit akan meningkat dari RM57.7 bilion pada tahun 2009 kepada RM178 bilion menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, selain memberi penumpuan akan kepentingan industri sawit di bawah NKEA, kerajaan sentiasa peka dan telah pun menjalankan usaha-usaha bagi memastikan harga sawit terus kekal di paras yang memberangsangkan. Ia meliputi:

- (i) menggalakkan penanaman semula pokok-pokok sawit yang berusia lebih 25 tahun dan tidak produktif bagi mengurangkan penawaran CPO serta meningkatkan produktiviti industri sawit dalam jangka masa panjang;

■1030

- (ii) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi penghasilan produk-produk bernilai tambah baru berasaskan sawit;
- (iii) memperuntukkan kuota untuk eksport minyak sawit mentah tanpa duti;
- (iv) menerokai pasaran-pasaran baru dan memperkukuhkan pasaran sedia ada; dan
- (v) melaksanakan Program B.5 iaitu adunan lima peratus biodiesel sawit dengan minyak diesel fosil.

Tuan Yang di-Pertua, selain memperkukuhkan harga, kerajaan juga menggalakkan industri mengurangkan kos pengeluaran terutama pengurangan penggunaan baja mineral dan urea yang berhubung kait dengan harga petroleum. Langkah-langkah lain yang digalakkan bagi meminimumkan kos pengeluaran adalah termasuk:

- (i) penggunaan baja kompos dari buah tandan kosong sawit;
- (ii) penyelidikan ke atas mengoptimumkan penggunaan baja di perladangan sawit; dan

- (iii) menggalakkan mekanisasi seperti penggunaan cantas dalam menuai hasil sawit sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan terhadap buruh.

Demikianlah beberapa strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menstabilkan harga minyak sawit dan memastikan komoditi sawit menjadi salah satu industri yang menjana Pendapatan Kasar Negara atau *Gross National Income* (GNI) yang besar kepada negara. Terima kasih.

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu baik sekali. Soalan tambahan saya, memandangkan negara kita mempunyai jumlah ladang kelapa sawit yang luas bagi menampung permintaan dalam negara dan juga luar negara, apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu cabang baru dalam perladangan sawit dengan melabur di dalam industri biomas yang boleh membantu kerajaan mencapai hasrat menggalakkan teknologi hijau negara?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Apa yang telah saya katakan tadi, memang inilah satu-satunya strategi yang kita gunakan dalam kaedah yang saya sebutkan dalam program NKEA kita itu, kerana kita hendak memastikan segala apa yang dikeluarkan oleh industri sawit ini, ia tidak langsung mempunyai kaedah-kaedah pembuangan atau sisa-sisa yang terbuang begitu sahaja. Maka sebab itu kita menggalakkan dan kita memberikan beberapa insentif kepada mana-mana syarikat ataupun mereka yang mahu berkecimpung untuk memastikan supaya segala sisa-sisa daripada industri sawit ini dapat digunakan seperti yang saya katakan, dijadikan sebagai baja kompos, kita jadikan dari segi pengeluaran *energy* atau *green energy*. Ini semua adalah kaedah-kaedah yang sentiasa kita berikan tumpuan dan kita berikan galakan oleh kerajaan untuk memastikan industri sawit ini benar-benar menjadikan salah satu industri yang besar dalam negara. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kebetulan dengan ucapan penangguhan semalam dan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri hari ini. Minyak sawit antara tahun ini dan tahun lepas bagi lima bulan pertama meningkat 37 peratus. Tahniah kepada kementerian dan tahniah kepada para peserta penanam sawit.

Soalan saya, berdasarkan kepada apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi bahawa pihak kementerian berusaha daripada *waste no waste* dan kepada *waste to wealth* tetapi masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia tidak dinikmati oleh penanam kelapa sawit. Selain daripada OER, daripada minyak sawit dan juga minyak rong sawit, apakah usaha kementerian untuk memastikan dengan merombak semua formula oleh MPOB yang berdasarkan OER tadi supaya mereka dapat menikmati apa yang dikatakan tadi *zero waste*, *waste no waste* dan *waste to wealth* seperti EFB, tempurung dan juga asap yang dikeluarkan oleh sawit tadi dan

juga *the sludge* supaya ia diterjemahkan dalam bentuk peningkatan pendapatan penanam kelapa sawit dalam bentuk *value added*. Apa usaha kementerian dan MPOB khususnya? Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu dan hendak jelaskan di sini, sebenarnya kita tahu dalam industri sawit ini, kita mempunyai beberapa aktiviti yang bermula daripada *upstream*, *midstream* dan seterusnya kepada *downstream activities*. Apa yang kita hendak buat hari ini adalah supaya ladang-ladang yang dapat kita keluarkan buah sawit ini kita gunakan 100 peratus buah tersebut supaya tidak langsung ada sisa yang saya katakan tersebut. Jadi kalau sudah dikeluarkan daripada ladang-ladang pekebun-pekebun kecil dengan harga yang baik, maka sudah tentu kita berikan peluang kepada *the midstream activities* tersebut.

Jika sekiranya ladang-ladang pekebun kecil mahu juga berkecimpung dalam *midstream activities* tersebut, maka sebab itu kita menggalakkan supaya ada *clusters*. Dijadikan satu *clusters* untuk pekebun-pekebun kecil ini untuk mereka bergabung dan menubuhkan koperasi-koperasi yang besar supaya dapat kita membantu mereka dalam memasuki ke bidang *midstream* tadi supaya ada pendapatan yang lebih daripada hanya mengeluarkan buah-buah tersebut. Itu cara yang kedua untuk menentukan ada penambahan pendapatan kepada mereka.

Yang ketiganya, kepada *downstream activity* juga, adalah peluang-peluang yang besar yang kita berikan galakan untuk kita dapat mengeluarkan minyak-minyak yang baik ke seluruh dunia. Itulah peluang-peluang yang kita berikan.

Walau bagaimanapun, dalam kita menentukan supaya semua bahan atau sisa daripada buah tersebut digunakan 100 peratus, kita tidak boleh meletakkan peratusan keuntungan apabila mengeluarkan peluang-peluang pendapatan yang besar itu terus untuk diberikan kepada pekebun-pekebun kecil. Maka sebab itu kita melihat dari segi keseluruhan industri sawit ini untuk menentukan supaya penggalakan-penggalakan yang kita buat ini supaya dapat kita gabungkan dan dapat memberikan keuntungan yang besar dalam industri sawit keseluruhannya dan tidaklah khusus kepada satu kumpulan semata-mata. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pengangkutan menyatakan, jumlah aliran perdagangan melalui udara yang keluar masuk antara Malaysia dengan negara-negara luar dalam bentuk jumlah penumpang dan barangan serta apakah usaha-usaha berterusan yang dilakukan bagi meningkatkan bentuk aliran tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penumpang yang keluar masuk di antara Malaysia dengan negara-negara luar pada tahun 2010 adalah sebanyak 28,007,147 penumpang, manakala bagi barangan atau kargo adalah sebanyak 754,918 tan metrik. Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pengangkutan bagi meningkatkan jumlah penumpang dan kargo adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan rundingan udara ataupun *air talks* dengan negara-negara asing bagi meningkatkan hak trafik dengan negara-negara asing bagi membolehkan syarikat-syarikat penerbangan dalam dan luar negara mengadakan penerbangan;
- (ii) menjalinkan kerjasama dengan *Tourism Malaysia Board* dan pejabat-pejabat kedutaan Malaysia di luar negara untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan; dan
- (iii) memberikan pelbagai insentif tertentu khususnya oleh Malaysia Airports Berhad seperti berikut:
 - (a) insentif *cargo throughput charge*;
 - (b) insentif kepada penumpang;
 - (c) insentif caj pendaratan;
 - (d) insentif sewa pejabat.

Selain daripada itu, kita juga menaik taraf lapangan-lapangan terbang sedia ada di dalam negara ini dan sistem-sistem berkaitan dengannya bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Jawapan yang baik. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pergerakan penumpang antarabangsa, saya juga ingin mengetahui aliran penumpang domestik berdasarkan kepada sepuluh ranking *airport* di Malaysia. Apakah galakan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk membawa lebih banyak penumpang? Apakah rancangan masa depan kementerian berkaitan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud di Kuala Terengganu. Terima kasih.

■1040

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya bagi tempoh tahun 2009/2010, pergerakan penumpang bagi domestik dan antarabangsa adalah berjumlah 59,066,481 iaitu 31,059,334 adalah terdiri daripada penumpang domestik, 28,007,147 adalah penumpang antarabangsa. Berkaitan dengan *ranking* lapangan terbang yang terdapat di dalam negara ini:

Lapangan Terbang	Jumlah Penumpang
KLIA	38,087,636
Kota Kinabalu	5,223,454
Pulau Pinang	4,166,969
Kuching	3,684,517
Langkawi	1,374,729
Johor Bahru	1,235,261
Subang	1,118,309
Kota Bharu	1,003,162
Kuala Terengganu	515,834
Alor Setar	421,314

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memberikan pelbagai insentif khususnya bagi menggalakkan kemasukan lebih ramai pelancong dan juga pengunjung ke negara ini khususnya kepada syarikat-syarikat penerbangan yang baru dan mengadakan laluan baru, antara insentifnya ialah:

- (i) bayaran insentif sebanyak RM10 bagi setiap penumpang yang masuk untuk 12 bulan pertama di *main terminal building* KLIA – LCCT, KLIA – Subang, destinasi BIMP-EAGA, IMT-GT dan lapangan-lapangan terbang sekunder;
- (ii) memberikan bayaran insentif sebanyak RM12 bagi setiap penumpang yang masuk untuk 12 bulan pertama di Terminal 2, Lapangan Antarabangsa Kota Kinabalu;
- (iii) memberikan bayaran insentif sebanyak RM25 bagi setiap penumpang yang masuk untuk 12 bulan pertama di Lapangan Antarabangsa Serantau tidak termasuk Terminal 2 atau Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan destinasi BIMP-EAGA, IMT-GT;
- (iv) pendaratan percuma untuk tiga tahun; dan
- (v) syarikat penerbangan yang baru diberi sewaan ruang pejabat secara percuma untuk enam bulan pertama.

Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat mengenai Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin nyatakan di sini bahawa lapangan terbang ini adalah merupakan pusat keberangkatan haji yang telah dikhususkan khususnya di Pantai Timur dan ianya juga beberapa insentif-insentif sedang dilakukan bagi membolehkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan mengunjungi lapangan terbang ini khususnya Terengganu dengan mengadakan promosi-promosi pelancongan. Selain daripada itu kita juga memberikan insentif khususnya kepada lapangan terbang ini dan juga lapangan sekunder yang lain iaitu mengenakan *passengers service* ataupun *airport tax* yang lebih murah iaitu domestik sebanyak RM6, *international* sebanyak RM26 dan juga kita sedang mendapatkan *traffic rights* bagi lapangan terbang ini.

Kita juga sedang mengambil kira tentang masalah *refuelling system* yang memang ada masalah di situ untuk kita selesaikan. Dengan tindakan-tindakan ini, saya percaya di masa akan datang kita akan dapat meningkatkan kapasitinya.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila KLIA ditubuhkan, kita memang bercita-cita untuk menjadikan ia sebuah hab terpenting negara untuk penerbangan tetapi malangnya saya difahamkan tidak banyak syarikat penerbangan yang telah menggunakan perkhidmatan KLIA. Jadi, saya ingin tahu setakat ini berapa banyakkah syarikat-syarikat penerbangan yang sedang menggunakan KLIA dan berapa banyakkah lagi yang dalam proses untuk mendarat.

Keduanya, kita berbangga kerana *Total Airport Management System* (TAMS) berjaya mengendalikan KLIA dengan begitu efisien dan sedang memasarkan perkhidmatannya ke luar negara. Saya ingin tahu berapa banyakkah *airport* yang sedang dikendalikan oleh TAMS.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan LCCT baru ataupun KLIA 2 yang bakal diguna pakai mulai tahun depan. Sama ada kemudahan *air bridge* disediakan untuk KLIA 2 sebab di LCCT yang ada pada hari ini kalau hujan memang tidak ada *solution*, kita terpaksa basah. Ini saya alami sendiri pada minggu lepas, apabila hendak naik AirAsia X, basah kuyup baru sampai ke dalam kapal terbang. Sungguh sedih dan malang dan malu saya bersama-sama dengan pelancong asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kita berhasrat untuk menjadikan KLIA untuk menjadi salah satu daripada hab yang penting di Asia Tenggara, khususnya dalam bidang sektor penerbangan. Akan tetapi kita juga harus mengetahui bahawa di antara kekangan-kekangannya ialah persaingan yang kuat khususnya daripada lapangan-lapangan terbang yang lain seperti Lapangan Terbang Singapura dan juga Thailand. Ini seperti mana yang saya katakan tadi, pelbagai usaha telah dilakukan untuk menjadikan KLIA sebagai salah satu daripada hab penerbangan yang penting dan beberapa rundingan *air talks* telah pun diadakan dan kita akan mengadakannya secara berterusan. Seperti mana yang kita lihat bahawa terdapat peningkatan yang ketara di dalam kemasukan pelancong-pelancong khususnya pengunjung-pengunjung antarabangsa ke dalam negara ini iaitu yang sekarang telah pun meningkat sehingga 3.7 juta.

Berkaitan dengan isu Yang Berhormat bangkitkan mengenai TAMS, kita sememangnya telah pun meneroka beberapa bidang-bidang pengurusan *airport* di negara-negara luar. Setakat ini kita mengadakan, sudah pun mengurus lapangan terbang di Hyderabad, New Delhi dan juga kita mengurus Lapangan Terbang Sabiha Gokchen di Istanbul. Kita akan mengurus juga dalam rundingan sekarang untuk mengadakan, rundingan untuk mengurus lapangan terbang di Maldives. Berkaitan dengan LCCT baru, sebenarnya LCCT baru ini kita kenali sebagai KLIA 2. Apabila ianya KLIA 2, ianya merupakan *extension* kepada KLIA 1. Oleh sebab itu beberapa spesifikasi yang disediakan itu adalah menyediakan juga perkhidmatan *aerobridge*.

Kita juga harus mengambil kira pandangan-pandangan daripada pihak operator khususnya bagi *low cost carrier* kerana ini adalah sebahagian daripada model perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, perkara-perkara dan cadangan-cadangan tersebut kita akan ambil kira. Terima kasih.

■1050

6. **Tuan Ahmad bin Hussin** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan kebudayaan menyatakan, adakah kerajaan menyedari bahawa di Malaysia terdapat VVIP dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang menggunakan telefon mudah alih jenama BlackBerry yang tahap keselamatannya diragukan memandangkan data-data perbualan, SMS, e-Mail dan Messenger direkod di dalam *server* di Kanada, USA, Asia Tenggara (Singapura) serta United Kingdom dan telah menyebabkan BlackBerry diharamkan untuk kegunaan pegawai-pegawai kerajaan di Perancis, UAE, Saudi Arabia dan Kuwait.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian kami menyedari bahawa maklumat-maklumat yang disalurkan melalui sistem BlackBerry yang direkodkan di dalam server di luar negara telah melalui kaedah penyulitan (*encryption*). Tahap keselamatan pemindahan dan penyimpanan maklumat pengguna BlackBerry yang tidak memungkinkan ia dapat diakses dengan mudah oleh mana-mana pihak.

Walau bagaimanapun, setiap sistem komunikasi mempunyai kelemahan masing-masing dan tidak dapat menjamin kerahsiaan sepenuhnya. Oleh itu pegawai-pegawai kerajaan yang menggunakan BlackBerry dinasihatkan supaya menghadkan penggunaan kepada komunikasi yang tidak sensitif atau bukan merupakan rahsia kerajaan. Kementerian kami juga sentiasa memantau perkembangan penggunaan BlackBerry dan sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak *Research in Motion* (RIM) iaitu selaku penyedia perkhidmatan BlackBerry agar tahap keselamatan maklumat yang disalurkan keluar sentiasa mematuhi tahap piawaian yang tinggi. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya tadi dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Jelas, sudah terang lagi bersuluh. Tidak payah, jelas. Tidak ada *security* BlackBerry. Jadi sebuah syarikat milik penuh rakyat Malaysia telah berjaya mengeluarkan dan mengeksport produk *GSM device 256 Bit military grade encryption hardware base* berjenama Malaysia iaitu *develope criptor phone* kepada sembilan buah negara yang mana tahap keselamatan untuk menghindar intipan dengan izin, *interception* adalah jauh lebih baik daripada BlackBerry. Tahap keselamatan adalah satu perkara yang sangat penting bagi mana-mana negara, Tuan Yang di-Pertua. Data perbualan, SMS, e-mel, *Messenger*, hatta orang bercinta pun perlu merahsiakan. Soalan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Nasib baik cepat dia beri soalan... *[Ketawa]* Teruskan Yang Berhormat tanya soalan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Adakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sudah serius sepenuh hati iaitu SKMM dan MCMC telah atau akan membuat kajian secara terperinci mengenai isu risiko keselamatan BlackBerry daripada intipan tersebut? itu yang pertama.

Keduanya, rahsia Itali, Australia, Kuwait, Algeria, Saudi Arabia, Filipina, Indonesia, Malaysia hanya SPRM telah menggunakan *developed cyptor*. Soalan saya, adakah akan kerajaan Malaysia panjangkan kepada Polis Diraja Malaysia, tentera, imigresen, kastam, maritim dan agensi-agensi keselamatan yang lain untuk menjamin 100 peratus tahap keselamatan Malaysia supaya kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020? Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin kerana menguasai maklumat yang begitu tinggi dalam perkara ini. Sebagaimana yang telah Yang Berhormat sarankan sebenarnya bukan hanya pertanyaan. Kalau pertanyaan, jawapannya panjang sangat.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap saranan Yang Berhormat ini akan dijadikan sebagai satu maklumat yang boleh saya sampaikan kepada kementerian dan juga SKMM supaya ia dijadikan panduan kepada negara kita untuk menguasai kesulitan dalam menyediakan ataupun menganjurkan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekali lagi.

7. Puan Chew Lee Giok minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah status Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memperkenalkan polisi atau meminda undang-undang supaya majikan diwajibkan menyumbang kepada KWSP untuk pekerja bukan warganegara, iaitu isteri atau suami asing kepada warganegara yang memilih untuk menyumbang di KWSP.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, secara umumnya perenggan 6, Jadual Pertama, Akta KWSP 1991 memperuntukkan bahawa pekerja bukan warganegara yang tidak memilih untuk mencarum ke KWSP adalah bukan pekerja di bawah definisi Akta KWSP.

Kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan tidak bertanggung iaitu tidak wajib untuk mencarum ke KWSP. Walau bagaimanapun apabila pekerja bukan warganegara telah memilih untuk mencarum ke KWSP, maka kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan adalah bertanggung *liable* iaitu wajib untuk mencarum ke KWSP. Tanggungan mencarum akan terhenti sekiranya pekerja berkenaan meninggalkan negara. Kadar caruman bagi pekerja bukan warganegara ini ialah 11 peratus bagi caruman pekerja dan RM5 bagi caruman majikan. Kadar caruman majikan sebanyak RM5 ini telah mula berkuat kuasa mulai 1 Ogos 1998 dan kadar caruman majikan sebelum itu adalah 12 peratus.

Memandangkan ada permohonan supaya sumbangan majikan dapat dikaji semula bagi pekerja bukan warganegara yang merupakan suami atau isteri (*spouse*) dengan izin, kepada warganegara Malaysia, sukacita saya maklumkan bahawa perkara ini telah pun dipertimbangkan oleh KWSP dan telah pun diangkat untuk keputusan Kementerian Kewangan yang dijangka akan dibuat tidak berapa lama lagi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Akta KWSP juga ada memperuntukkan seseorang majikan dan pekerja bukan warganegara boleh memilih untuk

mencarum melebihi daripada kadar yang ditetapkan iaitu pihak majikan atau pekerja boleh memilih untuk mencarum melebihi kadar RM5 caruman majikan dan 11 peratus caruman pekerja pada bila-bila masa. Selain itu, Akta KWSP juga memperuntukkan bahawa pekerja bukan warganegara yang merupakan pemastautin tetap di Malaysia akan menerima kadar caruman yang sama dengan pekerja warganegara Malaysia iaitu 11 peratus pekerja, 12 peratus majikan. Sehubungan itu, suami atau isteri asing kepada warganegara Malaysia yang telah mendapat status penduduk tetap (*permanent residence*) ini telah pun layak menerima kadar caruman yang sama dengan pekerja rakyat Malaysia. Terima kasih.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada beberapa tahun yang lepas, isu di mana pihak suami atau isteri yang bekerja dicadangkan membayar caruman KWSP untuk pasangan yang tidak bekerja. Ini dituju terutamanya kepada wanita sebagai suri rumah yang tidak bergaji. Adakah ia akan dipertimbangkan oleh kerajaan atau kementerian? Mengapa suami atau isteri warganegara asing kepada warganegara Malaysia tidak dibenarkan membuka akaun persendirian di bank terutamanya jika mereka tidak bekerja dan tidak dapat memohon kredit kad tanpa deposit? Terima kasih.

■1100

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tajuk ini sudah lari sedikit, daripada KWSP pergi akaun bank.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi Yang Berhormat ada kepakaran itu, boleh jawablah sedikit... [Ketawa]

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya tidak berapa pasti. Mungkin Yang Berhormat Dato' Najeeb lebih tahu. Beliau dahulu bekerja sebagai..

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak boleh tidak mengapa Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya tidak hendak beri jawapan yang tidak tepat. Saya tidak berapa pasti. Cuma saya boleh menyatakan bahawa barangkali kerana bank tidak mengenali seseorang itu dengan izin, *the bank must know the customers*. Jadi kalau seseorang itu bukan warganegara, yang tidak ada pekerjaan, tidak ada rekod yang baik dari segi pengetahuan bank, maka mereka ini agak segan untuk membuka akaun dan memberi pinjaman.

Itu secara umumnya, tetapi secara yang lebih khusus barangkali Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb lebih arif. Beliau bekerja dengan bank lama dahulu. Beliau jaga bahagian kredit kad pun. Terima kasih... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan soalan tambahan, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Oleh kerana usaha kerajaan memanggil pulang kebanyakan daripada pekerja-pekerja kita yang mahir di luar negara, adakah kerajaan ada membuat sebarang MoU ataupun sebarang *understanding* dengan syarikat-syarikat umpama KWSP di luar negara bagi

memastikan simpanan ataupun caruman pekerja kita yang bekerja di negara-negara lain ini dapat dibawa balik ke Malaysia ataupun apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan keselarasan bila mereka pulang ke Malaysia. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Apabila warganegara kita pulang bekerja di Malaysia, maka secara automatik sumbangan kepada KWSP ini diwajibkan. Tentang penyerahan kembali atau penyelarasan simpanan yang dibuat sebelumnya di negara-negara lain, itu sebenarnya tertakluk kepada undang-undang negara lain. Jadi buat masa ini, oleh kerana rakyat Malaysia yang bekerja di negara-negara yang berlainan, jumlahnya tidaklah begitu ramai kecuali di negara Singapura pada suatu masa dahulu. Itu pun soal pemindahan sumbangan kepada CPF di Singapura itu pun masih belum diselesaikan sepenuhnya kerana ia tertakluk kepada undang-undang negara masing-masing. Apatah lagi kalau jumlah pekerja kita tidaklah begitu ramai di satu-satu negara. Jadi untuk membuat satu-satu tindakan khusus di negara tersebut barangkali agak sukar. Terima kasih.

8. Dato' Zaitun binti Mat minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya warga emas dan jumlah bantuan yang diterima serta sejauh manakah bantuan ini benar-benar telah membantu golongan sasaran tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan rakyat khususnya golongan warga emas. Usaha ini disokong dengan kelulusan ke atas Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara pada bulan Januari 2011 yang memberi pengiktirafan serta memastikan warga emas dapat menikmati kehidupan dengan lebih bermaruah dan berkualiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bantuan Orang Tua disalurkan kepada golongan warga emas yang layak dan berusia 60 tahun ke atas supaya mereka dapat terus tinggal dalam komuniti. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2010, seramai 120,496 warga emas menerima Bantuan Orang Tua sebanyak RM300 setiap orang bagi setiap bulan dengan perbelanjaan berjumlah RM422.5 juta.

Jumlah penerima tersebut merupakan 30 peratus daripada jumlah keseluruhan bilangan penerima bantuan JKM iaitu berjumlah 424,526 orang di bawah pelbagai skim bantuan yang lain. Manakala dari segi perbelanjaan pula, Bantuan Orang Tua merupakan 35 peratus daripada perbelanjaan keseluruhan bantuan JKM yang berjumlah RM1.2 bilion.

Skim Bantuan Orang Tua yang diberikan kepada golongan warga emas menunjukkan keprihatinan dan keikhlasan kerajaan dalam membantu golongan ini menampung perbelanjaan keperluan asas menjalani kehidupan yang lebih baik dan berkualiti agar mereka dapat meneruskan kehidupan mereka dengan lebih bermaruah dalam persekitaran masyarakat di

samping mengelakkan mereka daripada dimasukkan ke institusi-institusi kebajikan. Sekian, terima kasih.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan.

Soalan pertama saya, apakah langkah kerajaan bagi memudahkan pembayaran bantuan kepada warga emas dan adakah kerajaan bercadang memasukkan terus ke dalam akaun penerima?

Keduanya, adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempunyai pangkalan data atau profil yang lengkap berhubung dengan warga emas di seluruh negara dari segi lokasi, tempat tinggal dan sosioekonomi bagi memastikan perkhidmatan sosial yang cekap dan berkesan dan adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji jumlah bantuan yang diberikan kepada warga emas ini supaya bantuan itu benar-benar dapat membantu. Apakah langkah-langkah kerajaan dalam menyediakan jaminan sosial kepada warga emas seperti Skim Bantuan Khas dan sebagainya bagi memastikan warga emas terus terbela di bawah kerajaan yang mengutamakan kebajikan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang bersiri yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak benar itu. Teruskan menjawab.

Puan Heng Seai Kie: Okey yang pertama sekali ialah bagi bayaran supaya dimasukkan terus ke dalam akaun bank. Kementerian dalam peringkat ini sememangnya sedang menggalakkan supaya semua penerima bantuan JKM untuk membuka akaun mereka dengan bank supaya bayarannya boleh dikreditkan terus ke dalam akaun mereka. Bukan sahaja warga emas, malahan semua penerima bantuan JKM.

Bagi yang kedua ialah tentang data lengkap sama ada kita mempunyai data yang lengkap tentang warga emas. Jawapannya ialah ya. Sebenarnya berdasarkan kepada data yang ada itu, kita telah menggubal Dasar Warga Emas Negara dan juga Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang telah pun diluluskan oleh Kabinet pada 5 Januari 2011 yang lalu.

Tentang langkah-langkah untuk menjaga kebajikan warga emas kita melalui pelbagai skim bantuan khas, sebenarnya selain daripada memberikan bantuan JKM dalam bentuk kewangan, kementerian ini melalui JKM kita juga turut menyediakan pusat jagaan harian khususnya untuk warga emas yang tinggal bersama dengan keluarga tetapi perlukan jagaan semasa ahli-ahli keluarga keluar bekerja. Selain daripada 22 buah pusat jagaan yang telah ditubuhkan di seluruh negara, JKM juga turut menubuhkan sembilan buah Rumah Seri Kenangan yang menawarkan tempat kediaman kepada warga emas kita yang dapat menguruskan diri sendiri dan dua buah Rumah Ehsan untuk menjaga warga emas yang tidak berupaya untuk menguruskan diri sendiri atau terlantar dan perlukan jagaan serta rawatan yang rapi. Sekian, terima kasih.

■1110

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta cuma hendak memberi maklum kepada semua Ahli Yang Berhormat, bila soalan tambahan itu jangan terlalu panjang. Lebih-lebihnya dua perkara sahaja untuk memberikan peluang kepada pihak wakil kementerian untuk menjawab.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut jangkaan semasa, Malaysia dijangka akan mengalami *ageing population* menjelang tahun 2030. Jadi, apakah perancangan kerajaan terhadap atau menghadapi cabaran sedemikian? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai perancangan ataupun usaha kementerian bagi menghadapi cabaran *ageing population*, bagi memastikan agar warga emas di Malaysia menjalani kehidupan yang sejahtera, seperti mana yang saya nyatakan, kementerian ini telah pun menggubal Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang telah pun diluluskan Kabinet pada 5 Januari 2011 bagi menggantikan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara tahun 1998 yang mengambil kira pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersepadu ke arah memastikan objektif tersebut tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Warga Emas Negara merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri mereka melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Antara enam strategi utama Dasar Warga Emas Negara yang telah ditetapkan adalah:

- (i) promosi dan invokasi;
- (ii) perbelanjaan sepanjang hayat;
- (iii) keselamatan dan perlindungan;
- (iv) tadbir urus dan perkongsian tanggungjawab;
- (v) penglibatan dan kesepaduan antara generasi; dan
- (vi) penyelidikan dan pembangunan.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah merancang pelbagai langkah bagi memastikan warga emas lebih bersedia untuk menghadapi kehidupan hari tuanya seperti berikut:

- (i) menggalakkan amalan perancangan untuk hari tua;
- (ii) memperkenalkan pendidikan kewangan kepada semua lapisan masyarakat; dan,
- (iii) menggalakkan pekerja berumur 40 tahun dan ke atas untuk membuat persediaan penyesuaian diri ke alam kerjaya kedua.

Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi mengatasi gejala sosial di kalangan mahasiswa IPTA dan IPTS. Nyatakan peratusan mengikut kesalahan serta jumlah yang telah dikenakan tindakan mengikut AUKU sejak sepuluh tahun yang lepas.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Syed Ibrahim bin Kader. Sebenarnya gejala sosial dalam kalangan mahasiswa IPTA dan IPTS tidaklah berleluasa. Namun demikian, kita maksudnya Kementerian Pengajian Tinggi dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar di IPT masing-masing mengambil pendekatan yang bersepadu dalam mengelakkan ataupun mengatasi mana-mana masalah sosial yang berlaku dalam kalangan mahasiswa kita.

Pertama sekali ialah kita cuba membangunkan sahsiah pelajar melalui pelbagai aktiviti sama ada formal ataupun tidak formal. Di sesetengah IPTA misalnya ada bahagian kerohanian ataupun pusat Islam yang menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan dan kerohanian. Di sesetengah IPT ada Persatuan Mahasiswa Islam atau jika tiada Persatuan Mahasiswa Islam ada persatuan-persatuan yang setaraf dengannya yang juga menganjurkan banyak aktiviti untuk mereka di samping beberapa aktiviti khusus yang memang dianjurkan oleh semua pihak dalam universiti seperti usrah, ceramah agama, sambutan hari keluarga, Kempen 'Kami Prihatin', 'Apakah Dosaku', dan sebagainya.

Kedua ialah sekiranya ada timbul masalah maka lazimnya pelajar atau mahasiswa ini akan dirujuk kepada kaunselor yang berpengalaman untuk membantu mereka. Ketiganya, kita menganjurkan kerjasama dengan pihak-pihak luar termasuk kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan pihak polis dan pihak AADK juga dengan agensi-agensi agama, jabatan agama, para ulama, persatuan belia, NGO dan sebagainya.

Daripada segi jumlah, sebenarnya jumlah itu tidak ada di KPT. Jumlahnya kecil dan ia berada dalam simpanan IPT masing-masing. Daripada segi tindakan yang dikenakan ke atas mahasiswa itu, dia tidaklah di bawah AUKU tetapi di bawah kaedah tatatertib pelajar di IPT masing-masing walaupun punca kuasanya memanglah semuanya pada AUKU. Kalau di IPTS, kaedah tatatertib pelajar masing-masing itu punca kuasanya adalah di Akta IPTS. Terima kasih.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Soalan tambahan saya, memandangkan kita dapat menyediakan satu sistem pelaksanaan bagi menangani masalah sosial di kalangan mahasiswa, apakah kerajaan memantau akan pelajar-pelajar asing di IPTS khasnya yang semakin ramai antara mereka terutamanya dari negara Afrika yang sering mencemarkan nama negara di persada antarabangsa dalam jenayah dadah, pelacuran dan

kecurian dan aktiviti-aktiviti yang lain. Apakah kementerian sentiasa memantau IPTS dalam pengeluaran *student visa* bagi pelajar asing ini yang sering menyalahgunakan visa tersebut.

Dato' Saifuddin bin Abdullah Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita memang memantau kegiatan pelajar-pelajar antarabangsa khususnya dari benua Afrika, tidak kira sama ada dia di IPTA ataupun di IPTS. Namun, saya ingin jelaskan dari segi 20 buah IPTA yang bertaraf universiti dan 49 buah IPTS yang bertaraf universiti dan kolej universiti, umumnya kita tidak berhadapan dengan masalah pelajar-pelajar dari benua Afrika. Jika ada, ia adalah lazimnya datang daripada kolej-kolej swasta yang lebih kecil dan bukan bertaraf universiti dan bukan bertaraf kolej universiti.

Namun demikian, kita dapati walaupun ada kes-kes seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, namun ada waktunya apabila diteliti, ia tidak sangat melibatkan pelajar. Sebagai contoh, dari segi tangkapan ke atas pelajar antarabangsa, kes yang dipanggil *African scam* dari bulan Ogos 2008 sehingga April 2009, dilaporkan 39 orang warganegara dari Afrika mengaku pelajar apabila ditangkap oleh pihak berkuasa. Rupa-rupanya yang benar-benar pelajar cuma lima orang sahaja. Begitu juga dalam kes tangkapan ke atas pelajar Afrika dalam jenayah komersial pada tahun 2010, mengikut data pada bulan Oktober 2010, begitu juga dikatakan 220 orang pelajar Afrika ditahan di bawah kesalahan jenayah komersial.

■1120

Akan tetapi apabila kita semak jumlah itu tidak sampai seperti yang dilaporkan. Baru-baru ini, sempena dengan tahun antarabangsa untuk mereka yang berketurunan Afrika dengan izin, *International Year for People of African Descent* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita kementerian, telah mengadakan siri pertemuan dengan persatuan-persatuan pelajar-pelajar dari benua Afrika dan juga daripada Kedutaan-kedutaan Afrika.

Sebenarnya kita dapati bahawa ada beberapa isu yang perlu kita tangani misalnya dengan izin, media *portrayals* kepada kes-kes tersebut, yang ada masanya macam saya katakan tadi, tidak seperti yang sebenarnya berlaku.

Namun kita juga menasihatkan sesetengah kes malahan kita menasihatkan IPTS terutamanya untuk lebih berhati-hati dalam pengambil pelajar dari negara-negara tertentu bukan sahaja dari mana-mana benua tertentu Tuan Yang di-Pertua tetapi berdasarkan rekod memang ada beberapa kes masih terpendil tetapi kita hendak mengelakkan ia daripada berleluasa. Terima kasih.

10. Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah pinjaman dan meluaskan Program TEKUN (Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga) kepada usahawan-usahawan muda dan juga peniaga-peniaga kecil khususnya dari desa dan pedalaman.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang yang telah

bertanyakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, TEKUN Nasional menawarkan pinjaman mikro di antara RM500 sehingga RM50,000 dengan tempoh pinjaman daripada enam bulan sehingga lima tahun. Jumlah pinjaman yang ditawarkan merupakan jumlah maksimum pinjaman mikro dan TEKUN Nasional tidak bercadang untuk meningkatkan jumlah maksimum pinjaman ini memandangkan terdapat agensi-agensi kerajaan yang lain yang telah menyediakan pinjaman melebihi RM50,000 contohnya seperti MARA.

Pinjaman TEKUN Nasional disediakan adalah untuk membantu usahawan termasuklah usahawan-usahawan muda serta peniaga kecil di seluruh negara yang tinggal di kawasan bandar dan pedalaman dan ditawarkan kepada usahawan-usahawan yang berumur antara 18 hingga 65 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, 53 peratus usahawan TEKUN adalah terdiri daripada golongan yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Secara keseluruhannya, sejak penubuhan TEKUN pada 1 Januari 1999 sehingga 31 Mei 2011, sejumlah 232,356 orang peminjam bernilai RM1.72 bilion telah disalurkan kepada seramai 186,534 orang usahawan di seluruh negara.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah program TEKUN ini berjaya dari segi matlamat dan *target* asalnya dan bagaimanakah ianya boleh ditingkatkan lagi untuk menyumbang kepada GDP negara? Sekian.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, memanglah kita punya *target* itu – mencapai *target* kita iaitu untuk menolong mereka yang memulakan perniagaan dan banyak juga usahawan-usahawan yang telah dilahirkan oleh TEKUN Nasional ini. Ada yang kita tambah pinjaman, maknanya daripada semasa ke semasa dan ada yang berjaya. Masalah kepada kita ialah ada juga sebilangan daripada mereka biasalah, yang tidak menjelaskan hutang. Ini yang menjadi satu masalah yang paling besar kepada kita dan jumlah yang kita dapati bahawa sekarang ini masih ramai yang tidak menjelaskan hutang.

Walau bagaimanapun, kita telah menyediakan satu pasukan yang diwujudkan untuk mengutip hutang-hutang ini dan setakat ini kita berjaya mengutip lebih kurang RM350,000 sebulan, yang lebih kurang RM15 juta setahun.

Namun begitu, masih lagi ada mereka ini dan tindakan terpaksa kita ambil. Dari segi *target* kita berjaya capai kerana bagi mereka yang ingin berniaga, memang mereka mendapat nikmat dan kita telah berjaya mewujudkan usahawan-usahawan tetapi ada juga di kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab, hutang tidak bayar. Ini yang menjadi masalah kepada kita.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas penjelasan tadi. Saya mohon untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan tentang jumlah dari segi nilai dan penerima sebenar dana yang diperuntukkan dan telah dikeluarkan untuk program TEKUN ini sejak ianya mula-mula dilancarkan.

Keduanya, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang dakwaan bahawa salah satu kriteria utama untuk memastikan kelulusan pinjaman untuk program TEKUN ini, ianya memerlukan pemohon itu sendiri harus menjadi ahli parti politik tertentu

sedangkan dana yang digunakan untuk program TEKUN adalah dana awam. Hasil pungutan cukai orang ramai serta ianya sekali gus bertentangan dengan konsep 1Malaysia yang cuba diterapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, tadi berkenaan dengan jumlah peminjam TEKUN, dari awal saya sudah sebutkan tadi. Jejak ia ditubuhkan lebih 232,000 pinjaman bernilai RM1.7 bilion, itu saya sudah sebutkan tadi, dengan jumlah dan sebagainya. Berkenaan dengan dakwaan itu saya tidak pasti Yang Berhormat tetapi yang saya tahu kita proses segala-galanya, siapa juga yang memohon. Jadi, mungkin yang diluluskan itu kebetulannya dia terdiri daripada berbagai-bagai fahaman. Saya pun tidak tahu, siapa yang memohon dan siapa yang kita luluskan. Kita tidak mengambil kira bab itu dan ia bukan menjadi satu kriteria tetapi ini dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh parti-parti pembangkang biasanya. Terima kasih.

11. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah nisbah hutang isi rumah yang dikatakan antara tertinggi di dunia.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana banyak kali menjawab hari ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK masih berada pada paras yang terurus dan kekal stabil pada 75.9 peratus pada tahun 2010 berbanding 76 peratus pada tahun 2009. Sehingga akhir Mac 2011, jumlah hutang isi rumah meningkat pada kadar yang perlahan sedikit iaitu sebanyak 12.2 peratus berbanding peningkatan 12.6 peratus pada tahun 2010. Hampir separuh daripada hutang isi rumah pula merupakan pinjaman bercagar yang melibatkan aset seperti harta kediaman.

Pada masa yang sama kenaikan jumlah hutang isi rumah ini telah disokong oleh kenaikan atau diimbangi oleh kenaikan jumlah aset kewangan sektor isi rumah yang lebih tinggi iaitu pada kadar 13.1 peratus kepada RM1,430 bilion berbanding kadar 12.5 peratus atau RM1,379 bilion pada tahun 2010.

Jumlah aset kewangan sektor isi rumah ini adalah melebihi dua kali ganda jumlah hutang dan mencukupi untuk memberikan sektor tersebut ruang bagi menguruskan hutang berkenaan. Ini dapat dilihat daripada nisbah pinjaman tidak berbayar sektor isi rumah NPL, yang semakin menurun iaitu pada paras 2.2 peratus berbanding 2.3 peratus pada akhir 2010. Keadaan ini menunjukkan bahawa sektor tersebut masih kekal berdaya tahan dan berkemampuan. Kerajaan sentiasa memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah berada pada paras yang berhemah. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah pertamanya, mengetatkan syarat pemilikan kad kredit.

■1130

Kedua, memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER) yang bertujuan untuk meningkatkan tahap pemahaman dan kemahiran pengurusan kewangan bagi peminjam baru dan golongan muda.

Ketiga menyediakan khidmat nasihat dan pertolongan dalam menguruskan kredit dan kewangan kepada peminjam serta membantu menstruktur semula hutang mereka dengan pihak institusi kewangan melalui agensi kaunseling dan pengurusan kredit AKPK.

Selain itu penetapan standard pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab oleh institusi perbankan juga dilaksanakan dengan memastikan produk kewangan yang ditawarkan benar-benar menepati keperluan dan mengambil kira keupayaan membayar balik pinjaman oleh individu. Hubungan yang berterusan antara Bank Negara Malaysia dengan institusi perbankan turut dijalin dalam usaha menggalakkan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan mematuhi *underwriting standards* yang lebih tegas dengan izin. Melalui aktiviti pengawalseliaan seperti ini adalah didapati amalan pengurusan risiko di kalangan institusi perbankan semakin kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga arah aliran dan perkembangan pinjaman kepada sektor isi rumah akan sentiasa dipantau dan kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang munasabah dan keupayaan membayar balik hutang kekal kukuh. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu terperinci di atas soalan saya. Soalan tambahan saya, kita faham bahawa sebahagian besar peningkatan nisbah hutang isi rumah ini adalah disebabkan oleh pinjaman untuk membeli rumah dan kenderaan yang merupakan perkara asas dalam kehidupan kita pada hari ini.

Apakah kerajaan bercadang untuk menurunkan harga rumah dan kenderaan supaya orang ramai mampu membelinya tanpa perlu memanjangkan tempoh pembayaran semula dan sekali gus mengurangkan bebanan hutang yang perlu ditanggung oleh peminjam. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam sistem ekonomi negara kita, kenderaan dan rumah adalah urusan pihak swasta. Kerajaan tidak berhajat dan tidak mampu untuk mengurangkan harga-harga rumah dan kenderaan ini kerana ia merupakan harga-harga pasaran. Sekiranya kerajaan menetapkan harga-harga rumah dan kenderaan ini, maka sudah tentu pertamanya ia melanggar prinsip ekonomi negara kita.

Keduanya ia akan menjejaskan prestasi kerajaan yang akan menjadi teruk, subsidi yang sedia ada pun sudah banyak sangat. Kalau kita hendak mengurangkan harga-harga ini pun sudah tentu kena tanggung oleh pihak kerajaan. Maka kerajaan sebenarnya tidak bercadang dan ianya tidak selaras dengan dasar ekonomi negara pada hari ini. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kadar yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sangat sedikit perubahannya. Jadi adakah keadaan ini berlaku disebabkan oleh di Malaysia pendapatan itu *stagnant* tidak naik, tetapi kos sara hidup naik setiap tahun. Untuk memperbaiki keadaan ini, untuk nisbah hutang isi rumah tersebut, apakah rancangan kerajaan untuk menaikkan pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya dari segi statistik hutang NPL dan sebagainya apabila Yang Berhormat kata perbezaannya tidak banyak, maka ia menunjukkan keadaan yang stabil. Kalau ia meningkat banyak maka tidak stabil. Jadi ia ada kebaikan, ia turun, cuma ia tidak turun banyak, keadaan stabil dalam *under control* dengan izin.

Keduanya macam mana kerajaan hendak naikkan pendapatan? Ini adalah hasrat kerajaan kita, Kerajaan Malaysia hari ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melaksanakan dasar-dasar untuk menjadikan negara kita negara maju berpendapatan tinggi, bermakna pendapatan kena tinggi. Kalau kita sasarkan pendapatan negara kita yang akan meningkat menjadi USD15,000 sehingga USD20,000 per kapita, maka sudah tentu semua rakyat Malaysia akan mendapat pendapatan yang lebih tinggi dan kita kena jayakan usaha ini dan untuk menjayakan usaha ini kita kena wujudkan suasana ekonomi yang baik, kestabilan politik dan kestabilan ekonomi.

Jadi kita kena bekerjasama, jangan menimbulkan huru-hara dalam negara kita supaya timbul keyakinan pelabur untuk datang melabur. Jadi kalau ada huru-hara, ada perbalahan ada perkara-perkara yang nampak tidak baik yang sengaja diadakan, ini tidak akan menjurus kepada usaha meningkatkan pendapatan dan ini menyusahkan rakyat. Sebab itu Kerajaan Barisan Nasional begitu bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pendapatan rakyat ini dan perlu kepada suasana yang aman, yang stabil... [*Tepuk*]

Jadi, saya menyahut baik saranan Yang Berhormat untuk kerajaan meningkatkan pendapatan. Akan tetapi saranan itu mesti disusuli dengan tindakan yang bersesuaian. Terima kasih Yang Berhormat.

12. Datuk Majjol Mahap minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah drastik yang dibuat oleh kementerian untuk memperbaiki taraf penggunaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah di negara ini yang amat lemah berbanding dengan negara-negara Asia yang satu ketika dahulu secara tradisi adalah lemah dalam penguasaan bahasa tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) telah dilaksanakan mulai 2011 sebagai usaha untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid. Ini bukan sahaja untuk memastikan pelajar-pelajar dapat menguasai bahasa

Inggeris dengan baik, tetapi dalam masa yang sama mampu menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan lingua franca di samping meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran itu sendiri. Dalam konteks ini kementerian telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti yang berikut:

- (i) melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011 iaitu tahun ini bagi Tahun Satu bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Melalui KSSR ini pendekatan *modular* asas bahasa *back to basic* serta elemen didik hibur diperkenalkan;
 - (ii) menggubal Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang digunakan sekarang sebagai kesinambungan kepada KSSR yang baru diperkenalkan;
 - (iii) penambahan waktu secara signifikan untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris di Tahap Satu dan Dua di sekolah rendah. Ini memberi penambahan masa kepada pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris sebanyak 330 minit seminggu untuk sekolah kebangsaan dan 150 minit seminggu bagi sekolah jenis kebangsaan;
 - (iv) melantik 375 penuntut jati Bahasa Inggeris dari luar negara untuk melaksanakan program meningkatkan profesionalisme pensyarah dan guru Bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut 360 penuntut jati dilantik sebagai mentor kepada guru Bahasa Inggeris bagi 1,800 buah sekolah rendah, manakala 15 orang lagi dilantik sebagai *training fellows* di lima buah Institut Pendidikan Guru (IPG). Sehingga kini seramai 325 penuntut jati telah ditempatkan di 1,625 buah sekolah seluruh negara manakala seramai 14 orang *trainee fellows* telah ditempatkan di lima IPG berkenaan yang dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris;
- 1140
- (v) mewujudkan kerjasama antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat melalui program *Fulbright English Teaching Assistant* atau *Fulbright ETA*. Buat permulaan, program ini akan dilaksanakan mulai Januari 2012 dengan menempatkan 50 orang pembantu guru dari Amerika Syarikat ke sekolah-sekolah berprestasi rendah di tiga buah negeri iaitu Terengganu, Pahang dan Johor. Program ini adalah tambahan kepada Program Penutur Jati Bahasa Inggeris yang sedang dijalankan sekarang;

- (vi) kementerian juga telah menyediakan dan melaksanakan program latihan khusus untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris. Pada tahun 2010, seramai 11,777 orang telah diberi latihan peningkatan kompetensi bahasa Inggeris, manakala sehingga Jun 2011, seramai 3,772 orang telah dilatih dan sasaran kita pada tahun ini ialah 10,000 orang;
- (vii) pengambilan guru bersara bahasa Inggeris secara kontrak akan dilaksanakan. KPM mensasarkan dari tahun 2011 hingga 2013, seramai 600 orang guru bersara bahasa Inggeris akan dilantik secara kontrak di seluruh negara. Sehingga Jun 2011, seramai 120 orang guru kontrak ditempatkan di sekolah berprestasi rendah luar bandar manakala 50 orang lagi di sekolah berprestasi rendah di kawasan bandar.
- (viii) KPM telah menjalinkan kerjasama dengan *British Council* melalui projek *Virtual Teaching Support Network (VTSN)* sebagai platform kepada guru untuk mengakses maklumat serta berkongsi idea bersama guru Bahasa Inggeris di peringkat antarabangsa terutamanya dalam penyediaan dan pembinaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Setakat ini, tiga siri bengkel bina bahan telah dilaksanakan yang berjaya menghasilkan 60 rancangan mengajar (*lesson plan*) iaitu pada bulan Ogos dan September tahun lalu;
- (ix) Kementerian Pelajaran juga telah memperkenalkan bahan digital *English Language Tahun Satu* di semua sekolah rendah mulai tahun 2011 sebagai bahan bantu mengajar. Pemantauan yang dibuat untuk tiga bulan pertama sesi persekolahan 2011 mendapati bahawa penggunaan bahan ini memberi kesan amat positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Penggunaan bahan digital ini akan diperluaskan ke semua sekolah menengah bagi kegunaan sesi persekolahan 2012;
- (x) meningkatkan kapasiti bilik komputer di sekolah sebagai makmal bahasa. Pada tahun 2010, sebanyak 20 buah sekolah telah dirintis dan dipilih sebagai projek rintis makmal bahasa ini dan proses perluasan akan dilaksanakan di 1,548 buah sekolah di seluruh negara pada tahun 2011;
- (xi) kursus seni bahasa dalam sastera juga diterap melalui komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Mulai tahun 2010, murid Tingkatan 1 mula mempelajari teks komponen

sastera bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen, drama dan novel;

- (xii) membekalkan bahan bacaan dalam bahasa Inggeris di pusat sumber sekolah rendah dan menengah yang terpilih. Bahan bacaan tambahan ini mengandungi 190 judul dan melibatkan sejumlah 291,381 naskhah serta ianya telah pun diedarkan ke 7,476 buah sekolah di seluruh negara; dan
- (xiii) membudayakan dan mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris melalui aktiviti kokurikulum dengan melibatkan murid-murid dalam aktiviti kelab dan persatuan seperti pertandingan kuiz, pidato, bahas dan sebagainya di peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Program dan aktiviti yang telah dirancang ini dipantau sepenuhnya oleh Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Dasar MBMMBI yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran sendiri bagi memastikan matlamat dasar tersebut tercapai sepenuhnya. Terima kasih.

Datuk Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan yang begitu komprehensif. Pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, sebagai tambahan kepada apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, adakah kementerian bercadang untuk mengambil pendekatan atau menggunakan modul yang digunakan oleh beberapa buah negara-negara Asia? Saya difahamkan negara-negara Asia seperti Korea, China, Taiwan, Jepun menghantar penuntut-penuntut mereka ke negara-negara yang berbahasa Inggeris untuk mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris dengan fasih dengan begitu baik. Apabila mereka tamat nanti dan balik ke negara mereka masing-masing dan mengajar bahasa Inggeris dan juga menempatkan mereka ke tempat-tempat yang tertentu yang strategik dan ini memberikan gambaran dan imej yang baik di mata dunia terhadap negara mereka. Jadi adakah Malaysia ingin berbuat demikian? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan yang telah dikemukakan. Pertama, bagi Kementerian Pelajaran, secara tradisinya di bawah Kementerian Pelajaran kita mempunyai satu kampus IPG yang digunakan untuk melatih guru-guru khusus dalam bahasa asing termasuklah bahasa Inggeris yang bersebelahan dengan Universiti Malaya iaitu IPBA. Pada waktu yang sama juga, kementerian telah mewujudkan satu *English Language Teaching Centre* (ELTC) yang mana ia berperanan sebagai penggerak untuk kita melatih guru-guru yang mahir.

Jadi saya rasa dengan kita menggunakan *multi pronged approach* dengan izin, kita tidak menghantar kerana jumlah ini kalau kita hendak hantar begitu ramai sekali. Misalannya 12,000 yang kita hantar tahun lalu kalau kita hendak buat latihan di luar negara, itu satu perbelanjaan yang sangat besar kalau kita hendak hantar ke UK. Akan tetapi apa yang dilakukan oleh kerajaan

ialah kita mengajak *British Council* dan beberapa syarikat terkemuka untuk mereka membantu kita melalui pelantikan Penutur Jati. Kita bukan letak Penutur Jati ini di kawasan bandar sahaja. Apa yang penting ialah mereka perlu berkhidmat di 1,648 buah sekolah yang mana mereka ini berperanan untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa. Jadi kita gunakan satu kaedah di mana kita buat secara songsang (*reverse*). Daripada kita hantar, sebaliknya kita minta mereka datang.

Mereka ini juga ditempatkan di IPGM yang mana mereka dengan pensyarah tempatan melatih guru-guru ini. Jadi saya rasa pengkhususan dalam bahasa Inggeris dengan adanya kepakaran tempatan dengan antarabangsa, saya yakin – kalau Yang Berhormat sempat melawat ELTC. ELTC ini sebagai satu tempat yang dapat melahirkan begitu ramai sekali guru bahasa. Saya bagi contoh. Setiap tahun kita buat saringan. Macam tahun lalu, kita mengajak guru-guru ini mereka membuat saringan *Oxford Proficiency Test*. Kita melihat kalau guru-guru yang ada kemahiran kalau dahulunya *option* bukan Bahasa Inggeris, kalaulah mereka ini dapat melalui saringan *Oxford Proficiency Test* ini dalam *band enam*, kita akan serap mereka dan kita tawarkan kursus C-PELT (*Certificate in the Practice of English Language Teaching*).

Ini adalah satu rangka khusus yang direka bentuk khas untuk kita memberi peningkatan kepada mereka yang dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Dengan cara ini, kita dapat menukar secara *conversion option* itu dan pada waktu yang sama kita dapat melahirkan guru bahasa Inggeris yang fasih dalam bahasa tersebut. Jadi saya rasa kita gunakan banyak pendekatan, bukan satu, kerana implikasi kos itulah yang menyebabkan kita tidak dapat hantar semua ke UK dan juga US. Terima kasih.

13. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan, status terkini Eminent Persons Group (EPG) Malaysia-Indonesia, khususnya mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) kali terakhir kumpulan itu mengadakan pertemuan dan komposisi keanggotaan kumpulan itu sekarang; dan
- (b) langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh kementerian-kementerian (agensi-agensi) tertentu melaksanakan pelbagai cadangan kumpulan itu dan langkah-langkah selanjutnya kedua buah negara mengenai status, keanggotaan dan program/kegiatan EPG Malaysia-Indonesia.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia telah menubuhkan Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka atau *Eminent Persons Group* (EPG) pada 7 Julai 2008. Pelantikan anggota-anggota EPG Malaysia adalah untuk

tempoh satu tahun bermula daripada 7 Julai 2008 hingga 6 Julai 2009. Kumpulan EPG Malaysia-Indonesia telah mengadakan pertemuan sebanyak empat kali. Pertemuan kali terakhir pada 22 hingga 23 Disember 2008 di Kuala Lumpur dan laporan EPG telah dikemukakan kepada pemimpin kedua-dua negara semasa rundingan tahunan yang keenam di Jakarta pada 17 Mac 2009.

■1150

Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan untuk mengaktifkan semula EPG Malaysia. Yang Berbahagia Tun Musa Hitam telah bersetuju untuk terus mempengerusikan EPG Malaysia. Kementerian Luar Negeri Malaysia kini sedang di dalam proses untuk mengenal pasti calon-calon anggota EPG Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, laporan yang dihasilkan oleh kumpulan EPG Malaysia-Indonesia pada tahun 2009 telah dikemukakan kepada kementerian dan agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan institusi-institusi pengajian tinggi. Pelbagai program yang melibatkan hubungan kepada rakyat, dengan izin, *people to people contact* telah dilaksanakan berdasarkan syor-syor yang terkandung di dalam laporan kumpulan EPG tersebut.

Program-program yang dilaksanakan merangkumi kerjasama di pelbagai sektor iaitu perhubungan di antara rakyat, media, imigresen, pembangunan ekonomi, kebudayaan, pendidikan, pembangunan sumber manusia, pelancongan, sukan serta pembangunan mapan dan konservasi biodiversiti. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ada dua soalan tambahan. Pertama, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan EPG Malaysia akan diaktifkan kembali dan komposisi anggotanya sedang dalam pertimbangan. Adakah ini bermakna juga di pihak Indonesia mereka akan mengaktifkan kembali EPG mereka? Jika begitu, boleh tidak diberitahu bila agaknya kedua belah pihak akan bertemu kembali?

Soalan saya yang satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah daripada pelbagai program yang telah dilaksanakan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apa agaknya program yang paling signifikan yang menyumbang terhadap peningkatan hubungan baik di antara Malaysia dan Indonesia? Oleh sebab apa yang dikemukakan tadi saya rasa adalah perkara-perkara yang rutin, sedangkan yang saya tanya ialah satu atau beberapa program yang benar-benar signifikan sebagai hasil daripada kewujudan EPG ini. Terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya jawatankuasa EPG sedang ditubuhkan ataupun boleh dikatakan di peringkat akhir di mana memang terdapat beberapa perubahan dilakukan terhadap jawatankuasa seperti yang dikehendaki Pengerusi. Di mana kalau kita lihat ada juga dari pihak Indonesia di mana ada dua tidak silap saya, dua orang ahli EPG ini yang meninggal dunia yang perlu digantikan juga. Kita mempunyai tujuh orang dari pihak Malaysia dan tujuh orang dari pihak Indonesia di dalam anggota EPG ini.

Memang pelbagai aspek kita bincang antara Malaysia-Indonesia, antaranya ialah sudah pasti yang pertama sekali kebudayaan di mana kedua-dua negara mempunyai kesamaan dari segi kebudayaan. Jadi, memang EPG ini mempunyai keyakinan penuh iaitu melalui *people to people contact* iaitu hubungan di antara kedua-dua rakyat negara ini sudah pasti dapat dipereratkan. Jadi, apa juga isu-isu yang timbul, kita dapat juga menyelesaikan melalui perbincangan di peringkat EPG ini. sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2011) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" ***[5 Julai 2011]***

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini kita menyambung semula perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011. Untuk makluman, seramai 16 orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat turut berbahas. Dengan itu, saya mohon kerjasama pada semua Yang Berhormat agar dapat menghargai masa, terima kasih. Kita mulakan dengan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

11.56 pg.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan ruang untuk saya bersama-sama berbahas ucapan Perbekalan Tambahan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah wang RM13,186,713,000 telah dibelanjakan kali ini bagi tujuan anggaran perbelanjaan tambahan pertama 2011 dari sejumlah wang perbelanjaan bekalan RM129,493,783,700 bagi anggaran perbelanjaan 2011.

Apa yang jelas di sini, sejumlah RM13 bilion lebih ini telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk manfaat rakyat dan telah diuruskan secara berhemah dan *transparent* serta dipantau rapi oleh kementerian dan agensi berkaitan. Maka, isu ketirisan dan juga penyalahgunaan peruntukan

tidak lagi didengari. Syabas saya ucapkan kepada pihak kerajaan di atas usaha telus dan sistematik ini.

Nampaknya, perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2011 didominasi oleh perbelanjaan bekalan. Hampir separuh daripadanya iaitu sebanyak 46 peratus dikhususkan kepada perbendaharaan am negara iaitu sebanyak RM6 bilion yang menjurus kepada isu penyelarasan subsidi gas dan petrol serta kenaikan tarif elektrik.

Manakala, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mendominasi kedudukan kedua dan ketiga dengan pertambahan perbelanjaan masing-masing sebanyak RM1,540,369,000 dan RM1,383,802,500. Apa yang saya amati, Kementerian Pelajaran meningkat pertambahannya dengan isu peruntukan emolumen guru dan tenaga pendidik termasuk kenaikan gaji dan pertambahan elaun bagi menarik golongan muda menyertai profesion perguruan dan pendidik, pemberian makanan tambahan berikutan sistem maklumat murid serta bantuan sekolah agama rakyat yang turut meliputi sekolah menengah agama rakyat dan sekolah rendah agama rakyat di seluruh negara.

Manakala, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pula menduduki kedudukan ketiga tertinggi di mana perbelanjaan majoritinya yang menyentuh isu subsidi beras ST15 peratus di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak oleh syarikat BERNAS, subsidi baja padi dan hasil padi, jaminan bekalan makanan di bawah Dasar Sekuriti Makanan (DSM), menangani isu kenaikan harga beras di pasaran antarabangsa serta pembiayaan projek daging beku halal, *High Risk Profiling* (HRP) dan pembinaan jeti terminal ikan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

■ 1200

Isu atau butiran pertama yang saya ingin sentuh di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah pertama Butiran 010000 - Urusan Parlimen sebanyak sebelas juta tiga ratus ribu ringgit. Urusan pembinaan bangunan baru sementara bagi kegunaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Khabarnya mencecah peruntukan sehingga RM11 juta. Saya terpanggil untuk membangkitkan isu ini kerana ianya melibatkan semua Ahli Dewan di sini. Soalan saya, berapakah anggaran terkini hari ini kos membangunkan bangunan sementara Parlimen ini.

Ini kerana pelbagai angka dan jumlah yang saya dengar dan membuat saya juga keliru berapakah anggaran sebenarnya? Benarkah saya ada terdengar yang mengatakan harga *finale* atau harga sebenar hanya akan ditentukan oleh pihak kontraktor iaitu syarikat TRC selepas semua kerja pembinaan dan penyelenggaraan dan reka bentuk dalaman siap. Saya khawatir jika ini terjadi jumlahnya bakal melambung tinggi. Tidakkah kementerian berhasrat menggunakan cap harga dan sepatutnya kementerianlah berkuasa menentukan bajet sebenar yang perlu dipatuhi oleh TRC kontraktor ini. Saya mohon penjelasan daripada kementerian.

Apakah perancangan Parlimen bagi Dewan yang sedia ada, yang sedang kita gunakan sekarang. Adakah ia bakal di baik pulih dan digunakan semula? Jika ya bagaimana nasib

bangunan sementara tersebut bakal menjadi galeri atau ditukar kepada *design* lain. Jika tidak apakah perancangan lain? Saya juga ingin menyentuh bahawa kita ada mengemukakan di dalam Dewan ini supaya nama Ahli-ahli Dewan Negara juga terukir seperti mana diukir dipapan luar sana bersama-sama dengan Ahli Dewan Rakyat yang ada yang belum lagi dibuat sehingga kini.

Saya harap ini juga akan dapat diteruskan. Apakah Parlimen Belia yang bakal ditubuhkan nanti bakal menduduki Dewan sementara tersebut. Bilakah idea Parlimen Belia ini bakal direalisasikan dan apakah statusnya setakat ini? Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan wang sebanyak RM2 juta bagi operasi Ops Piramid pula, saya berpendapat operasi ini terbukti berjaya di sebalik dakwaan pembangkang kononnya langkah ini merugikan. Saya juga ingin memuji dan mengucapkan tahniah kepada Wisma Putra dan kakitangan kedutaan kita di Mesir, pihak imigresen, kastam, penerbangan MAS dan Air Asia yang bertungkus-lumus membawa pulang pelajar dalam masa yang singkat di sebalik kerenah birokrasi kerajaan Mesir yang tidak memberikan hak pendaratan yang terhad kepada AirAsia umpamanya yang tidak boleh mendarat di Mesir serta kekangan proses imigresen Mesir. Sekali lagi syabas saya ucapkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, RM5 juta diperuntukkan untuk Pulau Sipadan. Sebagai destinasi popular terutamanya di kalangan rakyat asing dengan aktiviti skuba dan aneka hidupan laut sewajarnya Pulau Sipadan diberi peruntukan istimewa pembinaan bangunan dan *infra* perlulah dikawal, jentera mencemarkan alam perlu dihindari, sampah perlu dipantau dan denda berat perlu dikenakan supaya ekosistem laut tidak tercemar.

Contohnya pulau luar negara seperti Kepulauan Maldives dan kepulauan di Pantai Timur Australia yang mampu mengekalkan kehidupan luar dan kebersihan di sebalik jutaan pelancong mengunjunginya pada saban tahun.

Soalan saya, apakah perancangan kerajaan bagi mempopularkan dan mengkomersialkan Pulau Sipadan sebagai destinasi aktiviti skuba dan *snorkeling* terkenal di dunia. Ini kerana Pulau Sipadan sekarang sudah termasuk dalam top ten *destination* sebagai aktiviti skuba terbaik di dunia. Tuan Yang di-Pertua, RM100 juta untuk dana jaminan pembelian Rumah Pertamaku. Soalan saya, bagaimana status perancangannya di bawah kawalan selia Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) lokasi yang telah dikenal pasti dan syarat-syarat utama kelayakan. Harapan saya agar lokasinya tidak begitu terpencil yang menyebabkan kenderaan persendirian terpaksa digunakan juga kemudahan yang setaraf dan bancia yang telus hendaklah dijadikan satu kriteria bagi tujuan kelayakan.

Saya juga ingin menyoal, berapakah *range* harga skim perumahan ini. Skala gaji pembeli yang disasarkan. Saya pohon kementerian mengambil kira kadar inflasi dan potensi kenaikan harga petrol, barangan harian serta *purchasing power* bakal pembeli bagi mengelak berlakunya *non performing loans* kerana ghairah membeli rumah tanpa memikirkan kemampuan isi rumah. Harapan saya agar bank juga perlu memainkan peranan agar tidak sewenang-wenangnya

meluluskan pinjaman bank dan perlu menetapkan kriteria agar yang benar-benar layak sahaja diluluskan.

Akan tetapi, saya juga pohon agar pihak bank tidak terlalu *strict* ataupun tegas kerana niat murni kerajaan juga ialah menyediakan Skim Perumahan Mampu Milik untuk *target group* golongan pertengahan dan juga bawahan. Saya ingin tahu bagaimana perancangan pembangunan bekas tapak kem-kem Tentera Udara Sungai Besi, *Royal Military Base* yang bakal ditransformasikan menjadi kawasan komersial dengan janji kerajaan berkaitan *allocation* dan lot tanah untuk pembangunan rumah mampu milik menjadi keutamaan dengan harga rumah sekitar RM230,000 khusus untuk pembeli rumah pertama golongan muda yang baru berkahwin serta bergaji sekitar RM3,000 sebulan ke bawah.

Bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya ingin menyentuh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mendominasi kedudukan yang ketiga dengan pertambahan perbelanjaan sebanyak RM1,383,802,500 bilion. Perbelanjaan majoritinya yang menyentuh isu subsidi beras subsidi ST15 peratus di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak oleh Syarikat Bernas. Saya ingin menyentuh Skim Subsidi Beras (SUBUR) ini seperti yang dilaporkan skim SUBUR diperkenalkan bagi menggantikan subsidi beras ST15 kepada pengilang yang berjumlah hampir RM60 juta sebulan.

Dilaporkan lagi penghapusan subsidi ini bertujuan bakal menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM60 juta sebulan dan mengelakkan mereka yang tidak layak menikmatinya.

Apa yang saya amati, selepas hampir setahun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pelaksanaannya tidaklah sesempurna mana. Sehingga menjadi masalah pula kepada kami para-para wakil rakyat Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat kerana sering ditanya rakyat mengenai perkembangan kupon subsidi beras ini. Di sini saya memohon penjelasan kementerian sama ada SUBUR ini akan diteruskan ataupun tidak.

Jika tidak Yang Berhormat Menteri perlu buat pengumuman jelas. Jika mahu diteruskan, bila ianya akan dilaksanakan. Bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Yang di-Pertua sejumlah RM5 juta telah diperuntukkan untuk membiayai operasi Malaysia Automotive Institute (MAI) bagi dua tahun sebelum MAI mampu menanggung sendiri kosnya. Saya mohon penjelasan berkaitan isu kerjasama di antara Malaysia dengan *Automotive Institute (MAI)* dan *Kangan Institute of Australia* dalam usaha kerjasama latihan dari segi material dan *green* teknologi dalam usaha memastikan pekerja tempatannya dilengkapi teknikal skil yang secukupnya.

Juga bagaimana kementerian memastikan pekerja berskil tinggi daripada kalangan rakyat tempatan ini akan terus bekerja di Malaysia seperti di Proton dan juga PERODUA dan tidak berlaku *hijack* ataupun *job hopping* di kalangan industri seperti dilaporkan berlaku di antara pekerja Proton dan juga PERODUA. Bagaimana peranan MAI dalam menyokong industri

automotif bagi membawa industri ini ke peringkat antarabangsa dari segi kualiti, mutu dan harga yang kompetitif setanding dengan kereta jenama dari luar negara.

■1210

Apakah peranan MAI dalam idea penggabungan Proton dan PERODUA? Adakah ianya menguntungkan industri ini dan bagaimana MAI melihat dua segmen pengeluar kereta ini boleh bergabung atau hanya menjalankan perkongsian strategik ataupun *strategic partnership*. Bagaimana MAI dan komitmen kerajaan di dalam menyokong industri hibrid dan kenderaan elektrik (*electric vehicle*) daripada segi insentif cukai, pelonggaran *road tax*, dan insurans dan keperluan memiliki lesen. Ini kerana saya melihat masih terdapat isu yang membelenggu pembeli kenderaan motosikal elektrik pertama negara iaitu Modenas yang baru dilancarkan bulan lepas di mana motosikal elektrik ini tiada *chassis number* seperti yang disyaratkan oleh JPJ untuk mendaftar sesebuah kenderaan bermotor. Adakah kes ini sudah diselesaikan?

Kenyataan CEO Modenas sendiri yang mengakui minda rakyat Malaysia masih di tahap lama dan sukar menerima perubahan kenderaan elektrik dan kurang komitmen untuk *Save the Earth and Go Green* menyebabkan Modenas tidak meletakkan harapan tinggi untuk pasaran domestik sebaliknya lebih menumpukan pasaran eksport dan khabarnya ke Iran, Indonesia dan lain-lain. Sayang sekali, kita sendiri sebagai rakyat Malaysia tidak menyokong idea ini sekali gus mengurangkan itu *emission* sebagai mana komitmen Malaysia di Persidangan *Save the Earth* yang diadakan saban tahun. Bagaimanakah kementerian memandangi akan isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebelum saya mengakhiri ucapan bajet tambahan ini, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan di Dewan Negara yang mulia ini serta semua pegawai Parlimen dan juga pegawai kementerian yang selama ini telah bertungkus-lumus membantu saya sepanjang saya berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara di Dewan yang mulia ini. Budi baik dan bantuan daripada rakan-rakan tidak akan saya lupakan dan kenangan manis saya sepanjang dua *term*, enam tahun menjadi Ahli Dewan Negara akan tetap bersemadi di minda saya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan dua pantun nostalgia terakhir saya di Dewan ini demi merakamkan penghargaan saya kepada semua.

Datuk Armani cantik berseri,

Ditambah dengan senyuman menawan,

Atas kerjasama dan bantuan yang diberi,

Puji syukur dan terima kasih saya ucapkan.

Celoteh Tuan Yang di-Pertua cukuplah panjang,

Nasihat untuk kebaikan diri,

Kalaulah ada umur yang panjang,

Insya-Allah kita akan berjumpa lagi.

Maka dengan kenyataan ini, saya mohon menyokong Maksud Perbekalan Tambahan 2011 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah kepada Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati kerana dapat berkhidmat di Dewan yang mulia ini selama dua penggal. Ada juga kawan-kawan kita yang lain selama satu penggal sahaja. Jangan susah Yang Berhormat, budi puan tetap dikenang. Pantun tidak boleh dibalas, saya tidak pandai pantun... *[Ketawa]* Terima kasih.

Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan. Selepas itu diminta bersedia Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah Hamat. Terima kasih.

12.13 tgh.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan bahawa perbelanjaan mengurus untuk 2011 adalah RM162.8 bilion. Sekarang kerajaan meminta peruntukan tambahan sebanyak RM13.19 bilion untuk baki enam bulan. Kini jumlah perbelanjaan mengurus telah bertambah iaitu RM176 bilion. Adakah hasil Persekutuan yang dianggarkan meningkat lebih daripada yang disebutkan di bajet iaitu RM165.8 bilion. Bolehkah kerajaan mengekalkan defisit pada 5.4 peratus dengan tambahan bajet, apakah defisit baru.

Peruntukan tambahan RM13.18 bilion merupakan peningkatan 10.2 peratus daripada perbelanjaan bekalan Bajet 2011 yang diluluskan oleh Parlimen. Sebanyak RM6 bilion atau 45.5 peratus adalah untuk bayaran pindaan. Adakah peningkatan ketara ini disebabkan oleh faktor-faktor luar biasa yang tidak disangka? Jika ya, sila perincikan faktor-faktor luaran dan dalaman tersebut. Adakah ini disebabkan oleh ketidakcekapan pegawai-pegawai di perbendaharaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai Maksud B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Sebanyak RM5.6 bilion adalah untuk menampung pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum. Mengikut kajian Bank Dunia, iaitu *Malaysia Economic Monitor November 2010* golongan isi rumah 10 peratus terendah (*bottom 10 percent household*) hanya dapat faedah 5 peratus daripada subsidi barangan petroleum. Apakah manfaat yang akan dinikmati oleh golongan tersebut dari peruntukan tambahan ini? Berapakah bilangan isi rumah terendah akan mendapat faedah secara langsung? Adakah faedah subsidi ini akan hanya dinikmati secara langsung oleh IPP? Bolehkah Menteri menyatakan bilangan isi rumah yang akan mendapat subsidi bagi pengecualian bil elektrik daripada peruntukan tambahan RM150 juta yang dipohon.

Maksud B.6 - Jabatan Perdana Menteri. Apakah rasional pelaksanaan *Government Integrated Radio Network (GIRN)* yang akan melibatkan kos sebanyak RM35 juta. Kenapa tambahan pula daripada kos asal iaitu RM22.7 juta? Apakah manfaat kepada rakyat jelata

daripada pelaksanaan GIRN? Kenapa Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan projek GIRN dan bukan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan?

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM1 juta dipohon untuk menampung kos penubuhan Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock. Sila perincikan butir-butir perbelanjaan yang dimaksudkan. Apa yang lebih penting, bilakah kerajaan akan membentangkan laporan suruhanjaya kepada Dewan ini supaya rakyat dapat tahu penemuan dan kecekapan suruhanjaya mengenai tragedi kematian saudara Teoh Beng Hock.

Maksud B.13 - Kementerian Luar Negeri. Sebanyak RM9.98 juta untuk menganjur Dialog Antarabangsa Langkawi. Nampaknya ini satu angka yang melampau untuk menganjurkan dialog. Kenapa wang yang begitu banyak untuk sesi dialog dan apakah pencapaian dialog ini.

Maksud B.21 - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Nyatakan bilangan petani yang akan menikmati faedah pemberian subsidi baja padi dan insentif peningkatan hasil padi yang melibatkan peruntukan RM471 juta. Berapakah kesan program beras ST15 untuk warga miskin sebab peruntukan banyak. Golongan yang dituju mesti dapat manfaatnya.

Maksud B.28 - Kementerian Pengangkutan. Sebanyak RM150 juta dipohon untuk membayar MASwings Sdn. Bhd bagi sewa pajakan pesawat di Sabah dan Sarawak.

■1220

Kenapa mahu membayar syarikat ini, siapakah pemilik MASwings Sdn. Bhd. Mohon Menteri berkenaan menyenaraikan butir-butir perbelanjaan bagi peruntukan tambahan ini.

Maksud B.47 - Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Sebanyak RM8.6 juta dipohon untuk bayaran pampasan kepada Utusan Melayu Malaysia Berhad di atas alasan pembatalan slot masa siaran iklan dan televisyen RTM, apakah sebab-sebab pembatalannya. Adakah bayaran pampasan ini dimeterai di dalam perjanjian di antara kerajaan dan Utusan Malaysia?

Maksud B.60 Kementerian Pertahanan. Sebanyak RM417 juta dipohon untuk membiayai kontrak senggaraan kapal selam Scorpene TLDM. Kenapakah peruntukan ini tidak dipohon di dalam Bajet 2011.

Maksud B.62 - Kementerian Dalam Negeri. Sebanyak RM30 juta telah dipohon oleh Kementerian Dalam Negeri bagi maksud kawalan keselamatan semasa pilihan raya umum DUN Sarawak. Adakah jumlah ini di luar jangkaan ataupun lebih daripada bajet.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang-barang yang melampau tidak mampu dikendalikan oleh rakyat jelata. Baru-baru ini iaitu menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, daripada Januari sehingga November 2010, harga makanan seperti gula, jem, coklat dan madu naik 10.2 peratus, manakala sayur-sayuran naik 8.1 peratus, daging naik sebanyak 2.9 peratus, buah-buahan naik 1.7 peratus dan banyak lagi kenaikan harga barang-barang yang lain. Namun gaji kakitangan dan gaji pekerja awam tidak disemak dan tidak selari dengan kos sara hidup ketika ini. Satu laporan Bank Dunia menyatakan bahawa gaji di negara

kita hanya naik 2.6 peratus dalam tempoh 15 tahun. Untuk makluman Dewan ini, 34 peratus pekerja Malaysia memperoleh pendapatan kurang daripada RM720 iaitu di bawah penanda aras kemiskinan. Manakala 80 peratus pekerja memperoleh pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Seorang graduan yang memulakan kerja pada tahun 90-an menerima di antara RM1,500 hingga RM2,000 sebagai gaji permulaan dan gaji itu tidak berubah sehingga ke hari ini. Graduan yang memulakan kerja pada tahun 2011 masih menerima gaji yang sama seperti tahun 90-an. Kita mendapati bahawa rumah bernilai RM130,000 pada tahun 90-an ketika ini berharga hampir setengah juta ringgit dan kadar kenaikan harga rumah adalah sebanyak 7 peratus. Kita juga dapat melihat perbandingan harga kereta di mana kereta yang bernilai pada tahun 90-an bernilai RM21,000 tetapi sekarang bernilai hampir RM40,000 iaitu dengan kadar kenaikan 3.1 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah rakyat yang mempunyai ahli keluarga seramai empat hingga lima orang mampu menyara keluarganya dengan kenaikan harga barang tetapi gaji masih lagi tidak naik. Pada masa yang sama, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan ketua Unit Pengurusan Prestasi Pelaksanaan (PEMANDU) menyeru rakyat untuk bersedia untuk kenaikan harga barang. Ketika rakyat bersusah payah menghadapi kenaikan harga tetapi kerajaan menarik balik subsidi untuk minyak, bahan api dan gula sebanyak RM24 bilion.

Pada masa yang sama subsidi kepada pengeluar tenaga bebas IPP dan syarikat konsesi tol yang di kendali oleh korporat besar yang mendapat keuntungan ratusan juta atau berbilion-bilion ringgit mendapat subsidi sebanyak RM84 bilion. Nampaknya kerajaan merompak rakyat dan menyokong syarikat-syarikat yang kaya. Bolehkah kerajaan dan Menteri yang bertanggungjawab memberitahu apakah polisi ekonomi untuk mengendalikan keadaan ini yang akan mengurangkan beban rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam 54 tahun pemerintahan kerajaan ada banyak skandal berlaku yang mengakibatkan negara kehilangan berbilion-bilion ringgit, contohnya PKFZ sebanyak RM4.6 bilion, skandal-skandal koperasi RM1.6 bilion, skandal penyelewengan PEWAJA sebanyak RM11 bilion. Wang yang digunakan oleh kerajaan untuk menyelamatkan GLC-GLC berbelanja berbilion-bilion ringgit, Bank Negara juga kehilangan RM30 bilion dalam spekulasi mata wang asing di antara tahun 1992 hingga tahun 1994. Namun kerajaan masih gagal mengenal pasti siapakah yang bertanggungjawab di atas kehilangan wang berkenaan kerana sehingga ke hari ini tidak ada siapa yang didakwa.

Jika skandal-skandal besar ini tidak berlaku, kerajaan boleh memberikan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan percuma kepada murid sekolah dari Tahun Satu sehingga peringkat universiti. Kedua-dua perkhidmatan ini merupakan tanggungjawab asas kerajaan kepada rakyat. Adakah kerajaan ada melakukan kajian dan siasatan mengapa skandal-skandal ini boleh berlak dan apakah perubahan-perubahan yang dilakukan di dalam sistem peruntukan kelulusan dan pemberian wang oleh kerajaan. Saya berharap Menteri yang berkenaan akan memberikan satu

penjelasan di Dewan yang mulia ini untuk menyatakan perubahan yang dilakukan untuk mengetatkan dan mengelakkan skandal-skandal wang ini berulang semula.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, ada dinyatakan di dalam surat khabar bahawa penswastaaan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada PBT menyebabkan Perbendaharaan membayar tambahan sebanyak RM500 juta setiap tahun, ini adalah satu lagi contoh bahawa kerajaan membuat tindakan yang tidak ada penyelidikan yang mendalam kerana jika PBT tidak mengambil langkah untuk mengukuhkan mereka, buat kajian mengapa PBT tidak boleh melakukan ataupun jika ada masalah hanya menswastakan pembersihan sisa pepejal PBT itu sahaja, kenapa menswastakan sekali seluruh Malaysia iaitu penswastaaan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Saya mencadangkan Kementerian Kewangan membuat pengiraan yang betul dan telus dengan melibatkan rakyat di dalam perkara sebegini, bukan hanya menswastakan semua PBT dan akhirnya kerajaan membayar lebih RM500 juta setiap tahun. Penswastaaan di Malaysia menyebabkan rakyat membayar lebih untuk perkhidmatan yang lebih teruk iaitu yang dipanggil pelanunan, di mana kerajaan dan rakyat akhirnya akan menjadi miskin dan hanya memperkayakan kroni-kroni sahaja. Itu sahaja lah ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat.

12.29 tgh.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* dan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2011. Sebelum ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 14 Oktober 2010 yang lalu telah pun membentangkan Bajet 2011. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011 ini, adalah merupakan anggaran tambahan pertama perbelanjaan mengurus bagi 2011 iaitu sebanyak RM13.18 bilion.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua kementerian sahaja iaitu tentang Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Sebagaimana maklum, Bajet 2011 adalah bermatlamat untuk membangunkan modal insan, antaranya melalui memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti, memperkasakan pendidikan awal dan memantapkan pendidikan sekolah rendah dan menengah. Dalam Bajet 2011 ini juga kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6.4 bilion bagi membina dan menaik taraf sekolah, asrama, kemudahan dan peralatan serta memartabatkan profesion perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ingin saya menyentuh tentang maksud B.41, Kementerian Pelajaran yang memerlukan sebanyak RM1.5 bilion antaranya RM1.3 bilion bagi pembayaran gaji *'time-based'* dengan izin, untuk guru dan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, langkah yang diambil bagi membela guru-guru di peringkat bawah. Selain itu, saya berharap kementerian akan turut memberi insentif kepada guru-guru di peringkat rendah. Saya juga berharap Kementerian Pelajaran turut mempertimbangkan pegawai-pegawai pelajaran di Pejabat Pendidikan Daerah yang turut memerlukan pembelaan dari segi kenaikan pangkat, kenaikan gaji dan sebagainya.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada 586 guru besar, 2,800 guru serta kakitangan sokongan sekolah yang terpilih menerima ganjaran di bawah tawaran baru iaitu guru besar menerima RM7,500 manakala 5 peratus daripada keseluruhan guru sekolah terbabit menerima RM1,800 dan kakitangan sekolah yang terpilih ini telah pun – yang bakinya menerima RM900. Saya berharap kesemua guru dan kakitangan sekolah yang terpilih ini telah pun menerima ganjaran masing-masing. Terima kasih di atas keprihatinan kementerian. Semoga ia memberi motivasi, peningkatan semangat juang dan dedikasi serta meningkatkan mutu pendidikan negara.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang pegawai-pegawai Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) yang kini seramai 312 orang seluruh negara. Tanggungjawab pegawai ini amat penting bagi memastikan pelaksanaan Kementerian Pelajaran Malaysia antaranya mencapai NKRA seperti LINUS, KSSR, Guru Cemerlang dan Anugerah Sekolah Cemerlang dan *Bai'ah* atau *New Deal* dengan izin, serta mengendalikan aduan berkaitan sekolah dan sebagainya. Pada masa kini terdapat lima hingga enam orang pegawai JNJK setiap negeri dengan gred 48 yang belum diisi. Sebagai contoh, di negeri Terengganu terdapat enam kekosongan gred 48 yang belum diisi.

Saya mendapat maklum ada nazir yang gred 44 terpaksa menyelia guru besar sekolah rendah, gred 48 dan pengetua sekolah menengah gred 52. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi mengisi kekosongan pegawai nazir gred 48 seluruh negara? Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji kedudukan nazir sekolah ini antaranya menaikkan gred Ketua Nazir Negeri daripada gred 48 kepada gred 54 dan menaikkan gred Timbalan Nazir daripada gred 44 kepada gred 52, setaraf dengan Pegawai Pendidikan Daerah. Sementara itu nazir diberikan gred khas 44 dan 48 sebagai langkah yang lebih adil dari segi kenaikan pangkat dan kenaikan gaji kepada mereka.

Seterusnya saya ingin membangkitkan juga tentang Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Saya memohon penjelasan, yang pertama jumlah SBT seluruh negara mengikut negeri setakat ini. Kedua, saya mendapat maklum setiap SBT menengah akan mendapat peruntukan khas kerajaan sebanyak RM700,000 setahun. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibayar dan

adakah peruntukan ini terus diberi setiap tahun? Ketiga, sejauh manakah peruntukan ini mampu memartabatkan SBT, khususnya dari segi kecemerlangan akademik, peratus pencapaian A+, keaktifan kokurikulum dan program pengantarabangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, kecemerlangan sesebuah sekolah adalah hasil komitmen semua warga sekolah, guru besar atau pengetua, guru-guru, murid atau pelajar, kakitangan dan ibu bapa. Sehubungan itu dalam hubungan ini kita tidak dapat menafikan kecemerlangan sesebuah sekolah itu adalah juga kerana keamatan kerjasama antara pengurusan sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi menggerakkan PIBG supaya lebih aktif bagi membantu kecemerlangan sekolah? Adakah kerajaan bercadang menimbangkan untuk memberi anugerah khas kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang aktif sebagai galakan kepada PIBG turut terus memberikan sumbangan yang bermakna dan berganding bahu dengan pihak sekolah untuk melonjakkan prestasi sekolah?

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang kedua yang saya ingin sentuh ialah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya ingin menyentuh berhubung Maksud B.47 – Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang mengemukakan tambahan peruntukan sebanyak RM70 juta untuk membiayai kos operasi *Malaysian Emergency Response Services 999* sebanyak RM61 juta dan RM8.6 juta diperlukan untuk menampung bayaran pampasan kepada Utusan Melayu (Malaysia) Berhad. Di dalam panggilan kecemasan 999 ini telah diperkenalkan di London pada 30 Jun 1938 lagi.

Di Malaysia sebelum Oktober 2007, panggilan kecemasan adalah 999 untuk polis dan ambulan, 994 untuk kebakaran dan 991 untuk pertahanan awam serta 112 untuk *handphone* mudah alih.

■1240

Saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan panggilan kecemasan yang di terima sepanjang tahun 2010 dan awal 2011 termasuk panggilan palsu mengikut pusat panggilan Telekom Malaysia. Sehubungan dengan panggilan palsu saya ingin mendapatkan penjelasan pemanggil panggilan palsu mengikut kategori jantina dan umur serta jenis panggilan palsu ini. Seterusnya apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemanggil palsu ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ini, izinkan saya menyentuh tentang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan ataupun ASWARA yang penting dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. ASWARA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi menyediakan pembelajaran dan pengajaran termasuk penyelidikan dan penerbitan akademik dalam bidang ini.

Budaya dan warisan. Saya ingin mendapatkan penjelasan. Pertama, sejauh manakah kejayaan perancangan strategik 2008 hingga 2016 bagi menjadikan ASWARA diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Apakah status tanah kampus ASWARA sama ada

telah memiliki geran atas nama akademi tersebut? Jika belum apakah langkah yang sedang dilakukan oleh ASWARA.

Adakah ASWARA bercadang untuk menawarkan kursus pasca siswazah atau sarjana dan doktor falsafah, dan mengapakah ASWARA diberikan peruntukan kecil bagi penyelidikan dan kursus kemajuan kerjaya staf akademiknya? Padahal kedua-dua perkara ini penting bagi sesebuah IPT dan yang akhir sekali, adakah ASWARA membuat kajian perbandingan kursus penulisan kreatif dengan universiti-universiti di UK dan USA supaya mutu kursus yang ditawarkan bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung RM8.6 juta yang terpaksa dibayar sebagai bayaran pampasan kepada Utusan Melayu Malaysia Berhad disebabkan pembatalan slot masa siaran iklan dan televisyen (RTM).

Apakah puncanya slot iklan berkenaan dibatalkan dan adakah kerajaan bercadang mendapatkan ganti rugi atau surcaj daripada pegawai ataupun kakitangan terbabit berpunca daripada kecuaiannya mereka, sekiranya ada. Sekian, terima kasih saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya silakan Datuk Akbar bin Ali.

12.44 tgh.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. 'Wan an dan Vannakam'* dengan izin. Terima kasih saya diberi peluang untuk turut membahaskan peruntukan tambahan yang bernilai hampir RM13 bilion bagi menampung perbelanjaan yang telah pun diaturkan. Minta maaf bukan hampir, RM13.2 bilion iaitu kira-kira 10 peratus daripada jumlah bekalan yang pernah diluluskan iaitu hampir RM130 bilion ataupun 8 peratus dari keseluruhan belanja mengurus RM162.8 bilion.

Saya tidak bercadang hendak menyentuh satu persatu mengikut kementerian kerana sudah pun disentuh oleh kawan-kawan yang lain. Cuma saya ingin merumuskan bahawa saya melihat permohonan peruntukan RM13 bilion ini merangkumi lima tujuan iaitu:

- (i) untuk meringankan beban rakyat khususnya *the bulk*, dengan izin, *Lion's share* ialah untuk menampung subsidi yang dijangka akan meningkat ekoran terutamanya kenaikan harga minyak mentah dan juga kenaikan minyak kelapa sawit, maka minyak masak turut meningkat;
- (ii) untuk memenuhi janji seperti untuk memberi kenaikan elaun kepada imam dan pengerusi JKKK. Janji perlu dituruti kerana kita juga adalah berteraskan nilai-nilai murni khususnya yang dianuti oleh pelbagai agama;
- (iii) ekoran kenaikan pangkat khususnya di Kementerian Pelajaran Malaysia sama ada *time based* itu yang disebutkan oleh kawan-kawan kita tadi. Ini

satu yang wajar dilakukan sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Tahniah kepada semua warga kependidikan yang mendapat manfaat ini. Nilainya RM1.3 bilion;

- (iv) menampung kekurangan peruntukan seperti yang berlaku di Kementerian Kesihatan yang memerlukan RM1.6 bilion. Di sini awal-awal saya hendak bertanya kepada Menteri, mengapa terlepas pandang atau kesilapan tidak memasukkan peruntukan ini semasa merancang Bajet 2011 dahulu. Ini berbeza dengan apa peruntukan tambahan yang dipohon oleh Kementerian Pelajaran Malaysia; dan
- (v) keperluan luar jangka. Contohnya ialah penubuhan Suruhanjaya TBH yang memang sudah luar jangka dan ingin saya menarik perhatian. Desakan-desakan seperti ini oleh rakyat dan sebagai kerajaan yang prihatin maka desakan itu telah dipenuhi. *But at a cost*, dengan izin. Kos itu mungkin tidak banyak bernilai RM1 juta. Duit rakyat, tetapi kalau hendak digunakan untuk kegunaan lain seperti membina PPRT, rumah rakyat termiskin maka 60 buah rumah rakyat termiskin dapat digunakan dari peruntukan yang sama ini.

Itu mukadimah. Maka saya ingin pergi ke peringkat yang kedua iaitu menarik kepada isu-isu yang ingin saya pertanyakan. Ia telah disentuh oleh kawan-kawan tadi berkenaan subsidi. Cuma di sini saya ingin melihat, di satu pihak subsidi perlu diteruskan untuk meringankan beban rakyat. Akan tetapi kita semua tahu dari sudut ekonomi ia adalah boleh jadi *miss appropriation or miss allocation* ataupun tidak menggunakan secara terbaik wang rakyat, kerana *of the 'sketch' resources* ini, dengan izin.

Oleh itu saya ingin bertanya kepada Menteri, kerana kita sudah dengar bahawa kerajaan hendak menyemak semula skim subsidi ini. Saya memang setuju skim subsidi ini wajar disemak kerana pada masa ini saya melihat ia tidak menepati kumpulan sasaran yang diharapkan. Ia lebih berbentuk *carpet bombing* dengan izin, bukan *specific bombing*.

Sedangkan subsidi pada asasnya dari segi prinsip adalah untuk menolong kumpulan yang kurang bernasib baik. Contohnya subsidi untuk buku teks, anak orang kaya anak orang miskin juga dapat. Sedangkan yang perlu mendapat bantuan itu adalah anak orang miskin.

Kedua, contohnya juga subsidi gula, subsidi tepung. Sepatutnya untuk orang golongan miskin. Akan tetapi semua mendapat faedah sedangkan *the bigger consumer* dengan izin, ialah syarikat-syarikat yang membuat minuman, membuat roti dan kek. Ini yang mendapat keuntungan besar kerana *household consumption* dengan izin, adalah terlalu kecil iaitu tidak sampai pun 10 peratus daripada jumlah *total consumption*.

Jadi kalau ini disemak semula, saya rasa ia akan dapat mengurangkan nilai subsidi yang kita gunakan lebih untuk menguntungkan mereka daripada golongan yang disasarkan. Oleh itu

saya rasa pendekatan kerajaan khususnya TNB dalam membantu meringankan golongan miskin yang mana mereka yang *consume* dengan izin, yang menggunakan elektrik kurang daripada 200 kilowatt sebulan itu diberikan subsidi, yang mana mereka tidak menerima kesan atau impak kenaikan tarif baru-baru ini. Saya rasa pendekatan seperti itu adalah cukup baik dan harus dicontohi oleh kementerian-kementerian lain.

■1250

Saya ingin menarik perhatian kepada jawapan untuk pertanyaan saya di soalan nombor 70 semalam oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan. Jawapan yang diberikan ini kepada saya Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu memuaskan dan kualitinya agak rendah. Ini lebih bersifat seperti bermain taici dan cerita bangau oh bangau.

Jadi saya haraplah selaras dengan saranan Yang di-Pertua iaitu memperbaiki kualiti Dewan ini yang merangkumi empat kumpulan iaitu Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua sendiri yang memastikan bahawa kualiti akan terus meningkat, kemudian di pihak kami memastikan juga kualiti meningkat sama ada dari segi bentuk soalan dan ucapan-ucapan yang dibentangkan, dan di pihak kerajaan dalam memberikan ulasan dan jawapan serta pegawai kerajaan di belakang tabir yang menyediakan jawapan itu. Jadi semua pihak ini wajar menyumbang kepada memuliakan lagi Dewan yang mulia ini.

Satu lagi contoh dan telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator yang lain ialah tentang SUBUR. Ya, memang benar ini ditunggu-tunggu terutama oleh golongan miskin. Jadi, kita haraplah rancangan SUBUR ini dapat dilaksanakan kerana ia lebih dahulu daripada pengedaran, pengagihan *netbook* oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan. Kementerian Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan telah dapat mengedarkan *netbook* kepada golongan yang disasarkan tetapi SUBUR, mungkin masih menghadapi masalah. Jadi kita harap masalah itu dapat diselesaikan dengan segera. Apabila diperbaiki sistem pengagihan subsidi ini, maka saya rasa rakyat akan bertambah berterima kasih dan ada rasa syukur kerana mereka memang dapat merasakan adalah itu untuk mereka dan bukan untuk juga orang kaya.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, seperti yang saya katakan tadi iaitu bagaimana ini boleh terlepas pandang sehingga memerlukan peruntukan tambahan?

Begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang memerlukan hampir RM460 juta. Mengapa ini boleh berlaku? Adakah bertambahnya mereka yang memerlukan bantuan atau kerana peningkatan kadar yang hendak diberi, maka memerlukan peruntukan tambahan ini? Jadi mohon diperjelaskan. Berkenaan Kementerian Kesihatan juga yang tadi saya telah sebut, saya ingin menarik perhatian bahawa eloklah diperbanyakkan mengikut kemampuan, hospital seperti di Putrajaya terutamanya dari segi penggunaan IT di hospital-hospital besar kerana pada masa ini walaupun ada PC di hospital tetapi boleh kita katakan *literally speaking* dengan izin, dalam PC itu kosong. Jadi ia tidak dapat

dimanfaatkan secara maksimum oleh pegawai-pegawai perubatan terutama dalam berkomunikasi sekurang-kurangnya untuk menyampaikan maklumat antara misal kata daripada *lab* kepada doktor dan sebagainya. Masih lagi terpaksa dibuat secara manual dan doktor terpaksa pula berjalan atau kena suruh *dispatch boy* secara manual berjalan untuk menyampaikan apa-apa keputusan ujian yang diperlukan dari makmal.

Berkenaan Kementerian Pelajaran yang mana agak besar peruntukan dipohon. Ini kerana Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian, dan Kementerian Kesihatan, empat kementerian ini mengambil ataupun diberikan 75 peratus daripada RM13 bilion ini. Jadi Kementerian Pelajaran yang merupakan kira-kira RM1.5 bilion yang saya katakan tadi adalah antara lain untuk kenaikan pangkat. Jadi saya haraplah kerajaan dalam suasana kos hidup yang terus meningkat ini dan kita akan terus menghadapi keadaan ini kerana secara global harga komoditi akan terus meningkat sekurang-kurangnya dalam masa yang terdekat, maka haruslah difikirkan golongan yang berpendapatan tetap seperti kakitangan kerajaan, pesara supaya dapat diberikan bantuan bagaimana tambahan pendapatan dapat diberikan untuk mengimbangi kos sara hidup ini.

Namun demikian, *I am mindful* dengan izin, bahawa semuanya hanya boleh dibuat dengan adanya dua perkara dari segi ekonomi supaya kita nampak *level minded people* dengan izin. Dua perkara itu ialah pertama sekali kita sebagai rakyat khususnya pegawai kerajaan mestilah meningkatkan produktiviti. Kalau tidak meningkatnya produktiviti tetapi kita naikkan gaji, maka itu akan berlakulah *runaway inflation*, dengan izin. Kedua, sudah tentulah kemampuan kerajaan sendiri untuk membayar. Kalau ada kedua-dua perkara ini, maka timbanglah dengan baik supaya kita sama-sama mendapat faedahnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Saya mengharapkan sebagai agensi unggul untuk mengawasi keselamatan di perairan negara, dapat diberikan peruntukan yang lebih bagi menggantikan kapal-kapal dan bot-bot yang usung yang didapati daripada *navy*, polis, dan Kementerian Perikanan. Ini kerana pada masa ini, saya difahamkan kos *repair* bot-bot dan kapal usang ini begitu mahal sehingga ia menepati apa yang dipanggil oleh orang Melayu, "mahal rantai daripada beruk". Jadi sudah sampai masanya untuk kita timbang dengan baik supaya diberikan kelengkapan yang baru untuk meningkatkan kemampuan untuk mengawasi keselamatan perairan kita.

Begitu juga saya lihat dan saya perhatikan semakin ramai pegawai perempuan diambil bekerja. Ini bagus tetapi adakah pihak agensi tersebut telah menyediakan misal kata kemudahan di kapal atau di bot yang *woman friendly* bagi menjaga keselamatan pegawai-pegawai wanita ini? Ini kerana mengikut satu kajian yang diadakan di Amerika Syarikat, oleh kerana ramainya askar wanita yang bekerja tetapi dia tidak *woman friendly*, keselamatan mereka tidak difikirkan dan diambil kira, maka ramai askar wanita Amerika mengikut laporan ini yang sama ada dirogol,

menghadapi *sexual assault*, dan ramai yang terpaksa tidak pergi ke tandas selepas pukul tujuh malam. Jadi kita mahu menarik perhatian 'sebelum terhantuk barulah tengadah' supaya perkara-perkara buruk seperti itu dapat dielakkan.

Seterusnya, bagi agensi yang sama, saya difahamkan kalau polis menyiasat, ada elaun penyiasatan. Kalau pihak perikanan berlayar, ada dapat elaun pelayaran. Maka bolehkah, wajarkah atau sesuaikah pegawai-pegawai APMM yang melakukan penyiasatan dan pelayaran mendapat elaun seperti yang dinikmati oleh pegawai-pegawai yang lain dalam jabatan yang lain?

Apa yang lebih penting pada Malaysia ini kerana khabarnya Pilihanraya Umum Ketiga Belas diambang pintu, saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya memikirkan bagaimana peruntukan dapat ditambah untuk memenuhi janji-janji yang telah diberikan yang masih belum lagi dapat ditunaikan pada masa ini. Inilah kritikal *success factor* pada hemat saya, untuk menentukan kemenangan PRU-13 nanti antara faktor yang lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga secara khusus ingin memohon agar dapat ditimbang peruntukan tambahan kerana saya lihat antara peruntukan tahun 2010 dan 2011, telah banyak dikurangkan bagi agensi-agensi RISDA, MARA, FELCRA, SME Corp, dan juga MITI Putrajaya. Saya mintalah Kementerian Kewangan dapat melihat semula supaya agensi yang saya sebutkan ini dapat diberikan peruntukan sekurang-kurangnya biarlah sama seperti tahun 2010.

Saya juga ingin menarik kepada sisa pepejal yang mana kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta. Saya ingin menarik perhatian, berdasarkan teori fizik dengan izin, *matters cannot be destroyed*. Ini untuk menggantikan frasa yang selalu saya sebut, *waste no waste and waste to wealth*. Dalam mengguna pakai prinsip yang sama, saya ingin bertanya, apa jadi dengan *waste* ini? Kalaulah ia boleh di *convert* kan kepada *wealth* dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa tidak mengizinkan ya.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada jam 2.30 petang nanti. Mahu sambung lagi?

Datuk Akbar bin Ali: Dengan izin, saya ingin menyambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tadi yang terakhir sekali rasanya Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali sedang berucap. Jadi, saya persilakan Yang Berhormat berucap seterusnya. Sebelum itu, izinkan saya memberi pandangan sedikit kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengikut apa yang saya dapati sekarang ini, ada lebih kurang 18 orang nak berucap. Oleh yang demikian, saya sebenarnya memang nak beri peluang kepada semua nak berucap tetapi kalau minta kerjasama Yang Berhormat semua yang nak berucap itu duduk dalam Dewan, dengar. Kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengusik topik-topik yang telah nak dibincangkan itu, tak payah lagilah diulang dan kalau sekiranya, biasanya dalam tambahan ini, Yang Berhormat cuma ambil tajuk-tajuk di mana pokok-pokok yang berkenaan, topik-topik yang berkenaan dan buat ulasan, tak mengapa.

Ini caranyalah. Jangan bawa benda-benda yang di luar. Kalau panjang itu agaknya satu malam tak habis. Jadi, saya minta kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat nak berucap itu kalau dengar rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dah sebut satu perkara itu, jangan ulang lagi dan kementerian pula saya minta juga, wakil-wakil kementerian, tentukan ambil catatan. Semua topik-topik yang dibangkitkan itu hendaklah dijawab oleh pihak menteri. Ini saya nak tekankan bahawa jangan agaknya ambil ringan, dilupakan. Itu nanti agaknya kecewa Ahli-ahli Yang Berhormat lain. Oleh itu dengan tanpa membuang masa lagi saya persilakan Yang Berhormat Datuk Akbar dan seterusnya yang lain itu bersedia. Saya akan bagi peluang semua bercakap. Sekian, terima kasih.

2.34 ptg.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung ucapan saya. Tadi saya berhenti dekat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkenaan sisa pepejal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya dengar itu Yang Berhormat. Teruskan.

Datuk Akbar bin Ali: Saya sedar bahawa ia memerlukan peruntukan sebanyak RM400 juta untuk menangani isu pepejal ini. Cuma saya katakan tadi isu pepejal ini sendiri dia adalah *waste* yang boleh di *convert*, dengan izin, kepada *wealth*. Saya harap usaha itu dibuat supaya sekurang-kurangnya *wealth* yang akan dihasilkan oleh *waste* ini dapat menampung. Kalau tak semua pun sebahagian daripada RM400 juta yang digunakan untuk menangani isu ini. Seterusnya saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi. Saya kebetulan telah dapat melihat beberapa iklan melalui TV1 baru-baru ini terutama dalam isu menangani Bersih dan juga menangani kenaikan harga inflasi dan sebagainya.

Cuma saya minta, selain daripada usaha yang baik itu agar kementerian dapat *mengenhancing*, dengan izin, memperbaiki lagi kaedah membuat iklan itu supaya ia dapat bukan sahaja menangani isu yang hendak diketengahkan tetapi dapat, dengan izin, menembusi atau *penetrate* golongan sasaran tertentu yang tidak berminat dengan TV1, tidak berminat dengan TV3 dan juga tidak membaca media arus perdana. Jadi, saya cadangkan perbanyakan digunakan sosial media seperti *facebook* dan *Youtube* tetapi bukan sekadar ada *facebook* dan *Youtube* sahaja, apa yang sudah dibuat itu, misal kata apa yang dimuat naik ke *Youtube*, ia hendaklah disasarkan kepada kumpulan tertentu supaya mereka tahu iklan-iklan ini ada dan dengan itu mereka akan menonton atau membacanya. Sebagai contoh, saya banyak dapat daripada pihak tertentu. Macam mana dia tahu alamat *facebook* saya dan sebagainya, itu adalah usaha mereka.

Jadi, pihak kerajaan harus melaksanakan usaha yang sama agar dapat menangani isu ini seperti apa yang disarankan dalam *The Art of War* oleh *Sun Tzu*. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang saya dapat pada hari ini daripada segi memartabatkan bahasa Melayu. Saya ucapkan terima kasih. Sudah ada komitmen bahawa bukan sahaja di peringkat pegawai kerajaan dan sebagainya tetapi persidangan antarabangsa. Sekiranya diadakan di Malaysia, maka usaha akan dibuat supaya persidangan itu akan dilaksanakan dalam bahasa Melayu dengan menyediakan infrastruktur yang sewajarnya seperti penterjemah dan lain-lain.

Ini pernah disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri. Nampaknya ada *responsiveness*, dengan izin, di pihak kerajaan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan tahniah atas usaha dan komitmen kerajaan ini. Pada masa yang sama, berhubung dengan bahasa Melayu ini, saya haraplah perkataan-perkataan yang telah digunakan, nama-nama yang telah digunakan dikekalkan. Contohnya, Askar Melayu, maka kita sebut "Askar Melayu." "Kereta Api Tanah Melayu", kita kekalkan Kereta Api Tanah Melayu bukan KTMB. Kalau kita sebut KTMB, maka Kereta Api Tanah Melayu itu akan dilupakan. Pada masa yang sama, saya ingin menarik perhatian iaitu apabila Malaysia ditubuhkan yang mana ia mengandungi Persekutuan Semenanjung Tanah Melayu dan dicampur dengan Singapura, Sabah dan Sarawak tetapi lepas itu Singapura keluar. Maka, kita pernah menyebut sebagai Malaysia Barat dan Malaysia Timur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat tekankan tajuk-tajuk itu soal tambahan kepada perbelanjaan. Jangan sentuh isu-isu dasar itu sangat, kurang-kurangkan sikit dan cuba tumpukan kepada perbelanjaan tambahan.

Datuk Akbar bin Ali: Okey, terima kasih atas nasihat itu Tuan Yang di-Pertua. Apa yang nak saya sarankan saya habiskan di situ. Saya haraplah kita akan panggil Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu bukan Semenanjung Malaysia kerana Semenanjung Malaysia tidak ada dalam geografi. Saya ingin menarik perhatian kepada peruntukan untuk Kementerian

Pertahanan, yang mana saya memang menyokongnya dan saya haraplah Kementerian Pertahanan ini terus diperkasakan kerana ia adalah penting demi keselamatan negara. Sebab laporan untuk memperkasakan pertahanan negara ini di abad ke-21 amatlah penting demi untuk kita mengekalkan apa yang dipanggil *comparative advantage in conventional war*, ini harus dikekalkan. Dalam masa yang sama kita mestilah berupaya untuk menangani apa yang dipanggil, dengan izin, *the threat of tomorrow*. Oleh itu peruntukan yang sewajarnya haruslah disediakan untuk memastikan anggota tentera kita memiliki kepakaran, kemampuan, peralatan dan sokongan yang mereka perlukan

■ 1440

Saya pergi kementerian yang terakhir iaitu Kementerian Dalam Negeri yang mana kita melihat peruntukan tambahan telah diminta sebanyak RM1,000,000 untuk menangani isu TBH. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa isu-isu keselamatan yang timbul sejak akhir-akhir ini, keselamatan dan ketenteraman awam yang timbul di luar jangka ini akan mendesak Kementerian Dalam Negeri untuk memohon peruntukan tambahan kalau ianya terus berlaku.

Jadi kita haraplah sebagai rakyat yang bertanggungjawab cubalah elakkan daripada merosakkan ketenteraman dan keselamatan awam ini supaya peruntukan tambahan tidak diperlukan oleh Kementerian Dalam Negeri. Di sini saya ingin menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bahawa Baginda dengan lapang dada telah berjumpa kumpulan yang berusaha untuk mengaturkan perhimpunan pada 9 Julai 2011 ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas keterbukaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menangani isu ini.

Cuma saya ingin menzahirkan dalam Dewan ini kerana nampaknya perhimpunan walaupun dalam stadium tetapi ia akan diteruskan dan saya bimbang. Saya ingin menzahirkan kebimbangan itu, kerana kalaulah begitu ramai misalnya setengah juta atau satu juta memang sudah tentu tidak dapat dipastikan setiap orang itu akan berkelakuan yang diharapkan. Adalah *beyond expectation* dengan izin, untuk mengharapkan pihak polis memberi jaminan 100 peratus bahawa keselamatan akan dapat dijaga. Jadi pada saya oleh kerana apa-apa kemungkinan boleh berlaku hatta kerana berjemur dua, tiga jam ada orang yang akan pengsan. Ini kerana dia pengsan mungkin salah diertikan bahawa sesuatu yang buruk telah berlaku maka masing-masing akan menuding jari.

Jadi saya memohonlah supaya perhimpunan itu dapat diberhentikan kerana ianya boleh diselesaikan di meja rundingan kerana sudah pun berjumpa dengan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Isu yang diperkatakan dengan isu asas 17 perkara sudah dikurangkan kepada lapan dan daripada lapan itu hanya tinggal tiga sahaja yang berhubung dengan SPR dan ia sudah tentu boleh dibincangkan secara profesional, intelektual dan secara jujur dan ikhlas.

Jadi kita haraplah perbuatan-perbuatan ini sudah pasti boleh merugikan kita kalau kita menimbulkan huru-hara. Jadi kita tidak mahu apa yang dikatakan oleh pantun Melayu;

Pergi ke baruh membeli kunyit;

Kayu-kayan ditebangkan;

Mendengar guruh di langit;

Air hujan di tempayan dicurahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada keseluruhan bajet ini saya kini menyokong bajet ini kerana pada asasnya ia adalah munasabah terutama dari segi membantu golongan bawahan seperti para petani dan juga pegawai kerajaan yang memerlukan kenaikan elaun ekoran daripada kenaikan pangkat. Saya setuju bahawa tambahan ini sudah tentu menelan lebih yang ada ekoran daripada bajet asal yang dibentangkan pada tahun lepas.

Pada masa itu kita ada *current surplus* Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, *current surplus* sebanyak RM3 bilion. Itu menunjukkan kita cukup berhemah dalam membentangkan bajet. Dengan kenaikan sebanyak RM13 bilion ini, maka dia menelan *surplus* sebanyak RM3 bilion itu sekiranya hasil tidak bertambah. Akan tetapi nampaknya angka-angka terkini menunjukkan bahawa hasil negara berpotensi untuk meningkat kerana getah bagi tempoh empat bulan pertama telah meningkat 50 peratus dari RM10.23 sekilogram kepada RM15.30 sekilogram. Kenaikan harga ini sudah tentu boleh membawa kepada kenaikan hasil kerajaan selain daripada pendapatan rakyat. Begitu juga dengan CPO iaitu *Crude Palm Oil* dengan izin, telah meningkat sebanyak 37 peratus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung, Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Alamak pendek sahaja. Saya ada beberapa perkara lagi. Jadi saya rasa kenaikan komoditi ini akan membantu meningkatkan hasil kerajaan dan saya minta di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Datuk dapat menerangkan berapa banyak kenaikan hasil ini yang boleh membantu menampung kenaikan tambahan ini. Saya juga dapati bahawa kemungkinan defisit sebagai *ratio* kepada GDP akan meningkat. Akan tetapi kalaulah GDP meningkat maka tidak mesti di sebab itu meningkat sebagai contoh pada tahun 2009, hutang negara sebanyak RM362 bilion pada tahun 2009 meningkat kepada RM408 bilion pada 2010 tetapi peratus nisbah hutang negara merosot daripada 53.3 peratus kepada 52.7 peratus. Jadi ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi kita adalah mampan.

Dalam masa yang sama kemungkinan defisit fizikal akan meningkat tetapi dengan kenaikan hasil defisit fizikal boleh ditangani dan kita tidak berada di tahap yang membimbangkan sebagai contoh kalau di Greek tahap defisit negara itu adalah sebanyak 12.8 peratus dan kalau banding dengan England juga sekitar 11 peratus tetapi kita hanya di tahap 5.6 peratus. Jadi kita di tahap yang berhemah. Perkara yang penting di sini ialah melihat keseluruhan *equation* peruntukan tambahan ini dalam konteks peningkatan hasil kerajaan dan aktiviti ekonomi dan

tujuan untuk membela rakyat. Jadi saya cukup yakin bahawa di bawah pengurusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan I dan Dato' Haji Ahmad Husni sebagai Menteri Kewangan II dan juga Datuk Dr. Awang Adek Hussin bahawa ekonomi kita akan diurus dengan secara berhemah kerana yang penting ialah *sustainable growth* dengan izin, dan *sustainable revenue* itu pokoknya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, cukuplah itu. Cukuplah.

Datuk Akbar bin Ali: Kalau begitu Tuan Yang di-Pertua saya gulung saya ingin memetik apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri UK .

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya benarkan menggulung.

Datuk Akbar bin Ali: Mantan Perdana Menteri United Kingdom iaitu Benjamin Harrison, *the secret of success is the constancy to purpose* dan di sini *the secret of success* Barisan Nasional adalah *constancy to purpose* dalam menjaga kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih kerana saya tidak dapat menghabiskan itu tetapi ruang yang sudah diberi adalah cukup untuk saya. Terima kasih. *Assalamualaikum warah matullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bukan tidak pernah bagi kerana masa kita ini hendak dibagi kepada ramai hendak bercakap, minta maaf. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan juga saya hendak peringatkan sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat dengar hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat mana yang sudah sebut itu dan selepas itu tidak perlu sebut lagi bermakna ringkaskan masa.

Sebelum itu izinkan saya Yang Berhormat berhenti sekejap ada satu usul yang hendak dibacakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 7 Julai 2011”.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

2.48 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillaahir Rahmannir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan untuk kelulusan belanjawan tambahan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan 2011 ini. Sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua menasihatkan, saya akan cuba membataskan teguran dan pandangan saya kepada beberapa perkara tertentu sahaja tetapi walau bagaimanapun pada keseluruhannya saya menyokong rang undang-undang ini.

Pertama sekali saya ingin merujuk kepada B.6 iaitu peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri yang menelan belanja sebanyak RM317,383,000. Ada dua, tiga perkara saya tidak mahu menyentuh peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan di bawah kepala ini tetapi ada beberapa perkara yang tidak disentuh yang saya rasa perlu saya timbulkan.

■ 1450

Khususnya saya merujuk kepada apa yang telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam sidang Dewan ini yang lalu iaitu di samping *Economic Transformation Programme* (ETP) dan *Government Transformation Programme* (GTP), kerajaan sebagaimana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri pada masa itu juga akan menimbangakan mengadakan satu program tambahan untuk melengkapkan GTP dan ETP itu iaitu ATP atau *Attitude Transformation Programme*. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam sidang yang lalu telah memberi huraian yang panjang lebar tentang betapa perlunya pertukaran sikap, transformasi sikap dilancarkan secara dengan izin *concerted*, tidak secara sambil-sambilan sahaja untuk memastikan kejayaan GTP dan ETP itu.

Akan tetapi, sayangnya dalam belanjawan tambahan ini tidak ada peruntukan untuk itu dan ini bagi saya membayangkan tidak ada perancangan yang konkrit untuk mengadakan atau untuk melancarkan *Attitude Transformation Programme* (ATP) itu sedangkan ini saya rasa sangatlah penting. Ini kerana perubahan ekonomi, perubahan sistem pentadbiran tidak akan berjaya dengan penuh berkesan tanpa adanya perubahan sikap yang menyeluruh pada setiap peringkat penduduk, rakyat, pemerintah, swasta dan seumpamanya. Apa yang tersirat dan terbuka di hati saya di sini ialah seperti beberapa kali saya sebut, Program Revolusi Mental dalam bentuk dan format yang berlainan. Kalau pun kita katakan Program Revolusi Mental di awal Dasar Ekonomi Baru dahulu ada cacat celanya, saya rasa program itu patut diteruskan dengan penambahbaikan tertentu demi memastikan bahawa *attitude*, sikap kita dapat berubah.

Jadi itulah satu perkara yang saya ingin timbulkan di bawah peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri ini.

Selain daripada itu, di bawah peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri ini juga ada satu peruntukan khusus untuk Jabatan Kemajuan Islam. Apa yang saya hendak cadangkan di sini ialah di sesetengah masjid di Wilayah Persekutuan ini ada pihak-pihak tertentu dari luar yang mengingatkan masjid supaya jangan menggunakan pembesar suara ke luar masjid. Saya rasa, sedangkan perkara ini selama ini berlaku dengan baik. Ertinya mendengar syarahan-syarahan agama, mendengar orang membaca ayat-ayat sembahyang, mendengar azan dan seumpamanya melalui pembesar suara dari masjid-masjid sudah merupakan dengan izin sebahagian daripada *cultural environment* kita. Sudah merupakan satu suasana kebudayaan dalam negara kita.

Akan tetapi kerana ada orang yang merasa terganggu, tidurnya terganggu, terganggu ketenteramannya kerana suara-suara dari masjid, maka ada teguran dan ini berlaku. Saya tidak mahu memberikan contoh yang spesifik. Memadai untuk sekadar mengatakan bahawa mohonlah supaya setidak-tidaknya secara terpilih, secara selektif dibenarkan penggunaan pembesar suara untuk menyambung syarahan-syarahan – untuk menyambung suara yang dilafazkan di masjid sama ada ceramah-ceramah agama tertentu, azan, sembahyang dan seumpamanya. Saya rasa perkara ini adalah seperti saya katakan tadi sudah merupakan sebahagian daripada *cultural environment* kita. Jadi janganlah kita tunduk kepada tuntutan-tuntutan yang saya rasa nanti yang orang yang mahu diberi sejengkal, tetapi hendakkan sehasta.

Oleh itu untuk mengelakkan perkara itu berlaku, saya mintalah supaya ini diteruskan. Saya mengatakan Tuan Yang di-Pertua supaya ini dibuat secara selektif. Kalaulah umpamanya ada seorang mu'azin yang tidak begitu sedap suara azannya, okeylah, biarlah azan itu dalam masjid sahaja. Akan tetap ada mu'azin yang suara azannya, lagu azannya menawan, sedap dan saya rasa tidak akan mengganggu sesiapa malah akan menyampaikan rasa khusyuk malah kepada orang yang bukan beragama Islam pun. Jadi, saya cadangkan supaya dibenarkan penggunaan pembesar suara secara terpilih dan selektif untuk program-program yang berada di masjid-masjid.

Perkara yang kedua yang saya ingin timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah tentang B.11 iaitu di bawah Kepala Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang mencapai angka sebanyak RM6 bilion dan sebahagian besar daripada ini adalah untuk keperluan subsidi. Mengenai subsidi ini sudah macam-macam fikiran yang dikemukakan. Ada yang mengatakan perlu dan ada yang mengatakan tidak perlu. Walau bagaimanapun, kita menyedari bahawa peruntukan untuk subsidi ini diadakan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan rakyat. Akan tetapi, perlu ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dalam pemberian subsidi ini.

Pertama, subsidi ini sebenarnya diberikan untuk memberi kemudahan kepada yang benar-benar berhak mendapatkan, bukan untuk orang-orang kaya. Perkara ini sudah ditimbulkan

dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali pagi tadi iaitu jangan hendaknya subsidi ini menguntungkan segelintir orang sedangkan yang lain hanya mendapat bahagian-bahagian kecil sahaja tetapi menggunakan nama mereka. Jadi ertinya, selain daripada pembahagian subsidi dan untuk ini barangkali, perlu diadakan satu penelitian yang lebih menyeluruh siapa sebenarnya yang mendapat manfaat yang wajar daripada subsidi ini. Kita mengalu-alukan subsidi tetapi biarlah subsidi ini diterima oleh pihak yang benar-benar wajar menerimanya.

Untuk itu barangkali perlu penelitian yang lebih mendalam oleh *Malaysian Instituted Economic Research* (MIER) atau oleh universiti-universiti atau ISIS. Mengkaji dengan teliti siapa yang benar-benar mendapat manfaat utama daripada subsidi ini dan siapa yang hanya nama mereka digunakan atas pemberian subsidi sedangkan dia dapat kuah-kuah sahaja, orang lain dapat daging-dagingnya. Itu mengenai cara pemberian subsidi.

Selain daripada itu, mengenai subsidi ini Tuan Yang di-Pertua, ada satu masalah lain yang kadang-kadang kita abaikan. Kerajaan memberikan subsidi dengan rasa keprihatinan, tetapi sayangnya ada pihak yang menerima subsidi bukan sahaja tidak berterima kasih malah tidak mengetahui bahawa dia mendapat subsidi. Tidak berterima kasih satu hal. Bukan sekadar tidak berterima kasih, tetapi tidak tahu petrol yang kita isi ke dalam kereta kita setiap minggu itu mendapat subsidi daripada kerajaan sekian banyak. Tong gas untuk memasak di dapur yang digunakan di rumah mendapat subsidi sekian banyak. Ketepikan dahulu semangat berterima kasih, semangat mengetahui pun tidak ada.

Untuk itu, saya mencadangkan supaya kerajaan tidak usah segan silulah Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meletakkan label di tong-tong gas itu, katakan bahawa sekian *percent* daripada harga gas dalam tong ini dibiayai oleh kerajaan Barisan Nasional. Saya sudah 50 tahun lebih, 60 tahun, jadi Perikatan saya ingat lagi. Perikatan maknanya UMNO, MCA masa dahululah. Saya rasa perlu untuk memberi maklum kepada pihak yang bukan sahaja tidak berterima kasih, tetapi tidak tahu. Jadi ada sebahagian besar daripada peruntukan subsidi ini disediakan untuk keperluan gas dan keperluan minyak. Saya cadangkan di stesen-stesen minyak dikatakan bahawa sekian *percent* daripada harga minyak di stesen ini dibiayai oleh kerajaan.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan agar dapat memberi perhatian terhadap perkara ini. Dengan demikian kita akan melahirkan bukan sahaja masyarakat yang berpengetahuan tetapi juga masyarakat yang bersyukur dan berterima kasih atas apa yang mereka nikmati. Ada beberapa perkara lain mengenai perkara B.11 ini yang hendak saya sentuh tetapi kerana keterbatasan masa saya pindah sahaja kepada topik lain.

■1500

Kementerian Luar Negeri yang di bawah peruntukan tambahan ini mendapat sebanyak RM27,980,000. Antara keperluan-keperluan untuk tambahan ini ialah untuk Dialog Antarabangsa Langkawi. Saya tidak tahu sejauh mana Dialog Antarabangsa Langkawi ini yang merupakan satu

peristiwa atau *event* antarabangsa dimanfaatkan untuk mempromosikan ikon kebangsaan kita, mempromosikan kebudayaan kebangsaan kita. Tadi ada disebut tentang keperluan menggunakan bahasa Melayu dalam persidangan-persidangan antarabangsa. Di sini saya cadangkan dalam Dialog Antarabangsa Langkawi ini nanti setidaknya-tidaknya ucapan pada hari perasmian diberikan seluruhnya dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Melayu sebahagian besar dengan patinya dalam bahasa Inggeris dan ini bukan terbatas kepada Dialog Antarabangsa Langkawi itu sahaja tetapi malah juga saya cadangkan kepada peristiwa-peristiwa internasional yang lain yang diadakan di negara ini. Sebagai salah satu usaha kita untuk memuliakan, menjunjung tinggi ikon-ikon kebangsaan kita.

Selain daripada itu juga mengenai Kementerian Luar Negeri ini saya hanya sekadar ingin tahu bentuk-bentuk komunikasi kedutaan-kedutaan kita di luar negeri yang digunakan untuk menghubungi warganegara-warganegara kita sama ada komunikasi dalam bentuk *newsletter* atau dalam bentuk *internet*. Saya hendak tahu sejauh mana perkara ini dimanfaatkan untuk memastikan bahawa hubungan antara kedutaan atau perwakilan-perwakilan kita di luar negeri dengan warganegara kita berada di negara-negara berkenaan tetap terjalin dengan baik dan komunikasi itu dapat berjalan dengan lancar. Mungkin perkara ini telah dilakukan tapi saya hanya menimbulkan rasa kebimbangan dan keprihatinan saya kalau perkara ini belum dilakukan mohon supaya dilakukan, kalau telah dilakukan mohonlah tingkatkan lagi keberkesanannya.

Perkara yang keempat Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan yang mendapat peruntukan sebanyak RM15 juta. Tujuan utama peruntukan tambahan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan ialah untuk projek tebatan banjir. Sehubungan dengan ini yang ada kait-mengait dengan air saya minta supaya terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memerhatikan longkang-longkang tersumbat di sekitar Kuala Lumpur. Longkang-longkang tersumbat dan juga barangkali Sungai Klang yang kadang-kadang tersendat-sendat alirannya tapi yang lebih dahsyat ialah ada longkang-longkang tersumbat yang bukan sahaja menjadi satu masalah kesihatan tetapi juga menyakitkan mata memandang. Menimbulkan masalah kesihatan dan menyakitkan mata memandang. Antara sebabnya perkara ini saya rasa bukanlah kerana tidak ada duit, tidak ada tenaga sebab yang utama saya rasa kerana kurangnya pengawasan. Maka makin banyaklah longkang-longkang di sekitar bandar Kuala Lumpur yang aliran airnya tersendat-sendat. Saya minta supaya perkara ini diperhatikan.

Sehubungan juga dengan Kementerian Wilayah Persekutuan ini perkara ini telah saya timbulkan, saya minta supaya penggunaan bahasa kebangsaan itu benar-benar diberi keutamaan. Perkara ini telah saya timbulkan pada sidang yang lalu tetapi jawapannya saya rasa tidak memuaskan. Saya telah menegur tentang pengabaian bahasa Melayu dalam papan-papan iklan sepanjang Jalan Bangsar, sepanjang Jalan Maarof tapi tidak ada tindakan.

Dalam satu *briefing* oleh kementerian ini Yang Berhormat Menteri ada menyebut pada saya katanya jangan takutlah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengadakan operasi untuk

memastikan bahasa kebangsaan ini diutamakan tapi saya nampak sekarang di Stesen LRT Universiti itu lagi tertulis *Bangsar South of Vibrant City* dan ini sudah berlaku empat bulan yang lalu dan hanya menggunakan bahasa Inggeris mengabaikan bahasa kebangsaan *completely* dan ini hanya satu contoh. Kalau kita perhatikan satu-persatu seakan makin terasa betapa bahasa kebangsaan itu diabaikan.

Begitu juga saya percaya kementerian ini sedang meneliti kembali Rang Undang-undang Perbadanan Kampung Baru bahawa rang undang-undang ini telah berkali-kali hendak dicuba bawa tetapi oleh kerana mendapat input-input tambahan daripada penduduk, daripada pelbagai golongan maka rang undang-undang itu ditangguhkan. Dari satu segi saya mengalu-alukan sikap yang sensitif daripada kementerian ini mengenai perkara itu tetapi dari segi yang lain saya mengharapkan juga supaya perkara ini diberi keutamaan kerana Kampung Baru jangan hanya dilihat daripada segi kewujudannya sebagai hartanah yang bernilai tapi harus juga dilihat kewujudan dari segi ikon sejarah dan peranannya dalam pertumbuhan sejarah dan politik negara ini.

Akhirnya saya ingin menyentuh sedikit Kementerian Pelajaran yang mendapat peruntukan yang saya rasa antara yang terbesar dalam perbelanjaan tambahan ini iaitu RM1,540,369,000. Sebahagian besar ialah untuk keperluan emolument. Okey, saya tidak mahu menyentuh perkara itu tetapi saya hanya minta Kementerian Pelajaran menjelaskan kepada Dewan ini, menjelaskan sejelas-jelasnya apa yang sudah berlaku kepada PIPP (Pelan Induk Pembangunan Pelajaran) yang dilancarkan kira-kira lima atau enam tahun yang lalu dengan pelbagai program, dengan pelbagai indikator tetapi saya rasa pernah perkara ini saya timbulkan tetapi saya mendapat jawapan yang terlalu bersifat kuantitatif tetapi tidak ada kualitatif. Tidak ada aspek kualitatifnya.

Jadi saya minta supaya kementerian memberikan laporan terperinci terhadap pelbagai aspek daripada PIPP (Pelan Induk Pembangunan Pelajaran) ini daripada segala segi terutama dari segi pembentukan negara bangsa, kedua dari segi peningkatan sekolah pemartabatan sekolah kebangsaan kalau saya tidak salah. Apa yang sudah berlaku setelah lebih lima tahun PIPP dilancarkan? Kita ingin mendapat laporan KPI yang terperinci dari segi kuantiti dan dari segi kualiti terhadap pencapaiannya dan saya ingin tahu adakah PIPP ini akan terhenti di situ sahaja atau akan diteruskan.

Satu perkara terakhir yang ingin saya timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah yang juga menyentuh Kementerian Pelajaran saya rasa ialah tentang tadi saya menyebut pengabaian penggunaan Bahasa Kebangsaan di tempat-tempat awam tapi khusus kepada Kementerian Pelajaran saya hendak menarik perhatian tentang kemerosotan penguasaan bahasa Melayu di kalangan angkatan muda kita. Saya mengajar secara sambilan dalam satu IPTA tempatan. Saya dapati pelajar-pelajar daripada golongan tertentu semakin teruk penguasaan bahasa Melayunya

dan saya anggap ini sebagai salah satu cacat cela atau kegagalan pengajaran dan pembelajaran bahasa kita. Itu contoh di IPTA. Contoh dalam pergaulan sehari-hari.

■1510

Saya rasa dalam bulan lalu, tidak kurang daripada tiga atau empat kali, saya memarahi orang-orang muda yang umurnya baru 21 tahun, 22 tahun, layak jadi cucu atau anak saya memanggil saya '*kamu*'. Saya kata, "*Eh, kamu umur berapa?*" "*21 tahun.*" "*Panggil saya pakcik atau datuk.*"..., bukan "*datuk*" kerana saya bergelar Dato' tetapi kerana umur saya tiga kali ganda daripada umur kamu, hendak panggil saya "*kamu*." Jadi, bukan sahaja ertinya dari satu segi tadi kita melihat penggunaan bahasa di bidang akademik, ini penggunaan bahasa di pergaulan sosial yang semakin – minta maaf dengan izin, biadab sifatnya. Saya minta supaya Kementerian Pelajaran melihat supaya pengajaran bahasa kebangsaan itu bukan sahaja mengetahui penggunaan bahasanya untuk keperluan-keperluan komunikasi sosial tetapi juga mengambil kira adab sopan berbahasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara lain tetapi saya juga harus bertimbang rasa kepada rakan-rakan yang lain. Atas kesempatan yang diberikan ini, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, baik sekali. Saya ingin meraih perhatian semua ahli, pihak kementerian-kementerian, saya harap segala hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu amat bernas dan banyak relevan kepada tajuk yang kita bahaskan. Saya harap apabila menjawab nanti jangan lupa, sungguhpun Menteri-menteri tidak ada dalam Dewan ini tetapi saya harap pegawai-pegawai ataupun pihak wakil-wakil kementerian tentukan ambil catatan supaya memberi satu jawapan yang berpatutan.

Seterusnya, saya ingin menjemput sekarang ini Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim. Yang Berhormat, Ahli yang baru. Untuk peringatan, ini perbahasan dalam belanjawan. Cuma tumpukan kepada tajuk-tajuk yang relevan, perbelanjaan tambahan. Macam mana yang dua tiga orang cakap tadi, saya sengaja lepaskan itu supaya yang baru ini cuba tengok cara dia bercakap supaya jangan kita meleret panjang-panjang, yang keluar daripada tajuk perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

3.12 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang untuk turut serta dalam perbahasan ini. Saya ingin menyentuh berhubung dengan Kepala B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betullah itu, teruskan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Bagi membiayai keperluan perbelanjaan pelaksanaan Projek Sistem Anti-Penyeludupan Produk Daging Beku Halal ini diterima baik dan tepat pada masanya. Kita sedar bahawa daging kita mempunyai nilai yang tinggi di pasaran antarabangsa

serta permintaan tempatan juga terlalu tinggi sehingga kita terpaksa mengimport bagi menjamin bekalan daging beku halal di negara kita. Dalam masa yang sama, dengan adanya permintaan sedemikian, aktiviti penyeludupan menjadi tarikan oleh sekumpulan orang yang tidak bertanggungjawab untuk meraih keuntungan yang berlebihan. Bertanya kepada kementerian, apakah kementerian mempunyai statistik jumlah syarikat yang mempunyai lesen mengimport daging beku ini dan di antara mereka, berapa banyak kah syarikat yang telah atau pernah didakwa dalam aktiviti penyeludupan ini? Apakah sistem yang bakal diguna pakai ini dapat menjamin dan membantu agar aktiviti sedemikian dapat dielakkan?

Seterusnya tentang Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan. Saya menyarankan agar jumlah ini akan ditambah pada masa akan datang memandangkan secara puratanya kebanyakan negara-negara maju telah lama menumpukan penyelidikan agar negara mereka tidak menghadapi krisis makanan yang telah dijangkakan. Dengan adanya penyelidikan sedemikian, saya memohon agar keutamaan dapat diberikan dalam menjamin bekalan makanan kita cukup untuk menampung permintaan tempatan pada masa akan datang memandangkan isu krisis bekalan makanan *raw* dibincangkan di persada antarabangsa. Syabas kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan Kepala B.23 – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di mana sebanyak RM9.5 juta yang diperuntukkan bagi penyelenggaraan dan operasi *SMART Tunnel*. Apakah pencapaian yang dipamerkan sehingga kini? Apakah sistem yang digunakan ini dapat mencapai sasaran bagi maksud pembinaan *SMART Tunnel* ini? Apakah sistem yang digunakan ini sentiasa mengikuti perkembangan semasa dalam isu pengawalan banjir di Kuala Lumpur?

Seterusnya, berhubung dengan Kepala B.27 – Kementerian Kerja Raya. Sejumlah wang sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan bagi memperbaiki infrastruktur Jalan Persekutuan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas usaha ini memandangkan jajaran Jalan Persekutuan adalah salah satu jalan yang dipilih oleh masyarakat bandar apabila kembali ke kampung pada musim perayaan. Saya sarankan agar pihak kementerian tidak sahaja menumpukan pada keadaan jalan raya malah tiang-tiang lampu serta penghalang jalan juga harus diperkemaskan dan dipertingkatkan demi menjaga keselamatan pengguna jalan raya terutamanya pada musim perayaan yang tidak jauh dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kepala B.6 – Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah memperuntukkan RM66 juta bagi menampung kenaikan elaun imam dan guru takmir. Saya menyambut baik niat kerajaan dalam mempertingkatkan kedudukan ekonomi imam kita. Permasalahan yang saya hadapi kini ialah kenapalah elaun jenis ini tidak dipanjangkan kepada imam di Masjid India, di mana ramai daripada imam-imam berketurunan India Muslim tidak diberikan elaun tersebut dengan satu alasan yang tidak munasabah iaitu imam-imam ini

bukan warganegara. Persoalannya adalah kenapa pensyarah-pensyarah di universiti tempatan serta yang berketurunan India Muslim dan juga keturunan lain yang bukan warganegara dibayar gaji dan elaun.

Untuk makluman, imam-imam yang berketurunan India Muslim kini terdiri daripada kalangan orang yang berpelajaran dari peringkat diploma hingga ke peringkat sarjana dalam jurusan pendidikan agama. Saya sarankan agar kemudahan pembayaran elaun ini dipanjangkan kepada semua imam di negara ini tanpa memilih asal usul mereka kerana tugas dan tanggungjawab mereka dalam mendidik serta membawa umat Islam di negara ini dalam mengamalkan dan menghayati Islam sepenuhnya dan melahirkan masyarakat yang penuh integriti dan jati diri. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai orang baru, saya rasa baik sungguh dan agaknya padat mengikut tajuk-tajuk dan kepala-kepala yang tertentu. Saya pun terkejut juga mendengar ada imam tidak dapat apa-apa, patut juga kementerian berkenaan menjawab, saya pun hendak dengar jawapan itu nanti. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, silakan.

3.18 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan sempena Tuan Yang di-Pertua menggunakan *tie* kuning, selamat petang 'bersih' kepada semua... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Bersih dah betul bersih dah, nampaknya dengar saja perkataan itu keadaan cuaca pun dapat bersih, *alhamdulillah*.

Dr. Syed Husin Ali: *Alhamdulillah*. Tuan Yang di-Pertua yang dihormati, terima kasih kerana peluang ini. Dewan diminta sekarang ini untuk meluluskan kira-kira RM13.2 bilion sebagai bekalan tambahan. Ini kali kedua bekalan tambahan diminta, dalam persidangan yang lalu ada bekalan tambahan juga. Bererti defisit akan bertambah, ini ada implikasi yang buruk dalam keadaan ekonomi sekarang, kemungkinannya. Saya tidak tahu sama ada keperluan dua kali tambahan ini disebabkan oleh kurangnya kecekapan pengurusan kewangan atau tidak. Akan tetapi saya percaya oleh sebab begitu lama sudah kita menguruskan bajet, tentu sekali ini bukan sebabnya.

Keduanya, adakah kemungkinannya bahawa tambahan ini adalah untuk menggunakan wang-wang tertentu bagi pilihan raya yang menjelang tiba...

■1520

Tuan Yang di-Pertua: Spekulasi Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Kalau ya, yalah. Kalau tidak, tidaklah. Akan tetapi saya akan kemukakan contoh-contohnya nanti. Di sini saya sebenarnya bertujuan hanya untuk menegaskan bahawa sama ada bajet sepenuhnya ataupun bekalan tambahan. Apa yang penting bagi saya

ialah bajet dan bekalan tambahan itu mestilah lebih banyak menguntungkan golongan yang susah dan miskin daripada golongan yang senang. Bagi saya ini penting pada asasnya, selalu saya ulang kerana kebanyakan daripada mereka yang susah dan miskin itu adalah daripada golongan Melayu dan bumiputera. Kalau kita benar-benar mahu menolong mereka, inilah caranya iaitu melalui fiskal, melalui bajet tambahan. Akan tetapi pada hakikatnya dan ini saya akan bagi contoh. Kita lihat bahawa lebih banyak sumber negara pergi kepada golongan yang kecil dan memang sudah kedudukannya adalah kaya.

Sebagai permulaan saya ambil misalnya soal subsidi yang sudah banyak kali disebutkan. Soal subsidi terutama sekali berkaitan dengan IPP. Dalam perbincangan ini saya ingin mencedok banyak hal yang telah disebutkan terutama sekali oleh Tan Sri Ani Arope. Tan Sri Ani Arope ini adalah seorang bekas pengerusi TNB dahulu. Pada 18 tahun dahulu apabila ditandatangani ataupun hendak ditandatangani PPA, iaitu perjanjian untuk membayar subsidi kepada IPP, dia tidak bersetuju kerana dia katakan bahawa perkara ini berat sebelah dan tidak menguntungkan rakyat. Oleh sebab itu beliau meletakkan jawatannya.

IPP yang mula-mula sekali mengikut Tan Sri Ani Arope yang menandatangani PPA ini ialah YTL – Yeoh Tiong Lay dan selepas itu diikuti pula oleh lima buah lagi IPP iaitu Segari Energy Ventures Sdn. Bhd., Port Dickson Power Bhd. dan Powertech Sdn. Bhd., Genting Sanyen Power Sdn. Bhd. Jadi pada tahun 1955, berikutan tandatangan PPA ini, beliau menyebutkan dan saya petik di sini, “Hasilnya Perdana Menteri memecahkan monopoli TNB dalam penghasilan tenaga dan menggantikannya dengan program IPP, hampir semua korporat yang ada pertalian politik bergegas untuk membida lesen IPP”. Keuntungan IPP ini memang terjamin. Sekarang ini bukan lima sahaja tetapi ada 14 buah IPP atau Independent Power Producers dengan izin.

Daripada 14 buah ini, hari ini seorang teman kami mendapat jawapan dari pihak kementerian yang berkenaan bahawa ada 14 buah IPP dan sehingga sekarang IPP ini mendapat keuntungan ataupun *revenue* sebanyak RM107 bilion. Akan tetapi sebaliknya TNB selalu kerugian dan kalau tidak rugi pun pendapatan rendah. Ini kerana apa pun harga minyak, TNB terpaksa membeli dengan harga yang mahal daripada IPP. Daripada RM107 bilion itu, kerajaan hanya meminta 1 peratus sahaja sumbangan daripada IPP ini dan jumlah sumbangan itu ialah sebanyak RM929 juta.

Mengapa 1 peratus sahaja? Untung mereka begitu besar. Mengapa tidak digunakan keuntungan itu untuk rakyat? Untung itu adalah dapat kerana subsidi yang diberikan kepada mereka. Kita dapati bukan sahaja ia menguntungkan pihak IPP, tetapi PPA iaitu perjanjian yang dimeterai tidak membenarkan harga jual minyak kepada TNB diturunkan. Memang benar soal subsidi ini bukan melibatkan hanya IPP. Dapat juga misalnya rakyat bantuan daripada subsidi. Akan tetapi bagi golongan yang rendah, subsidi ditarik balik. Umpamanya soal minyak.

Dengan mudah dilakukan oleh pemerintah, tetapi ini tidak dapat dilakukan ke atas IPP. Kandungan sebenar PPA adalah rahsia dan tidak pernah dibuka kepada umum. Keuntungan dan subsidi kepada IPP sepatutnya diturunkan. Bukannya subsidi yang meringankan kehidupan rakyat yang ditarik. Berhubung dengan subsidi kepada rakyat ini, saya tidak bersetuju sama sekali dengan cadangan atau syor bahawa pada tiap-tiap stesen misalnya atau pada tiap-tiap barang yang diberi subsidi, kita mesti tulis ini subsidi kerajaan sebanyak ini. Itu tugas kerajaan. Duit itu bukan duit kerajaan *per se*. Siapa pun kerajaan, dia boleh gunakan subsidi ataupun tidak kepada rakyat ramai. Kalau misalnya kita katakan kita tandakan itu, "Nanti ini minyak subsidi daripada kerajaan". Pelajaran jadi tanggungjawab, duitnya daripada rakyat. Adakah daripada tiap-tiap sekolah, kita akan tuliskan, "Sekolah ini didirikan dengan wang kerajaan". Adakah di tiap-tiap hospital, adakah tiap-tiap rumah murah misalnya yang mendapat bantuan? Kita harus fikirkan perkara ini dengan secara objektif.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita tahu bahawa kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji semula PPA. Ini adalah satu perkara yang baik. Kita harap selepas kajian ini akan diturunkan nanti subsidi terutama sekali pada IPP. Ini sebab di antara mereka yang terbesar sekali yang mula-mula dapat dahulu ialah YTL dan sebagainya. Apa yang menyedihkan saya ialah apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua mengatakan tempoh waktu untuk kajian ini tidak dapat ditentukan. Jadi kita kata kita hendak buat kajian. Tempoh waktunya tidak ada.

Saya harap tempoh waktu akan ditentukan dan sementara tempoh waktu itu ditentukan, saya ingin menyarankan apa yang dikemukakan oleh Tan Sri Ani Arope pada 18 tahun dahulu dan baru-baru ini juga, bahawa kita harus kalau tidak boleh mengubah perjanjian yang ada itu membuat cara yang lain untuk mendapatkan wang daripada IPP yang besar, iaitu yang 14 buah tadi yang mendapat sejumlah RM107 bilion *revenue* tadi.

Caranya ialah dengan mengadakan cukai luar biasa. Saya tidak tahu apakah proses untuk mendapatkan cukai luar biasa ini. Akan tetapi saya harap kerajaan akan mengkaji soal ini dan mengikutnya proses menggunakan cukai luar biasa ini adalah proses yang sesuai dengan undang-undang. Tan Sri Ani Arope mengatakan pada suatu ketika dahulu bahawa perjanjian yang tidak adil ini dilakukan dengan EPU misalnya. Dia menggelar EPU ini bukan *Economic Planning Unit* tetapi '*economic plundering unit*', *plunder* atau pelanunan. Jadi janganlah dilanjutkan perjanjian yang merupakan *plunder* atau pelanunan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan "pelanunan" itu *unparliamentary*

■1530

Dr. Syed Husin Ali: Okey, saya tarik balik sebab ini saya hanya *quote* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: *Your expressions, but try to avoid that*, dengan izin.

Dr. Syed Husin Ali: Ya, saya terima dan saya tarik balik.

Sebaliknya, kita lihat bagaimana misalannya selama ini dijalankan rancangan-rancangan untuk membantu rakyat ramai. Saya tidak menafikan bahawa memang ada rancangan-rancangan dan program-program untuk mengatasi kemiskinan dan membantu golongan ramai. Akan tetapi kalau kita ambil contoh misalnya elektrik ya, kita lihat perbelanjaan untuk pergi ke KLIA, Putrajaya atau ke bandar-bandar, jumlah lampunya dan belanja untuk lampunya jauh melebihi misalnya dari kawasan-kawasan di luar bandar ataupun bandar-bandar kecil. Apatah lagi misalnya kalau kita ambil perkara-perkara yang lain seperti hospital, sekolah atau perumahan.

Jadi salah satu misalnya yang saya nampak – saya merasa gembira misalnya bahawa di bawah B.21, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mendapat perbekalan tambahan kira-kira RM1.3 bilion iaitu jumlah ketiga besarnya untuk perbekalan ini. Begitu juga dengan B.20, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi mendapat tambahan RM786 *million* iaitu yang kelima terbesarnya.

Namun begitu, saya masih kurang puas hati dari dua segi. Pertamanya, peruntukan bagi pertanian dan perladangan dalam Belanjawan 2011 masih belum memuaskan lagi bagi menaikkan taraf sosioekonomi golongan rakyat yang susah di kawasan-kawasan atau wilayah yang mundur. Saya harap untuk belanjawan tahun hadapan, keadaan ini dapat diperbaiki iaitu menekankan golongan bawahan dan miskin yang kebanyakan orang Melayu itu daripada golongan yang menjadi kroni yang di atas itu.

Kedua, saya kurang puas hati kerana kalau dihalusi semua item perbelanjaan di bawah B.20 dan B.21, kita dapati bahawa kebanyakannya bukanlah perbelanjaan yang secara langsung untuk dan boleh meningkatkan taraf ekonomi golongan dan kawasan yang saya sebutkan tadi iaitu golongan miskin dan kawasan mundur. Sebagai contoh, di bawah B.21, RM488 juta ialah bagi keperluan peruntukan pembayaran beras subsidi dan RM400 juta untuk menjamin bekalan makanan negara mencukupi.

Seterusnya di bawah B.20 pula, RM700 juta adalah untuk Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Jadi tidak *direct* kepada misalnya menaikkan taraf sosioekonomi. Saya berpendapat – walaupun ada *criticism* atau pengkritikannya bahawa salah satu contoh terbaik bagi projek menaik taraf sosioekonomi di kalangan penduduk desa yang miskin ialah rancangan FELDA sebagaimana yang dilaksanakan asalnya oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Benarkanlah saya mengemukakan ini sebagai contoh dengan mengemukakan juga beberapa kekurangannya yang harus kita atasi untuk kita dapat benar-benar mengatasi masalah kemiskinan itu.

Pada peringkat asalnya pun memang ada kekurangannya FELDA itu. Ada masalah misalnya mendapatkan geran, hutang yang dibebankan oleh pihak FELDA seperti hutang beli benih, soal menanam semula benih dan sebagainya. Ada pula masalah umpamanya penipuan tentang densiti susu getah. Kadang-kadang lebih pekat dikatakan tidak begitu pekat, maka

kuranglah pendapatannya. Ada masalah tentang berhutang di kedai-kedai di FELDA sehingga akhirnya pendapatan yang mereka bawa balik kadang-kadang hanya RM50 atau RM100 sebulan sahaja ataupun kurang daripada itu. Sekarang ini kita dapati lebih banyak lagi masalah yang dihadapi.

Walaupun ada masalah tersebut pada permulaan FELDA itu, namun satu perkara jelas iaitu ada kegembiraan di kalangan penduduk dan peneroka FELDA bahawa mereka mempunyai potensi mendapat atau memiliki tanah mereka sendiri. Walaupun tanah itu tidak dapat diwariskan kepada anak-anak, tetapi bagi mereka buat sementara, boleh, dan rancangan itu mengatasi masalah kemiskinan mereka. Daripada tidak ada tanah sama sekali, sudah mendapat tanah sebanyak 10 ekar.

Dalam ucapannya di Parlimen pada 27 April 1960, Allahyarham Tun Abdul Razak menegaskan bahawa semua tanah kerajaan yang diserahkan kepada FELDA dilarang untuk diserahkan kepada mana-mana syarikat atau anak syarikat. Akan tetapi pada tahun 1990, Tun Dr. Mahathir menyelewengkan dasar yang diturunkan oleh Tun Abdul Razak. Tun Dr. Mahathir mahukan FELDA diusahakan atas skala besar yang komersial kerana baginya keuntungan akan lebih besar jikalau dijalankan dengan *large scale*.

Tun Dr. Mahathir memulakan rancangan bagi peneroka menyerahkan tanah milik mereka kepada FELDA untuk dijadikan ladang di bawah Felda Plantations. Sekarang Felda Plantations seluas kira-kira 800,000 ekar dan merupakan ladang terbesar di dunia. Akan tetapi, walaupun untungnya besar dan pelaburannya di merata tempat, kita dapati bahawa sebenarnya nasib peneroka FELDA itu tidak begitu terbela. Ini kerana mereka yang menyerahkan tanah milik mereka kepada Felda Plantations yang memberikan peluang kepada Felda Plantations untuk menjadi kaya dan beruntung, kita dapati bahawa mereka hanya diberi RM1,000 hingga RM1,500 sebulan. Kalau dibandingkan dengan mereka yang tidak memberikan hak milik mereka kepada Felda Plantations, mereka dalam keadaan harga getah yang baik, harga kelapa sawit yang baik, mendapat dua atau tiga kali ganda lebih besar pendapatan daripada mereka yang menyertai Felda Plantations itu.

Apa yang lebih buruk lagi ialah bahawa mereka yang menyerahkan milik mereka ini kadang-kadang berhutang juga untuk menanam semula, berhutang untuk membuat rumah yang lebih besar dan ada di antara mereka yang sekarang ini membebani hutang sebanyak sampai antara RM70,000 hingga RM100,000 seorang. Mungkin mereka akan membawa ke kubur mereka hutang ini ataupun tidak tahulah sama ada anak cucu mereka akan dapat membayarnya.

Oleh kerana keadaan yang buruk, keadaan tertipu – misalnya tertipu ini ada dua segi. Misalnya, buah kelapa sawit dikatakan mengkal ataupun muda dan oleh kerana itu tidak boleh dikira tetapi apabila perahannya, ia boleh dapat sampai 17 peratus. Getah misalannya dari segi gred kadar getah kering dikatakan masih basah, jadi dari segi timbangan dipotong. Ini pun

merupakan satu penipuan yang dilakukan oleh sesetengah kilang terhadap peneroka-peneroka ini.

Anggaran yang dibuat menunjukkan akibatnya peneroka kerugian tidak kurang daripada RM20,000. Kajian makmal menunjukkan bahawa buah yang dikatakan muda itu sebenarnya boleh mendatangkan perahan antara 19 peratus sehingga 21 peratus. Mengenai kadar getah kering, kajian makmal menunjukkan bahawa getah FELDA biasanya boleh mencapai kadar kekeringan 62 peratus.

■1540

Akan tetapi, kilang getah FELDA biasanya membayar hanya berdasarkan kadar kering kira-kira 45 peratus. Oleh kerana itu, golongan peneroka merasa marah, merasa tertipu, kerana itulah mereka mengambil tindakan undang-undang terhadap FELDA berhubung KPG dan KGK ini. KPG bererti Kadar Perahan Gred dan KGK ialah Kadar Getah Kering. Di Kelantan misalnya, sebuah kawasan FELDA telah memenangi kes dengan mendapat bayaran mahkamah sebanyak RM11 juta. Sekarang ini iaitu di Kemahang 3, Kelantan; Felda Muakil, Johor; di Serting 1 dan 2 dan di kawasan Jengka, masing-masing melibatkan seramai 650 orang, 766 orang dan 700 orang peneroka FELDA sudah membawa kes mereka ke mahkamah.

Jadi, rasa tidak puas hati mereka ini tidak memberikan pertama, suasana yang baik dalam FELDA dan mereka lakukan kerana mereka merasakan bahawa dalam penyelenggaraan FELDA itu berlaku penyelewengan dan penipuan yang merugikan mereka. Ada kemungkinannya mereka, kalau mahkamah itu adil, akan mendapat kemenangan sebagaimana Kemahang mendapat kemenangan.

Kita merasa gembira misalnya, pernah dikatakan banyak pelaburan FELDA yang dibuat di luar negara. Kita tidak diceritakan sangat tentang misalnya, yang rugi misalnya, Felda Ventures di Amerika Syarikat yang kerugian. Dalam keadaan yang seumpama itu, semasa FELDA dahulu diselenggarakan oleh golongan profesional, mereka mempunyai *reserves* sebanyak lebih kurang RM10 bilion. Akan tetapi selepas Felda Plantations diadakan, kita dapati bahawa *reserves* yang ada pada FELDA menurun daripada kira-kira RM4 bilion pada RM1.5 bilion dan dalam suasana inilah pula kita dengar sekarang ini, FELDA memerlukan RM6 bilion pinjaman daripada wang kumpulan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berikan gambaran ini ialah untuk menunjukkan berapa banyak masalah FELDA walaupun niatnya baik, yang harus kita atasi supaya benar-benar rancangan yang dimulakan sebagai rancangan untuk menolong orang-orang miskin itu akan terus menjadi rancangan orang miskin dan supaya benar-benar bahawa dalam perbelanjaan kita, secara langsung atau tidak langsung oleh kerajaan, kita lebih banyak dan lebih berat membantu golongan yang susah daripada golongan yang senang.

Sekarang izinkan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berikan contoh beberapa item. Barangkali berikan saya lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh Yang Berhormat cuba ringkaskan...

Dr. Syed Husin Ali: Ini ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: *Points* itu.

Dr. Syed Husin Ali: Ini ringkas. *Point by point*. Ini berkenaan dengan item-item perbelanjaan. Walaupun ada yang telah disebut, saya akan menyebutnya daripada *angle* yang lain.

Pertama ialah B.48 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mendapat RM458 juta. Saya bimbang ini akan digunakan terutama sekali untuk pilihan raya. Akan tetapi saya harap kebimbangan ini dapat diatasi jikalau umpamanya benar-benar peruntukan ini digunakan untuk golongan yang susah walaupun semasa pilihan raya, sebelum pilihan raya ataupun selepas pilihan raya.

Begitu juga nampaknya ada unsur pilihan raya ini pada B.22 – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tentang kenaikan elaun JKKK dan JKKKP sebanyak RM150 juta. B.41 – Kementerian Pelajaran, bantuan sekolah agama sebanyak RM95 juta. Jabatan Perdana Menteri untuk elaun imam dan guru takmir adalah sebanyak RM66 juta. Jadi, semua ini sekali lagi saya tegaskan kalau pun hendak digunakan untuk pilihan raya, pastikanlah ia digunakan untuk golongan yang benar-benar memerlukan pertolongan daripada wang peruntukan tersebut. Mungkin saya silap, silap bahawa mungkin ini bukannya untuk pilihan raya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *don't speculate*.

Dr. Syed Husin Ali: Itu spekulasi.

Tuan Yang di-Pertua: ...Jangan beranggapan kalau sekiranya ada perkara itu esok, boleh kita bahaskan lagi.

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: *It is...*

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi saya hanya memberikan peringatan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dr. Syed Husin Ali: Kemudian tentang emolumen. Yang lalu kita dapati bahawa emolumen bagi Kementerian Pelajaran B.41 dan B.42 – Kementerian Kesihatan adalah besar. Sekarang ini juga besar iaitu bagi Kementerian Pelajaran ialah sebanyak RM1.3 bilion. Bagi Kementerian Kesihatan, sebanyak RM1 bilion. Jadi, RM2 bilion daripada kira-kira RM7 bilion yang selain daripada RM6 bilion yang diberikan kepada Kementerian Kewangan. Itu perbelanjaan yang besar. Saya mengharapkan bahawa emolumen ini bukan sahaja untuk sembarangan guru-guru yang baru ataupun untuk kenaikan gaji dan sebagainya.

Sebaliknya, saya mengharapkan dua perkara. Perkara yang pertama ialah, kenaikan gaji ataupun elaun seharusnya tidak di batas hanya kepada golongan yang mempunyai ijazah dan diploma sahaja, sebab itu yang diputuskan sekarang ini. Yang lebih ramai ialah mereka yang tidak mempunyai diploma dan ijazah dan ini harus dipertimbangkan. Keduanya ialah, saya

mengharapkan bahawa perbelanjaan untuk emolumen ini juga dibelanjakan terutama sekali kepada guru-guru bahasa. Bukan sahaja guru Bahasa Malaysia tetapi guru bahasa Inggeris kerana kita hendakkan mereka mengenal Bahasa Inggeris dengan lebih baik daripada hanya melalui Matematik dan Sains. Akan tetapi lebih penting, mesti diadakan rancangan untuk mengajar bahasa-bahasa yang lain yang penting dalam dunia dan yang penting dalam negara ini juga. Mengapakah tidak bahasa Arab, mengapakah tidak bahasa Perancis, mengapakah tidak bahasa Cina dan sebagainya dalam negara ini?

Jadi, yang buruknya sekarang ini ialah keadaan yang mana seorang pelajar Cina dia mungkin belajar bahasa Inggeris dan ada Bahasa Melayu tetapi kita yang Melayu ini hanya ada Bahasa Melayu tetapi lemah dalam bahasa Inggerisnya dan tidak belajar bahasa yang lain. Saya percaya kalau diadakan guru-guru yang baik, mengajar bahasa...

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Dua minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan *elaborate* terlalu panjang.

Dr. Syed Husin Ali: Ya. Kemudian belanja besar untuk persidangan. Kementerian Luar Negeri tadi telah sebutkan tentang belanja RM19.9 juta untuk persidangan LID. Selain daripada itu, ada juga perbelanjaan untuk satu mesyuarat yang akan diadakan - Mesyuarat Rundingan Perkongsian *Trans-Pacific*. Tentang LID itu, saya ingin bertanya. Saya ingin mendapatkan butir-butir perbelanjaan itu. Mengapakah sampai RM19.9 juta ini, berapa hari? Berapa ramai yang hadir, dan apakah perbelanjaan yang paling besar?

Tentang menghantar rombongan untuk persidangan Pacific tadi, yang belum lagi dilaksanakan, perbelanjaannya ialah RM8 juta. Saya ingin tahu berapa orang yang terlibat? Berapa lama mereka terlibat, dan apakah justifikasi perbelanjaan? Saya tidak misalnya, menafikan sama sekali hak untuk membelanjakan ini tetapi saya ingin mendapatkan butir-butir untuk menunjukkan ia munasabah.

Akhir sekali, ialah tentang Kementerian Pertahanan. Ini sudah selalu sangat dikatakan tentang *Scorpene* tetapi membayar kontrak selenggaraan dua buah kapal, ini kontrak sebanyak RM417 juta untuk selenggaraan. Sejumlah RM417 juta ini adalah empat kali ganda lebih besar daripada yang dianggarkan lebih awal.

■ 1550

Selain itu dan berhubungan dengan Kementerian Pertahanan juga ialah bayaran pendahuluan sebanyak RM56 juta untuk sewaan Sistem *Submarine Escape Rescue Intervention*. Pertamanya ini pendahuluan. Kalau ini pendahuluan, berapa sebenarnya bayaran keseluruhannya?

Kedua, kalau ia sewaan, sewaan untuk berapa lama? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap mendapat jawapan daripada item-item yang saya sebutkan tadi dan saya harap dapat

dipertimbangkan juga betapa pentingnya kita menekankan nasib terutama sekali golongan ramai yang berpendapatan rendah ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian.

3.51 ptg.

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmanir Rahiim. Assalamualaikum warahmaatuhu ta'ala wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin membangkitkan berhubung dengan perkara B.6 - (8). Saya melihat di sini ada peruntukan RM1 juta berhubung dengan Penubuhan Siasatan Kematian Teoh Beng Hock. Sekarang ini suruhanjaya kita tubuhkan, siasatan pun sudah dibuat, laporan pun sudah dibuat tetapi persoalan pokok bagi saya siasatan awal berhubung dengan penyelewengan peruntukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri yang berkenaan. Bagaimanakah siasatan yang sedang dilakukan waktu itu, adakah diteruskan ataupun dihentikan kerana saksi telah meninggal dan sebagainya. Jadi hari ini saya ingat memerlukan satu penjelasan kerana rakyat berkehendakkan penjelasan bagaimanakah siasatan berkenaan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara B.22 iaitu berhubung Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkenaan dengan masyarakat Orang Asli iaitu di sini saya melihat diperuntukkan RM150 juta untuk kenaikan elaun Pengerusi JKKK, JKKKP termasuk juga tok-tok batin dan juga JKKK di perkampungan Orang Asli dan dalam soal ini perkara yang saya ingin tarik perhatian kementerian adalah berhubung dengan tugas dan tanggungjawab yang dimainkan oleh pengerusi-pengerusi JKKK dan juga pengerusi JKKKP termasuk tok-tok batin.

Jadi bagi saya apabila elaun ini telah kita naikkan RM800 sebulan maknanya dia mesti kita berikan satu tanggungjawab, satu senarai tugas yang lebih teratur, yang lebih teliti dan kemungkinan kita perlu adakah KPI bagi setiap ketua-ketua kampung dan juga tok-tok empat ini kerana mereka ini sudah menerima elaun daripada pihak kerajaan dan maknanya seolah-olah mereka sudah bertugas bagi pihak kerajaan yang ada pada hari ini.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua adalah berhubung dengan peruntukan sebanyak RM63.3 juta untuk membiayai sistem rawatan air pelbagai sumber di seluruh perkampungan Orang Asli. Saya selaku wakil kepada masyarakat ini mengucapkan terima kasih daun keladi, kerana apa saya sebut daun keladi ini, kita hendak lagi dan isu yang saya hendak bangkitkan di sini terdapat projek-projek yang dibina atau dibangunkan di perkampungan kami tetapi tidak memberikan kebaikan kepada masyarakat ini kerana apa yang diperolehi sepatutnya kita memperoleh air yang bersih, air yang sudah dirawat dengan baik tetapi perkara yang berlaku adalah sebaliknya, tidak dapat air yang baik.

Terdapat rungutan-rungutan daripada penduduk-penduduk kampung. Jadi saya ingat yang ini kita kena tengok. Walaupun peruntukan yang begitu banyak saya ingat dari segi pelaksanaannya kita kena lihat betul-betul supaya ia benar-benar menepati kehendak masyarakat itu sendiri dan dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua saya melihat untuk kita hendak mengubah minda masyarakat kerana rata-rata masyarakat Orang Asli ini lebih daripada 50 peratus berada di bawah paras kemiskinan dan perkara utama, cara yang paling berkesan untuk hendak meningkatkan sosial ekonomi sesebuah masyarakat atau pun sesuatu kaum, atau pun sesuatu negara adalah tidak lain dan tidak bukan melalui pendidikan.

Oleh sebab itu pendidikan di kalangan masyarakat ini haruslah diperkasakan dan saya masih ingat lagi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan pembinaan Sekolah Kebangsaan Simpai di Pekan, dia kata untuk hendak membela Orang Asli ini, sekolah-sekolah mestilah kita bina berhampiran dengan kampung-kampung mereka ataupun di dalam kampung itu sendiri. Jadi oleh itu hari ini saya ingat masih ada lagi misalannya di Kampung Sawah Batu memerlukan sekolah kebangsaan. Jadi saya minta kepada Kementerian Pelajaran untuk melihat perkara ini, membina sebuah sekolah. Ini juga di dalam kawasan Parlimen Pekan, kebetulan.

Jadi selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua saya tidak mahu hendak mengambil masa yang panjang kerana saya fikir masih ramai lagi kawan-kawan yang hendak berucap dan dalam hal ini saya juga selaku wakil kepada masyarakat Orang Asli di dalam Dewan ini, di dalam perkataan Orang Asli dia tidak ada demonstrasi, tidak ada tunjuk perasaan. Jadi oleh sebab itu walaupun kita masyarakat Orang Asli berada di dalam keadaan kesusahan, miskin, kita tidak akan pergi ke jalan-jalan raya, ke lorong-lorong di dalam bandar untuk menyatakan ketidakpuasan hati kita dan bagi kita, kita berkehendakkan satu kehidupan yang aman damai, kalau kita tidak dapat, kita akan merayu dan terus merayu.

Jadi oleh sebab itulah di dalam perkataan kita tidak ada perkataan tunjuk perasaan, tidak ada demonstrasi dan akhirnya untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Akta Perbekalan Tambahan 2010.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun sebelum Yang Berhormat duduk. Ya Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Saya cuma hendak mengingatkan baru beberapa bulan dahulu, 2000 Orang Asli telah berkumpul di Putrajaya, mengadakan demonstrasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Itu penjelasan Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat hendak bertanya. Okey teruskan Yang Berhormat.

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat ini hendak tanya saya?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Saya sudah hapuskan. So teruskan. Ada apa-apa lagi?

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Hendak jimatkan masa. Sekarang ini saya persilakan Yang Berhormat Dato' Haji Idris Buang, ada?... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat Dato' Haji Idris Buang*] Kalau tidak ada, saya *slot in* kepada *next one*, kepada Dato' Haji Abdul Rahim Abdul Rahman. Silakan.

3.58 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Bismillahiir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmamullaahi ta'ala wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya slot untuk bersama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2011. Untuk menghormati masa, saya ada tiga perkara yang hendak disentuh dan membuat komen dengan seberapa ringkas yang boleh.

Pertama berhubung dengan peruntukan RM54 juta yang termasuk dalam B.6 untuk penyelenggaraan kuarters. Kerajaan sama ada di peringkat pusat atau negeri mempunyai banyak aset termasuk rumah-rumah atau kuarters yang kosong, usang dan banyak yang saya nampak sekurang-kurangnya diselenggarakan dengan sempurna.

■1600

Saya penuh yakin peruntukan penyelenggaraan akan bertambah setiap tahun apabila kuarters ini bertambah usang. Saya fikir sudah tiba masanya kerajaan membuat kajian terperinci dan menyediakan *asset register* yang sempurna supaya aset ini dapat diawasi termasuklah pembangunan semula jika perlu. Bayangkan rumah kerajaan di Jalan Pegawai dalam kawasan Utan di Kuala Lumpur yang mempunyai kawasan satu ekar dan harga pasaran lebih dari RM15 juta, tetapi terbiar dan tidak diduduki.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Banyak kuarters kerajaan di kawasan hutan Damansara Heights di Kenny Hill yang kosong kerana tidak lagi sesuai untuk didiami. Nilai pasaran aset-aset yang didapati ini akan dapat dilipatgandakan jika dibangunkan semula dan perbelanjaan penyelenggaraannya dapat dikurangkan di masa-masa hadapan.

Kedua, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas peruntukkan sebanyak RM100 juta di bawah B.11 untuk menampung dana jaminan di bawah Skim Rumah Pertamaku. Kita juga bangga dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenal pasti berapa ekar tanah kepunyaan kerajaan yang akan dibina dengan rumah yang tidak melebihi harga RM220 ribu sebuah melalui kerjasama syarikat-syarikat pembinaan swasta. Ini telah pasti memberi harapan yang amat positif kepada golongan pekerja-pekerja muda kita mempunyai rumah sendiri di sekitar Lembah Klang. Akan tetapi kita seolah-olah lupa bahawa selain daripada Kuala Lumpur, harga-harga rumah di bandar-bandar besar seperti di Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh, Seremban, Kota Kinabalu pun naik harga juga. Oleh sebab tu saya fikir, kerajaan negeri

pun mestilah mengikuti langkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memperuntukkan tanah-tanah yang sesuai di kawasan-kawasan yang sesuai untuk memastikan kejayaan Skim Rumah Pertamaku ini berjaya juga di negeri masing-masing.

Ketiga ialah berhubung dengan peruntukan menampung kos menjalankan latihan kemahiran di seluruh negara iaitu juga sebanyak RM100 juta di bawah B.11. Ini pun perlu kerana untuk mencapai kejayaan kita pun mestilah mempunyai tenaga yang terlatih dan mahir. Cuma saya hendak komen sedikit mengenai isu pokok mengenai tenaga pekerja kita di negara ini. Saya diberitahu dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain pun saya fikir sudah sedar bahawa ramai lagi graduan-graduan kita yang tidak dapat pekerjaan yang sesuai sehingga dua tahun selepas mendapat ijazah. Saya pasti bahawa salah satu sebabnya ialah penyediaan dan penyesuaian ijazah-ijazah yang disediakan di universiti-universiti kita mengikut kaedah industri. *We have very high sounding degrees* dengan izin, tetapi keluar universiti tidak dapat kerja kerana *degree* itu tidak sesuai dengan sumber pekerjaan yang ada. Saya harap pihak berkenaan membuat kajian yang lebih terperinci di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akhir sekali saya suka menambah tentang perkara yang amat penting untuk negara yang juga telah disebut oleh beberapa Yang Berhormat sebelum saya. Sebagai ahli Dewan Negara, saya merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan Tuanku campur tangan untuk kepentingan rakyat jelata dan menitahkan supaya demonstrasi jalan yang haram itu tidak diadakan. Alangkah lebih bersih kalau tidak diadakan langsung perhimpunan ini walaupun di stadium sekalipun. Eloklah jika kita selesaikan dengan jalan perundingan sahaja kerana bukannya menjadi tanggungjawab kita semua bahawa kesejahteraan rakyat menjadi kepentingan utama kita. Bersihlah diri kita dahulu, baru kita dapat bersih negara. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

4.06 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2011 dan bagi memperuntukkan perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang untuk maksud-maksud yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh berkaitan wang sejumlah RM110 juta untuk penyelenggaraan dan pengurusan terminal-terminal yang dimaksudkan dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan aspek pengurusan sebagaimana yang dimaksudkan di bawah rang undang-undang ini.

Sistem pengangkutan awam di Malaysia sebagai pengangkutan pilihan penduduk bandar dalam jangka masa sederhana ini sebagai usaha untuk menguruskan *polarity* antara golongan

kurang bernasib baik yang tidak mempunyai pilihan dan bergantung sepenuhnya pada pengangkutan awam berbanding golongan berkemampuan yang boleh bergantung kepada kenderaan persendirian. Mengikut statistik, terdapat lebih kurang 265 ribu pengguna pengangkutan awam di Malaysia termasuk pengguna bas, teksi dan lain-lain. Kerajaan menyasarkan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru dengan sasaran awal 25 peratus pada tahun 2012. Kerajaan juga menyasarkan untuk meningkatkan standard pengangkutan awam di pusat populasi utama di Malaysia, justeru peruntukan bagi penyelenggaraan dan pengurusan terminal ini adalah sangat wajar dan amat penting sekali.

Jika kita gagal menangani masalah pengangkutan awam ini, bandar kita akan menjadi sesak dan keadaan ia akan memberi kesan negatif terhadap produktiviti di bandar-bandar utama, kualiti hidup rakyat di bandar dan keupayaan meningkatkan taraf bandar di Malaysia bagi mencapai standard global. Justeru kerajaan terutamanya SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) sentiasa memantau dan wajar membuat KPI dan standard kerja yang tinggi bagi kontraktor yang mendapat kontrak menyelenggarakan dan menguruskan terminal-terminal pengangkutan awam ini. Tindakan tegas ke atas kontraktor-kontraktor yang tidak memenuhi perjanjian yang dipersetujui perlu dibuat bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang sewajarnya selaras dengan hasrat kerajaan, rakyat didahulukan pencapaian diutamakan.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan, sejauh manakah usaha kerajaan dalam memastikan empat bidang fokus bagi mengukuhkan usaha meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di bandar dapat dilaksanakan dan apakah tercapai terutamanya dalam memastikan dalam aspek keselesaan dan kemudahan iaitu meningkatkan kualiti perjalanan menggunakan pengangkutan awam bermula daripada pengguna melangkah keluar dari rumah mereka sehingga tiba di destinasi akhir mereka.

■1610

Selanjutnya saya ingin menyentuh berkenaan tiket bersepadu. Kos pelaksanaan tiket bersepadu dan kutipan tambang automatik (AFC) dianggarkan berjumlah RM35 juta. Dengan mengambil kira pelaksanaan inisiatif ini adalah berdasarkan keadaan perkongsian kos asas bersama pihak *Touch 'n Go* dengan menggunakan infrastruktur yang sedia ada. Namun sejauh manakah ianya berfungsi sepenuhnya di stesen-stesen seluruh negara. Sejauh manakah kerjasama kerajaan menggalakkan operator telekomunikasi dan bank-bank memudahkan pelaksanaan sistem tiket bersepadu ini. Amalan ini digunakan secara meluas dalam model sistem pengangkutan di negara maju seperti *Oyster Card* di London, *EZ-Link* di Singapura dan *Octopus* di Hong Kong.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya pun ingin mengambil masa yang pendek bagi memberi peluang rakan-rakan saya yang lain. Seterusnya ialah saya ingin menyentuh mengenai dengan Jabatan Perdana Menteri. Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan peruntukan

sebanyak RM66 juta untuk menampung kenaikan elaun imam dan kenaikan insentif guru takmir. Saya ingin mencadangkan agar lebih banyak kursus dan latihan dijalankan bagi memastikan peranan dan kemahiran mereka dapat dimanipulasikan untuk pembangunan akhlak terutamanya bagi remaja-remaja sekarang. Negara dalam melahirkan generasi yang lebih berpengetahuan dalam agama, mempunyai jati diri yang tinggi dan serta melahirkan masyarakat yang lebih harmoni. Lain kali Tuan Yang di-Pertua kita pun tidak hendak dengar bayar gaji imam ini lewat. Esok kalau tidak ada siapa hendak sembahyang dekat masjid pun payah juga. Orang perempuan tidak boleh ganti Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tambahan sebanyak RM458,750,000. Minta maaf saya tidak boleh hendak menyebutlah. Dekat setengah bilion untuk menampung bayaran bantuan kebajikan dari bulan Ogos hingga Disember 2011. Saya juga minta Menteri menjelaskan sedikit pecahan perbelanjaan yang terlibat. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini. Ini kerana telah banyak membantu rakyat terutamanya rakyat luar bandar dan warga emas yang banyak mendapat bantuan daripada kementerian ini.

Ada rakan-rakan saya kata ini terlalu banyak. Saya mengucapkan tahniah kepada mereka-mereka Tuan Yang di-Pertua di bawah kementerian ini nampaknya semua golongan dapat bantuan. Sama ada yang kecil yang muda yang tua yang sedang semuanya mendapat bantuan tidak kira apa kaum pun. Bagi yang mendapat kecelakaan kebakaran dan lain-lain semua dibantu. Saya rasa dekat setengah bilion ini pun rasa saya tidak banyak. Patutnya dia lagi banyak kerana keperluan-keperluan yang kita sedia maklum yang dapat pujian sehingga setakat ini Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, cuma di sini saya ingin bertanya apakah rancangan kementerian untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian dan perkhidmatan dalam kementerian ini. Apakah langkah untuk mengurangkan kerenah birokrasi dalam membuat permohonan bantuan untuk pihak-pihak yang berkenaan?

Seterusnya bagi Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran mencatatkan kementerian yang kedua tertinggi dalam perbekalan tambahan ini. Sebahagian besarnya dibelanjakan untuk pembayaran emolumen dan saya ingin menyentuh tentang Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Namun masalah yang dihadapi yang lebih 13,000 Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) ini sehingga kini masih belum dapat diatasi. Pengumuman yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran berkenaan penyambungan dan juga penyerapan GSTT ke jawatan tetap pada Mac lalu disambut dengan penuh kesyukuran pada Guru Sandaran Tidak Terlatih. Namun dari segi pelaksanaannya sebahagian besar guru-guru ini masih belum menerima sebarang berita dari pihak kementerian tentang penyambungan dan penyerapan mereka.

Tidak dinafikan ada GSTT yang ditawarkan tempat sekolah sejak April lalu namun kebanyakan GSTT yang diambil bukan daripada mereka yang mengajar di sekolah asal sebaliknya di sekolah lain. Bukankan pengetua sekolah asal ada mencadangkan GSTT yang berkhidmat sebelum disambung perkhidmatan di sekolah berkenaan dan disebabkan jumlah Guru Sandaran Tidak Terlatih yang agak ramai kita memahami pihak kementerian perlu mengambil masa untuk melakukan penyambungan dan penyerapan. Namun seelok-eloknya kelompok guru ini dimaklumkan tentang perancangan pihak kementerian agar jelas dan tidak tertanya-tanya tentang status mereka. Adakah perancangan pihak kementerian dalam membuat penyambungan dan penyerapan Guru Sandaran Tidak Terlatih ini? Bilakah mereka akan dimaklumkan tentang perancangan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin menyambung sedikit apa yang disampaikan oleh rakan-rakan saya. Iaitu berhubung dengan berita hangat yang sedang dibicarakan di semua peringkat di media cetak dan media elektronik iaitu dengan perhimpunan haram yang akan berlangsung pada 9 hari bulan. Saya juga bagi pihak rakan-rakan yang lain juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kerana mengambil berat tentang perkara ini. Sepatutnya tidak sampai Yang di-Pertuan Agong Tuan Yang di-Pertua. Ini sampai Yang di-Pertuan Agong campur tangan. Saya rasa sedih dan amat dukacita di atas perkara ini. Sudahlah begitu sudah jumpa Yang di-Pertuan Agong katanya hendak buat pula dekat stadium.

Buat dekat mana pun kalau buat dekat stadium namanya derhaka juga. Jadi kalau tidak hendak derhaka tidak payah buat mana-mana. Saya mencadangkan kalau boleh dibatalkan walaupun dekat stadium ataupun di tempat yang kecil-kecil. Jadi kalau saya sebagai Ahli Dewan Negara yang bertanggungjawab saya minta kepada yang berkenaan supaya batalkan terus perhimpunan tersebut. Saya hendak tanya kepada sidang pada hari ini siapa dia ketua pengerusi penganjur ini, siapalah pengikut-pengikut dia? Saya hendak tanya kepada 'tuan-tuan' dan 'puan-puan', sepatutnya di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Kalau rasa bumi yang dipijak ini tidak sesuai untuk dia, dia pindah negara lain tidak payah duduk dekat Malaysia ini... [*Tepuk*] Kalau rasa tidak sesuai. Kalau negara lain boleh lihat Malaysia sebagai negara majmuk, aman, damai dan makmur. Kenapa ada orang kita yang menganggap kita tidak betul, tidak aman? Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua kalau berlaku sebarang pertumpahan darah pada 9 hari bulan nanti orang ini kita akan perhambat nanti. Jangan ingat kalau tidak makan sama-sama tidak makan. Ingat peristiwa 13 Mei. Saya rasa penganjur ini dia baru beranak dia tidak tahu peristiwa yang lepas. Saya hendak ingatkan sekali lagi kepada pihak penganjur kita mengutuk habis-habisan apa yang tersirat di hatinya. Kalau ya pun ada hajat dan lain-lain saya setuju apa kata kawan saya tadi alangkan Orang Asli pun tahu duduk perkara yang sebenarnya tidak kan kita yang sudah lama hidup tidak tahu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua nanti kalau tangkap polis yang disalahkan Tuan Yang di-Pertua. Kasihan asyik polis sahaja yang disalahkan. Cuma hari ini kita salahkan diri kita barulah kita salahkan diri orang lain. Kalau kita satu keluarga pun kita ada salah dan silap ini kita hendak cari silap orang lain. Saya minta ampun dan maafah kepada mereka yang berkenaan ini kita muhasabahlah diri kita dan kita fikir balik semula. Saya mohon kepada mereka yang berkenaan ini kalau boleh mintalah pada 9 hari bulan itu kita batalkan terus. Kita janganlah jadi rakyat yang penderhaka. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon menyokong. Sekian *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung. Selepas itu diminta bersedia Yang Berhormat Datuk Haji Idris Buang.

4.19 ptg.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana izinkan saya untuk ambil bahagian dalam sesi perbahasan ini.

■1620

Saya cuma ingin bangkitkan satu maksud sahaja di sini. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya meneliti Maksud B.28, di mana Kementerian Pengangkutan minta peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta untuk membayar subsidi, insentif, sewa pajakan pesawat ATR, FOKKER-50, DCH-6 *Twin Otter*, dan *Re-delivery Adjustment* bagi lapan pesawat FOKKER-50 di bawah perkhidmatan Udara Luar Bandar iaitu RAS di Sabah dan Sarawak kepada MASwings Sdn. Bhd., saya mengamati masalah-masalah kualiti perkhidmatan dan laluan penerbangan MASwings di negeri Sarawak. Pada 27 Mei 2011, MASwings telah pun membatalkan penerbangan terus iaitu *direct flight* sebelah petang dari Kuching ke Bintulu.

Selama ini, penerbangan tersebut merupakan satu-satunya penerbangan dari Kuching ke Bintulu pada sebelah petang. Bilangan penumpang pun tinggi. Sekarang laluan penerbangan tersebut ditukarkan kepada Kuching-Sibu-Bintulu. Ramai penumpang yang ingin menaiki penerbangan Kuching ke Sibu pada sebelah petang susah mendapat tiket penerbangan kerana penerbangan itu selalu penuh.

Tuan Yang di-Pertua, Bintulu merupakan pusat pelaksanaan projek SCORE. Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengatakan pada tahun 2009 dan 2010, *foreign direct investment* (FDI) dengan izin, negeri Sarawak menduduki tempat ketiga di belakang negeri Selangor dan Pulau Pinang. Ini adalah kerana pelaburan asing melalui projek SCORE di Bintulu. Kuching merupakan bandar ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri. Kebanyakan permohonan dan kelulusan projek perlu dijalankan di Kuching. Oleh yang demikian, pelabur-pelabur yang menyertai projek selalunya perlu ulang-alik di antara Bintulu-Kuching-Bintulu. Pendaftaran penerbangan terus iaitu *direct flight* Kuching ke Bintulu sebelah petang menyebabkan banyak kesulitan.

Saya berharap MASwings dapat menentukan laluan penerbangan dengan mengambil kira keperluan sebenar pasaran memandangkan kerajaan telah pun memberikan begitu banyak subsidi. Sekiranya bilangan kapal terbang tidak mencukupi serta penerbangan yang kurang mempunyai ramai penumpang seperti Bintulu-Miri atau Miri-Bintulu dan Bintulu-Sibu atau Sibu-Bintulu boleh dikurangkan kemudian ditukarkan kepada laluan penerbangan laluan yang mempunyai ramai penumpang seperti Kuching-Bintulu-Kuching atau Kuching-Miri-Kuching. Rakyat Sarawak berharap MASwings dapat membolehkan laluan penerbangan yang betul-betul hangat, barulah peruntukan tambahan seperti RM150 juta tersebut adalah berbaloi dan rakyat baru dapat menikmati perkhidmatannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

4.24 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 2011. Pertama, saya ingin menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah memberi titah nasihat yang begitu baik kepada pihak-pihak yang ingin menganjurkan demonstrasi jalanan Sabtu yang akan datang ini. *Alhamdulillah*, pihak yang berkenaan telah akur pada Titah Seri Paduka Baginda, *alhamdulillah*. Akan tetapi, saya ingin hendak mengingatkan diri saya dan semua pihak lebih-lebih lagi pihak kerajaan supaya kita lengkapkan negara dengan undang-undang yang betul-betul dapat menangani perkara-perkara seperti ini, daripada hanya segelintir sahaja orangnya hingga boleh membesar, membiak dan diolah-olah supaya menjadi begitu mengancam pada keselamatan negara.

Ini berpunca daripada kelemahan sistem dan juga kelemahan daripada peruntukan yang sedia ada pada undang-undang kita. Saya telah membuat sedikit kajian mengenai perkara ini apabila melihat situasi apabila isu *Malaysian for Free and Fair Elections* (MAFREL) pada satu ketika dahulu. Sebelum tahun 2008, MAFREL lah yang telah membuat BERSIH *rally* 1.0 dengan izin. Kedudukan MAFREL adalah hanya sebuah syarikat yang mempunyai dua saham RM1 satu, mereka ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan bukan ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan. Maka, mereka tidaklah dikawal selia oleh RAS dengan izin. Maka, terlepaslah mereka daripada kehendak Undang-undang *Societies Act* atau Akta Pertubuhan, dengan izin.

Jadi, di bawah Akta Syarikat, dahulunya ROC tetapi sekarang Pesuruhjaya Syarikat, tidak ada kuasa dalam undang-undang untuk mengawal selia mereka juga. Jadi, di manakah peruntukan undang-undang untuk sekurang-kurangnya mengawasi pergerakan dan perbuatan mereka? Mereka tidak dapat bergerak kalau tidak ada peruntukan kewangan, tidak ada sumber kewangan. Tidak mungkin syarikat yang RM2 sahaja nilai sahamnya dapat membawa dan

menganjurkan sebuah demonstrasi atau *rally* yang sampai setengah juta orangnya, tidak mungkin. Jadi, mereka mempunyai sumber daripada luar atau dalam negara.

MAFREL sendiri dahulu mengaku mereka menerima wang sumbangan daripada luar negara. Satu, daripada negara Finland kalau tidak salah saya dan satu lagi sumbangan mereka dapat daripada Amerika. Jadi, apabila mereka mempunyai sumber kewangan macam itu yang mungkin mencecah jutaan ringgit atau dolar, maka mereka akan menurut kehendak dan aspirasi penyumbang tadi. Tidak hairanlah kalau agenda mereka diresapi dengan aspirasi tangan dari luar. Kalaulah tangan itu tangan komunis ataupun *terrorist* macam mana? Kepincangan ataupun vakum ataupun *void* dengan izin, dalam kesediaan perundangan kita ini memungkinkan mereka membuat sesuka hati mereka. Jadi, pihak BERSIH ini pun adalah rangkuman NGO-NGO yang ada RM2, ada mungkinnya di bawah Akta Pertubuhan juga, ada ahli politik yang juga masuk campur.

■1630

Mungkin ada yang berunsur-unsur dakyah ekstremis komunisme. Ini yang membahayakan negara. Keselamatan dalam negeri atau keselamatan negara tidak boleh digadai, dipersendakan ataupun diperjudikan dan diperlekehkan sebab kalau hilang keselamatan negara kita ini, tiadalah negara Malaysia ini di mana kita hendak pergi. Ini bumi kita, kita mesti pertahankannya. Mana-mana negara yang mempunyai *sovereignty* ya, keagungannya tersendiri di mata dunia. Harus! Tanpa dayus, tanpa segan silu, tanpa takut mesti mempertahankan. Keselamatan negara dan keselamatan dalam negeri ini biarlah ke titisan darah yang terakhir.

Tidak boleh dipersendakan. Jadi saya hendak syorkan pihak kerajaan kalau boleh menerusi Yang Berhormat yang mewakili Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk disalurkan kepada pihak tertentu. Kalau boleh carilah contoh yang baik. Kesediaan perundangan yang boleh menangani isu seperti ini ataupun aktivis-aktivis seperti ini. Seperti Singapura, Hong Kong mereka mempunyai *Charities Act*. *Charities Act* mengawal selia sekurang-kurangnya laporan kewangan daripada semua NGO sama ada mereka di daftar di bawah Akta Pertubuhan, *Societies Act* mereka ataupun di bawah mana-mana badan lain seperti *Companies Act*, dengan izin.

Akan tetapi, ada *Commissioner of Charities*. Macam di Singapura ataupun di Hong Kong, pihak-pihak NGO ini terpaksa melapor tiap-tiap tahun kepada mereka mana, dari mana dia dapat sumber kewangan ini. Siapa, akaun mana, bagaimana mereka membelanjakan tiap-tiap sen duit yang ada pada mereka itu. Di situ baru kita dapat lihat perkembangan tiap-tiap sebuah NGO – janganlah berleluasa dan janganlah sampai apa yang mereka telah buat. Seperti yang kita tahu Bersih adalah bukan sebuah badan yang betul-betul berdaftar, ya. Itu adalah satu perkara yang menyedihkan.

Akan tetapi, tidak dapat untuk dikawal selia dengan awal. Pihak yang ingin menganjurkan demonstrasi sebegini sama ada pihak pembangkang atau pihak daripada kerajaan

pun harus fikir. Demonstrasi seperti ini kalau tidak, tidak ada siapa pun boleh jamin. Walaupun mereka jamin, jaminan mereka itu sia-sia sahaja, boleh diketawakan. Tidak ada siapa boleh menjamin demonstrasi itu selamat 100 peratus, tidak ada. Kalaulah seorang yang gila baling dengan telur, telur busuk kepada mereka pun yang sedang buat demonstrasi. Saya ingat ini akan membuat huru-hara yang boleh kata menggegarkan keselamatan.

Tidak siapa pun boleh. Jadi kalaulah sesebuah badan yang hendak pun, sekurang-kurangnya mereka mempunyai *legal identity*, dengan izin. *Legal integrity*, dengan izin. Jikalau mereka buat juga, tiap-tiap individu yang mereka aniaya ataupun telah terancam dari segi seperti mana yang kita tahulah, kalau dibuat di Kuala Lumpur ini dekat Dataran Merdeka mungkin ada yang buat berniaga di sebelah Jalan Tuanku Abdul Rahman itu dan sekitarnya boleh terjejas keselamatan mereka. Ada mungkin cedera, ada mungkin kedai mereka terbakar, gedung dan apa juga peralatan mereka ataupun barang-barang mereka itu musnah dan sebagainya.

Mereka boleh dakwa. Siapa hendak mereka dakwa kalau ada tercetusnya apa jua perkara yang tidak dikehendaki. Mereka boleh dakwa yang penganjur ini. Penganjur ini kalau tidak dibuat betul-betul pengawasan dari segi undang-undang mereka boleh terlepas begitu sahaja. Biarlah identiti mereka, *legal identity*, *legal integrity* mereka itu sah dari segi undang-undang supaya mereka dapat didakwa. Pihak yang hendak menganjurkan Bersih ini tidak buat *legal identity* mereka atau *legal entity* mereka itu atau integriti mereka itu dengan bersih. Jadi mereka mungkin terlepas kononnyalah, tetapi saya hendak sarankan tiap-tiap orang yang boleh teraniaya, mungkin teraniaya boleh mengambil juga tindakan undang-undang kepada mereka sama ada sebelum ataupun selepas kejadian demonstrasi.

Sebelum mereka boleh pergi ke mahkamah. Ambil perintah mahkamah untuk injunksi ya, mempertahankan mereka daripada meneruskan hasrat mereka buat demonstrasi. Kalau adalah bukti ataupun keterangan yang boleh menunjuk kepada *the eminence of danger* ataupun *the eminence of damage* pada *business* mereka ataupun diri mereka itu. Itu mengenai perkara Bersih. Setiap dalam *rally* ataupun NGO yang sedemikian saya harap pihak kerajaan ambillah – saya telah berucap macam ini dua tahun lepas. Saya ingat hendak tidak – tiga tahun lepas sebelum tahun 2008. Akan tetapi, tidak ada diambil tindakan, tidak ada peruntukan undang-undang daripada Jabatan Perdana Menteri ataupun daripada mana.

Nampaknya tidak ada seriuslah pihak kerajaan hendak ambil isu ini, sekarang inilah sudah tengadah baru kita tengok. Sebab tidak ada peruntukan undang-undang tidak dapat siapa yang hendak dipersalahkan juga. Ini perkara yang nombor satu.

Yang nombor dua saya ingin hendak panjangkan isu mengenai kebersihan tandas-tandas bukan sahaja di Parlimen tetapi di sekolah. Saya mula-mula jadi Ahli Dewan Negara selepas saya angkat sumpah dalam *maiden speech* saya, saya ingat Tuan Yang di-Pertua sama hari dengan saya angkat sumpah Tuan Yang di-Pertua. Mungkin sama hari kita pun...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, betul, betul.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Akan meninggalkan Dewan ini hujung tahun ini nanti. Akan tetapi, tidak ada perkara yang kita sesalkan. Sebenarnya yang saya sesalkan sahaja tindakan mungkin belum diambil atas satu, dua perkara tadi? Jadi ini mengenai tandas. Pernah saya katakan bukan sahaja di sekolah, tetapi di mana-mana tempat pun lebih-lebih lagi di sekolah anak-anak kita harus dididik mengenai kebersihan. Saya dapat tahu banyak sekolah yang prestasi ataupun *amenities* dengan izin, seperti tandas di sekolah-sekolah ini tidak begitu bersih .

Ada yang tidak bersih langsung. Kita harus didik anak-anak kita dengan menunjuk kepada mereka itu persekolahan termasuk juga ilmu mengawasi diri, mengemas diri di dalam tandas. Saya tidak mahu hendak *complaint* mengenai apa-apa, tetapi saya tahu ramai ibu bapa yang telah *complaint* kepada saya tandas di sekolah begitu menjijikkan kadang-kadang, mungkin tidak ada cukup kewangan kah? Tidak ada cukup anggotakah untuk memeriksa tandas mereka. Akan tetapi, kalau boleh dasar yang besar daripada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran memberi garis panduan di mana semua sekolah boleh ikut dan memastikan, kalau tandas mereka didapati tidak mencapai piawai atau standard yang ditetapkan markah mereka.

Kalau bolehlah guru-guru di tempat itu jangan bagi bonus untuk tahun itu. Kalau itulah drastik atau satu-satu tindakan yang kita hendak ambil perlu ambil untuk memastikan perkara kebersihan anak-anak kita itu terjamin. Ambillah. Selain daripada tandas, kantin, tempat makan saya ingat pihak guru-guru dan kakitangan sekolah memang sudah betul-betul bekerja, memang mereka layak menerima apa juga imbuhan. Kerajaan telah susun aturkan dan beri kepada mereka. Akan tetapi, saya rasa mereka boleh bagi lebih daripada apa yang telah diberi dengan menunjukkan sikap yang positif mengenai perkara kebersihan tadi, tandas, kantin sekolah dan lain-lain yang berkenaan.

■1640

Di Parlimen, tidak ada beza daripada hari pertama saya pergi ke tandas yang pertama di Parlimen ini dan sebelum saya masuk ke sini tadi saya pun periksa tandas juga di Parlimen ini, saya tolong cuci sebuah tandas sana, tidak ada beza. Mungkin bezanya *downward* dan bukan *upward* dari segi kebersihan. Peruntukan untuk Parlimen saya rasa harus juga ditumpukan kepada kebersihan persekitaran kita kerana daripada kebersihan tandas itu menunjukkan ketamadunan sesuatu bangsa itu sendiri.

Maka itu kita kaitkan dengan sekolah tadi di mana anak-anak kita kalau betul-betul mereka menghayati pembelajaran dalam tandas tadi, mereka akan mengawasi apa pembelajaran lain pun. Sekarang kita dengar *E.coli*, kita dengar macam-macam *strain of diseases* yang tidak dapat dikawal dengan izin, dari seluruh dunia. Kita harus kawalkan diri kita sendiri.

Saya pernah juga mengatakan di Dewan ini dan saya hendak *repeat* dengan izin, saya hendak katakan lagi. Saya pernah pergi ke luar negara dan saya kagum dengan kebersihan tandas di negara *Netherland*. Merekalah yang terbaik. Itu yang saya pergi itu adalah satu tempat *public railway station*, tandasnya tujuh bintang. Saya bukan hendak mengatakan apa tetapi itulah *the central railway station* dekat Amsterdam. Saya kagum. Saya duduk di dalam tandas itu, saya duduk saya terfikir kalaulah anak-anak kita di Malaysia dapat *environment* macam ini, kita akan mengetuai ketamadunan dunia ini kerana kita mempunyai kekayaan diversiti kita sendiri. *Multiracialism* kita, *multiculturalism* kita, kita boleh memperkayakan diri kita sendiri. Itu *Netherland*, bagaimana mereka buat macam itu? Kita pun boleh buat tanpa kos yang lebih pun. Hanya sikap sahaja yang perlu diubah dan kemahuan. Sikap harus dipupuk dari awal-awal lagi.

Poin yang ketiga ialah mengenai halal haram. Pihak JAKIM mempunyai peruntukan yang begitu banyak sekali tiap-tiap tahun. Kita hidup di Malaysia ini tidak boleh kita lalai ataupun tidak boleh kita ketepikan kehendak makanan halal dan haram kerana majoritinya orang Islam di sini. Kalaulah diketepikan, diperlekehkan, maka bagi orang Islam itu satu dosa sebab ini adalah satu cabang fardu kifayah yang perlu kita sama-sama pegang dan sama-sama perjuangkan. Kawan-kawan kita yang bukan Islam, saya kagum kerana mereka lebih memahami kehendak kita daripada orang Islam sendiri. Saya mintalah pihak JAKIM kalau boleh – saya juga telah berucap di Dewan ini berkali-kali mengenai ini, boleh tengoklah hansard balik tetapi saya tidak pernah jemu. Kalau ini perlu saya perjuangkan, saya akan perjuangkan.

Kalau boleh, pihak JAKIM mempunyai *chemistry department* mereka sendiri, pakar-pakar kimia mereka sendiri supaya mereka dapat mengkaji mana DNA ini ada khinzir atau tidak, DNA ini ada apa atau tidak. Dia boleh *on the spot* buat pemeriksaan dan tidak payahlah tunggu hendak ikut Jabatan Kimia lah itu, menerusi badan-badan lain, banyak retetlah. Orang hendak makan, dia makan segera. Banyak item daripada luar negara seperti *Greatwall corned beef* dari China, cap halal tetapi DNA belum tahu dalam itu. Saya tengok *internet* kita boleh import *corned beef* dari China 24 tin dalam satu karton dan dalam sebuah kontena, ia ada 2,400 buah karton. Kita boleh order tidak kurang daripada minimum, dua kontena sekali. *Corned beef* dari China, cap halal kita boleh letak sendiri. Dia bilang *any bias* punya *mark, trademark* pun boleh buat suka hatilah. Akan tetapi ini masih juga saya tengok dalam *supermarket* di seluruh negara saya pergi, masih terdapat barang seperti ini.

Jadi saya hendak sarankan kepada pihak yang berkenaan termasuk JAKIM sendiri, biarlah mereka mempunyai juga *legal advisor* dia sendiri dan janganlah berharap dengan *Attorney General Chambers*, dengan izin. Kalau boleh, mereka ada penasihat undang-undang ataupun pasukan penasihat-penasihat undang-undang mereka sendiri supaya mereka dapat mengkaji dan membuat syor-syor yang betul-betul mengikut kehendak syariah dan sebagainya.

Kalaulah label halal itu dibuat walaupun bukan daripada JAKIM pada benda yang bukan halal yang mempunyai unsur atau ciri-ciri khinzir dan sebagainya, ini bagi saya adalah satu

kesalahan jenayah. Bukan sahaja ini kesalahan dari segi undang-undang sivil yang boleh didakwa tetapi ini adalah satu perkara jenayah. Ini adalah bukan sahaja *misrepresentation* dengan izin, tetapi ini adalah penipuan. Orang tidak akan beli kalau tidak ada cap halal. Bagi orang yang hendak makan itu dia fikir itu hendak halal.

Jadi bagi saya, buatlah apa yang patut sebab ini kalau imam-imam ini dibagi elaun – siapa lagi selain daripada imam-imam ini? Pegawai-pegawai lain yang diberi elaun yang begitu besar, tidak bolehkah diserapkan imam-imam ini sebagai *rangers* halal? Kalau dekat perhutanan ataupun tentang *wildlife* dengan izin, ada *rangers*, kalau boleh imam-imam ini resapkanlah mereka menjadi pemantau halal haram makanan. Anggota mereka ini beribu-ribu di seluruh negara. Imam bukan sahaja imam di tikar sembahyang, sepatutnya mereka imam memimpin masyarakat Islam di kampung-kampung mereka, di mukim-mukim mereka atau daerah yang tertentu. Jadi kalau boleh, di *optimize* kanlah kepakaran yang ada pada mereka.

Di situ saya rasa saya sudah berucap begitu panjang walaupun saya ada banyak poin-poin lain. Entah ada yang lain hendak berucap juga. Saya rasa sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan saya ini, saya mintalah dari segi apa juga undang-undang berkaitan keselamatan macam ISA, Undang-undang Hasutan, Undang-undang Kanun Keseksaan Jenayah atau *Penal Code* dengan izin, dan juga Kanun Acara Jenayah, kajikan balik dan buatlah perubahan yang diperlukan supaya undang-undang ini betul-betul berkesan dan boleh memberi kuasa yang betul-betul kepada pihak yang memerlukan iaitu pihak kerajaan dalam memastikan keselamatan negara kita terjamin. Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

■1650

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya dipersilakan Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan. Selepas itu diminta bersedia Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

4.51 ptg.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut serta di dalam membahaskan rang undang-undang perbekalan tambahan. Tanpa melengahkan masa, saya ingin menyentuh beberapa isu dalam usaha memperkasakan penyampaian kerajaan di dalam menjamin kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kepala B.06 Perkhidmatan ICT. Baru-baru ini kita telah menerima satu amaran yang dikeluarkan oleh satu pihak yang dikenali sbg *Anonymous* bagi menggodam sistem ICT kerajaan demi kepentingan masyarakat segelintir yang tidak bertanggungjawab. Saya ingin tahu apakah sistem ICT di negara kita ini adakah sentiasa diselenggarakan bagi menangani hasutan dan ancaman sedemikian pada masa yang akan datang. Apakah kementerian yang bertanggungjawab ini sudah mengenal pasti pihak yang melakukan aktiviti sedemikian, apakah tindakan yang diambil agar perkara-perkara ini tidak dipandang remeh oleh sesiapa pun untuk bertindak sedemikian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kepala B.13, di mana saya ingin tahu berapa banyakkah pejabat-pejabat konsuler di seluruh dunia, adakah pejabat kita di semua lokasi ini menyediakan modal insan yang berkaliber dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka selaras dengan hasrat kerajaan dalam menjalin hubungan serta meraih peluang pelaburan bagi masyarakat kita di sini. Saya juga difahamkan ada beberapa konsuler yang menghadapi masalah kekurangan kemudahan asas bagi mereka untuk melaksanakan tugas-tugas mereka. Saya berharap kementerian dapat meneliti kembali kemudahan-kemudahan ini kerana pejabat konsuler kita adalah sebagai *first impression* dengan izin, bagi masyarakat asing untuk merantau ke negara kita mahupun berniaga atau melancong.

Seterusnya berhubung dengan Kepala B.21, Tuan Yang di-Pertua kita menerima baik hasrat kerajaan dalam menyediakan beras subsidi kepada golongan yang berpendapatan rendah. Saya ingin menyeru kerajaan agar subsidi sedemikian tidak dimanipulasikan oleh pengedar atau peruncit kerana memandangkan beras subsidi ST-15 ini dikhaskan kepada orang yang kurang berpendapatan. Mohon agar kementerian memantau penguasa-pengusaha kedai makanan tidak mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan untuk menyediakan makanan dari beras subsidi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah rasional perbekalan tambahan untuk Kepala B.21 memandangkan jumlah wang yang dipohon adalah mencecah hampir separuh daripada jumlah perbekalan asal, apakah ini mencerminkan perancangan perbelanjaan yang tidak konsisten. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, RM2.7 bilion telah diluluskan dan kini jumlah sebanyak RM.3 bilion telah dipohon di dalam perbekalan tambahan seolah-olah perbekalan asal. Mohon penjelasan agar kementerian dapat meneliti kembali sistem perancangan kewangan agar ia tidak menggugat imej serta kapasiti kerajaan persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kepala B.22 di mana kadar elaun bulanan kepada JKK dan JKKP ditingkatkan kepada RM800 selaras dengan pengumuman pembentangan belanjawan adalah diterima baik. Isu yang ingin saya bangkitkan adalah mengapa pelantikan JKKP dan JKK ini mengambil masa yang amat lama, apakah yang menyebabkan kelewatan ini dan adakah kementerian bercadang untuk menyediakan elaun bagi semua ahli jawatankuasa pada masa akan datang.

Saya sedar bahawa kedudukan kewangan tidak membenarkan pembayaran dibuat kepada semua jawatankuasa tetapi niat itu lebih penting. Saya menyarankan agar sejumlah wang kecil diperuntukkan agar kesemua ahli dapat menikmati sagu hati sedemikian dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menjaga keamanan dan pengurusan kampung-kampung berkenaan.

Saya juga ingin menyentuh Kepala B.11, saya ingin memohon penjelasan tentang Program Latihan Kemahiran, memandangkan ramai belia terlibat di dalam program latihan

kemahiran, sila nyatakan tahap pencapaian program ini sejak dua tahun yang lalu sehingga kini, apakah kerajaan melihat program ini dapat menerajui belia-belia kita dalam usaha kerajaan mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Saya juga ingin menyatakan bahawa pada tahun lalu satu peruntukan khas telah digunakan untuk program latihan kemahiran bagi belia-belia kaum India. Saya memohon penjelasan sama ada pada tahun ini pihak Kementerian Kewangan akan berbuat sedemikian, ini kerana belia-belia yang mengikuti program latihan kemahiran adalah amat kurang jika dibandingkan dengan belia-belia daripada kaum-kaum lain. Dengan adanya satu peruntukan khas maka latihan kemahiran boleh diperkenalkan kepada ramai di kalangan belia India.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, memandangkan pembangunan ekonomi negara kian pesat dan kerajaan sedar akan pembahagian miskin bandar dan luar bandar mempunyai garis kemiskinan yang berbeza, untuk makluman miskin bandar kini menghadapi tekanan emosi yang amat ketara terutama bagi ibu tunggal serta keluarga yang mempunyai anak yang lebih daripada tiga orang anak. Sedarkah kementerian bahawa kebajikan iaitu bantuan yang disampaikan oleh kementerian terutama bagi miskin bandar bagi meringankan bebanan mereka kini tidak lagi dilihat sebagai rasional dan munasabah. Apakah kementerian akan meningkatkan lagi jumlah yang disediakan kini ke satu angka yang sesuai dan selesa. Sekian saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Datuk Chin Su Phin.

5.00 ptg.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang saya selaku seorang ahli baru dalam Dewan yang mulia ini untuk membahaskan rang undang-undang ini. Pada masa yang sama, saya mengambil kesempatan ini untuk mohon Menjunjung Kasih ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana atas rekomendasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya telah dilantik sebagai Senator di Dewan yang mulia ini.

Sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang berasal dari negeri di bawah bayu iaitu Sabah, saya merasakan adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mencurahkan masalah dan isu-isu dari semua rakyat Sabah untuk kesejahteraan dan hak-hak rakyat Sabah dan di Dewan yang mulia ini adalah merupakan tempat yang terbaik bagi tujuan tersebut. Di Sabah terdapat pelbagai masalah dan isu yang masih menjadi duri di dalam daging sejak bertahun-tahun lamanya. Masalah dan isu tersebut menyentuh perkara-perkara sosial, ekonomi dan politik. Saya akan menyentuh satu persatu masalah dan isu yang akan kita sama-sama dapat mencari jalan menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah. Daripada empat orang di Sabah, satu adalah pendatang tanpa izin pelaksana program pengampunan atau *amnesty* kepada pendatang tanpa izin ini mulai pada Julai tahun ini. Seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin baru-baru ini, mungkin akan menjadi nisbah penduduk Sabah dengan pendatang asing 1:2 disebabkan kemasukan pendatang haram ke Sabah yang tidak terkawal. Tidak lama lagi rakyat Malaysia di Sabah akan merasakan diri mereka bukan berada di Malaysia disebabkan perubahan besar komposisi penduduk negeri ini. Walaupun cadangan *amnesty* ini akan memberi manfaat besar kepada syarikat perladangan serta faktor pembinaan. Namun majoriti rakyat Sabah akan kerugian.

Kita semua sedar bahawa perkhidmatan kesihatan di Sabah terlalu pun mencapai had tampungan maksimumnya. Hospital sudah tidak mampu menampung keperluan penduduk negeri ini. Pesakit tempatan terpaksa bersaing dan menunggu dengan lama bersama-sama dengan pendatang asing ini untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital. Satu contoh terkini mengenai persaingan dengan pendatang asing ini adalah seperti yang berlaku di Kundasang, satu kawasan tumpuan pelancong ke Sabah. Akhbar tempatan telah melaporkan aduan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kundasang Saudara Min Benggaloi kepada pihak berkuasa tempatan mengenai dengan aktiviti pendatang tanpa izin ini yang menjalankan perniagaan dan bersaing secara bebas dengan petani tempatan di Kundasang.

Mereka bukan lagi bekerja sebagai buruh ladang ataupun pembantu gerai tetapi kini mereka adalah bos. PATI ini akan menjual hasil tanaman mereka pada harga yang rendah berbanding dengan petani tempatan dan ini menghalang penduduk tempatan mendapatkan pulangan yang munasabah. Keadaan seperti ini sudah tentu tidak akan menyumbang ke arah aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang berpendapatan yang tinggi.

Jumlah pendatang tanpa izin ini terus meningkat beratus-ratus di kawasan pedalaman Sabah seperti di Masilau dan Matiki dan aduan seperti yang diutarakan oleh Jawatankuasa Keselamatan di daerah Ranau tidak mampu mencegah atau menghentikan penghijrahan pekerja asing ini. Salah satu *rasional amnesty* adalah untuk mengurangkan aktiviti haram seperti pelaburan wang haram, pengganas dan penyeludupan dadah. Ini satu anggapan yang salah. Secara logiknya lagi ramai pendatang asing lagi banyak aktiviti haram dan ini akan meningkatkan kebimbangan anggota polis untuk menanganinya. Tindakan membenarkan pendatang asing masuk dan keluar dengan mudah akan menyebabkan Sabah dibanjiri oleh pendatang asing. Tiada siapa boleh menjamin satu hari nanti tidak mungkin pendatang asing ini mengambil alih kerajaan dan mengisytiharkan Sultannya apabila jumlah mereka melebihi jumlah penduduk asal negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Ketua Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Jahid Jahim telah menyuruh kepada kerajaan agar Datu Mohd Akjan yang mengisytiharkan dirinya Sultan Sulu disiasat status kewarganegaraannya. Akjan telah dilahirkan di Jambangan Nipah-Nipah, Sulu dari pertuturan slanga Filipinanya kita dapat melihat satu kes klasik yang mana pendatang asing bukan sahaja menjadi tuan tetapi mendakwa dirinya Sultan kepada Sabah negeri yang kita sanjung ini.

Akan lebih banyak lagi yang akan menjadi tuan dan mengisytiharkan dirinya Sultan jika kita tidak menangani ibu kepada semua masalah atau dalam bahasa Inggeris dengan izin *the mother of all problem* di Sabah ini dengan strategi yang lebih komprehensif. Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa Akjan pernah ditangkap, ditahan di bawah ISA pada pertengahan 90-an. Beliau dikatakan ditangkap di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu semasa beliau kembali daripada Kuala Lumpur kerana didapati membawa beg bimbit berisi lebih kurang 2,000 kad pengenalan Malaysia. Beliau dikatakan menjual kad pengenalan ini kepada pendatang haram dari Filipina dengan harga antara RM500 hingga RM3,000.

Seterusnya saya ingin membawa perhatian semua kepada perkara yang saya ingin membahaskan iaitu gejala rasuah di negara kita khususnya...

Datuk Maijol Mahap: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Boleh Datuk Chin Su Phin bagi peluang?

Datuk Chin Su Phin: Boleh habiskan dahulu?

Datuk Maijol Mahap: Sedikit sahaja.

Datuk Chin Su Phin: Okey.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya dari Sabah Datuk Chin Su Phin telah membangkitkan isu yang amat penting sekali di Dewan yang mulia ini. Saya mendengar dengan teliti hujah-hujah beliau dan memang inilah yang diperjuangkan oleh rakyat Malaysia di Sabah.

Saya juga tidak henti-henti bercakap mengenai ini termasuklah Dewan yang mulia ini. Saya ingin minta pendapat daripada Yang Berhormat, oleh sebab keseriusan kes seperti ini yang begitu dahsyat sekali, tidakkah perlu kerajaan menunaikan permintaan rakyat supaya menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja (*Royal Commission*) untuk melihat perkara yang serius ini secara holistik supaya kita boleh menyelesaikan dan melihat apakah masalah yang telah timbul. Bagaimana kita menyelesaikan perkara ini dengan sebaik-baiknya untuk kebaikan seluruh Malaysia juga dan di Sabah. Terima kasih.

■1710

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat saya pun setuju. Datuk Sultan Azlan, Pengarah Urusan Nortika Teknologi Sdn. Bhd. telah diberi kontrak sebagai

kontraktor ali baba utama projek pembinaan skim perumahan polis di Kinarut, Sabah dengan jumlah kontrak RM215 juta pada awal tahun 2000.

Projek berkenaan telah terbelang disebabkan oleh pengurusan yang tidak cekap dan kerajaan terpaksa menyelamatkan projek ini. Pembaziran wang kerajaan juga berlaku di Sabah akibat tiada kawalan ke atas projek yang diluluskan secara rundingan dan ini mempromosikan rasuah. Kita menjadikan masalah pelaburan wang haram oleh pendaatang tanpa izin sebagai alasan untuk memberikan mereka amnesti. Akan tetapi, bagaimana pula dengan pelaburan wang haram daripada negeri Malaysia di Pulau Pinang?

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat antarabangsa telah banyak kali memaklumkan kepada Kerajaan Malaysia mengenai dengan aktiviti pelaburan wang haram yang banyak berlaku di Sabah dan Sarawak. Bagaimanapun, jika tiada tindakan diambil terhadap penyamun yang mencuri pada waktu malam, mereka ini menjadi lebih berani mengambil tindakan mencuri di siang hari menyebabkan rakyat dibelakangkan pencapaian kemudian dan bukan pencapaian sekarang.

Kuasa untuk mentadbir kerajaan bukan kuasa untuk menjadi korup atau makan suap. Kita sesetengah ahli politik hanya menyedari perkara ini menyeru melalui pengalaman pahit. Kita sering kali bertanya sampai bila baru rakyat negara ini akan menyedari tindakan penyamun bertamadun ini. Mulai mempersoalkan mereka dan seterusnya menggulingkan mereka, negeri ini dirosakkan oleh mereka yang sepatutnya menjadi pelindung kepada rakyat Sabah.

Ada sesetengah orang menganggap rasuah sebagai dengan izin, *highway robbery* atau penyamun jalanan. Akan tetapi bagi saya, kuasa yang tidak terkawal dan bertindak seakan Tuhan adalah penyamun besar menyebabkan prestasi rendah negara ini dalam transparansi indeks iaitu hanya 4.4 daripada 10 markah. Memandangkan Sabah adalah negeri yang termiskin di Malaysia dan kemiskinan merupakan *indicator* besar dalam jelajah rasuah, saya anggarkan indeks bagi Sabah adalah cuma 1 markah daripada 10 markah.

Berhubung dengan penyamun jalanan ini, Jalan Kalabakan-Sepulut yang sejauh 179 kilometer telah disiapkan pada awal tahun ini dengan kos RM565 juta. Kos pembinaan jalan ini adalah RM3 juta untuk setiap kilometer. Bagaimanapun, kos sebenar untuk membina jalan *gravel* adalah hanya RM1 juta per kilometer. Di mana pergi RM358 juta?

Pada 18 Jun 2011, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri, Datuk John Anthony telah mengumumkan bahawa sebanyak RM270 juta telah diluluskan untuk menaik taraf jalan berkenaan. Mengapa kerajaan tidak menyiasat kenapa jalan berkenaan tidak memenuhi spesifikasi malahan membuka ruang untuk rasuah. Kenapa harus rakyat Sabah sekali lagi dibebankan untuk menanggung kos sokongan dan ketidakcekapan.

Satu lagi projek mega di Sabah adalah projek laluan kereta api Tanjung Aru–Tenom oleh Suria Capital Holdings Berhad. Kos projek yang pada mulanya dianggarkan sebanyak RM330 juta dan dijadualkan akan siap pada Mei 2008. Kini projek tersebut memerlukan tambahan

peruntukan sebanyak RM300 juta lagi untuk menyiapkannya. Projek tersebut masih belum disiapkan dan dinyatakan bahawa kontraktor projek telah terlebih bayar sebanyak RM30 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sering kali mengumumkan kelulusan peruntukan yang tinggi dan projek-projek mega di Sabah. Akan tetapi, rakyat negeri ini tidak mendapat sebarang manfaat kerana pembaziran, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan ketidakceapan sistem pentadbiran.

Ini merupakan salah satu sebab mengapa Sabah masih jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek dan dinobatkan sebagai negeri termiskin di Malaysia khususnya kekurangan infrastruktur asas yang penting sungguhpun kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit untuk pembangunan di Sabah.

Dalam pada itu, saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menangani ketiga-tiga gejala negatif di Sabah ini iaitu masalah pendatang tanpa izin, rasuah yang berleluasa dan tidak berani mengambil tindakan pembetulan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya orang Sabah... *[Ketawa]*. Saya tidak sekali-kali mengaku Sabah - tidak ada manfaat untuk orang Sabah. Projek berbilion-bilion sampai di Sabah. Ada saksi di sini, Yang Berhormat Datuk Maijol. Kita di Sabah, *alhamdulillah* dapat manfaat yang besar ya. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Hajah Mumtaz Md. Nawi.

5.17 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Auzubillahi minas syaitonirrajim. Bismillahi Rahmani Rahim...* *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Saya mulakan ucapan pada hari ini dengan satu lafaz ayat Quran yang menyebut bahawa, "Tidak akan ada taufik bagi manusia khususnya bagi saya melainkan dengan izin Allah dan kepada-Nyalah saya bertawakal dan kepada-Nyalah saya akan kembali".

Jadi kita mulakan dengan pembentangan sebagaimana yang telah pun disebutkan dalam perbekalan hari ini iaitu Parlimen bagi B.1. Saya hendak tanya *direct* kepada Parlimen tentang khususnya berapakah bilangan pengunjung Parlimen setiap tahun. Sekurang-kurangnya lima tahun terakhir sama ada daripada kalangan orang tempatan dan luar negara. Adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan Parlimen sebagai tempat wajib lawat bagi semua lawatan rasmi dan adakah kita bercadang untuk menggalakkan lawatan ini.

Ini kerana kita lihat perbelanjaan yang dihabiskan untuk pembinaan ataupun *maintenance* pada Parlimen amat tinggi. Jadi, kita lihat kalau lawatan kita ke luar negara kita banyak mengunjungi parlimen-parlimen mereka dan adakah kerajaan dalam negara kita bercadang untuk memastikan bangunan rasmi ini yang penting dalam negara ini dijadikan satu tempat lawatan bagi menggalakkan dan memahamkan rakyat tentang fungsi legislatif.

Kedua, saya sekali lagi merayu dan memohon direkodkan dalam Dewan pada hari ini, bilakah kami dapat akses kepada *printer*. Kita sudah lama dapat komputer, tetapi bila kami hendak *print*, kami terpaksa turun bawah ataupun cari kerana kita punya komputer ini tidak *compatible* dengan komputer yang lain. Jadi, ini menyusahkan. Kita sudah habiskan berbelas-belas juta untuk bekalkan komputer, sekarang tidak diakseskan dengan *printer*. Jadi, ini menyukarkan sebenarnya kepada semua Ahli Dewan Negara mahupun Ahli Dewan Rakyat dalam akses kepada komputer dan juga *printer*.

Saya pohon ini dibuat tindakan kerana tidak guna kita bercakap pada hari ini, lebih baik kita balik kalau kita cakap tidak ada *effect* apa-apa. Oleh kerana kos *printer* tidak mahal dan saya rasa ini boleh dibuat dengan cara yang cepat dan bukan untuk disebut akan ambil tindakan dan kita lihat benda ini sudah bertahun-tahun. Itu yang kedua.

Ketiga berkaitan dengan berapakah bilangan pegawai Parlimen selain daripada pegawai PTD yang ditugaskan di Parlimen. Pegawai Parlimen dari segi akta perkhidmatan yang asal. Jadi, kita hendak tahu juga supaya kita lihat kebersamaan mereka kepada Parlimen dan adakah mereka ini akan *dirotatekan* secara berkala.

Seterusnya berkaitan dengan promosi kepada pengenalan cabang legislatif atau lebih jelas kita fahami sebagai pembuat polisi. Hari ini Ahli-ahli Dewan Negara, pegawai-pegawai kerajaan yang datang, timbalan-timbalan menteri yang datang, saya kira kita boleh sahkan pada hari ini bahawa kalau dikira dari segi KPI menteri-menteri yang berjumlah 26 orang campur empat orang dari segi KPI untuk kehadiran ke Dewan Negara, mereka gagal.

■1720

Kita gagal untuk memastikan Yang Berhormat Menteri-menteri kita hadir dan saya cukup sedih kerana perkara ini Yang Berhormat Menteri di kalangan orang kerajaan, Tuan Yang di-pertua yang meminta pun di kalangan orang kerajaan, di manakah rasa hormat mereka kepada sebuah badan yang tertinggi dalam negara untuk membincangkan. Kalau kita ada 26 orang, kita *rotate*. Dewan Negara bukan sampai 30 hari, 1 hari 2 orang Yang Berhormat Menteri pun sudah cukup. Setiap hari Yang Berhormat Timbalan Menteri-Timbalan Menteri perlu tunggu. Jadi saya rasa perkara ini sudah sampai masanya saya mahu permohonan maaf *direct* daripada menteri kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sebab ini memalukan. Ia bukan sekali kita sebut tetapi sudah banyak kali kita sebut dan kalau perkara ini dibuat kita lihat tidak ada *respect* atau rasa hormat.

Saya pohon agar Yang Berhormat Menteri KPI datang sendiri dan jawab. Berikan kehadiran berapa kali menteri-menteri datang untuk jawab kepada Dewan Negara kerana ini penting, ini maruah. Begitu juga kita lihat kalau bagaimana hari ini sepatutnya sebarang perubahan membuat polisi kita harus mulakan dalam Parlimen sama ada Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara kerana kita simpulkan dalam bentuk rang undang-undang yang kita

akan buat bacaan kali pertama, kali kedua dan kali ketiga perbahasan yang berkait dengan polisi harus disantuni.

Pegawai-pegawai kerajaan harus datang, faham dan bukan tidur. Ini kerana mereka mengantuk tidak ada benda yang berlaku, kerana apa? Di sini mungkin tidak bergaduh macam Dewan Rakyat. Kenapa jadi begini? Ada sebahagiannya tulis tetapi hari ini kami tidak dapat lihat apakah kesan-kesan, kerana apa? Setiap kali Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun okey, kita akan buat tindakan pegawai-pegawai kita akan beri data-data kemudian kepada Yang Berhormat, sehingga hari ini di mana data? Sebut sahaja data.

Jadi perkara ini saya minta dan cadangkan agar semua kementerian mengemukakan laporan dan jawapan harian daripada semua pegawai-pegawai setiap kementerian yang dihantar kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita boleh melihat rasa bertanggungjawab dan jasa mereka. Mereka datang di sini mereka tulis dan jawab tetapi siapa yang menggantikan mereka. Ini kerana orang tidak tahu apa yang pegawai jawab. Siapa semak dan saya difahamkan ada juga kementerian yang tidak buat *post Cabinet meeting* tentang apa yang berlaku di Parlimen terutamanya di Dewan Negara. Jadi kita bercadang hari ini, 200 cadangan, 400 cadangan tetapi tidak semua dapat tindakan. Mereka tidak buat *meeting* pun selepas pulang, kerana apa? Ini kerana mereka hanya datang untuk jawab bagi memastikan rang undang-undang ini lulus. Sekali kita tentang dan kita kata yang ini kita tidak mahu lulus, semua datang dan masuk. Akan tetapi dalam kes ini, inikah maruah sebuah Parlimen? Kita sudah jauh matang dan sudah 50 tahun.

Saya mohon agar laporan dan jawapan harian ini didokumenkan untuk Arkib Parlimen dan untuk tindakan susulan bagi pegawai lain yang akan datang juga semakin dibuat. Janji Menteri sering dibuat tetapi berapa banyak yang di kota? Saya rasa perkara ini kita boleh lihat. Ini Parlimen, ini bukan mesyuarat. Kita perlu Kabinet. *Hansard* kita telah ada dan sekarang kita hendak lihat juga nota-nota keterangan yang dibuat oleh pegawai-pegawai kementerian bagi memastikan semua boleh ada dan kita boleh lihat kementerian ini berapa banyak teguran yang dibuat, berapa banyak permintaan yang dibuat. Adakah kita boleh buat dan pantau? Kita lihat pegawai bertukar.

Jadi ini menyedihkan dan saya nampak kita tidak menghargai mereka. Jadi dalam konteks ini, saya pohon agar dibuat jawatankuasa khas di bawah kementerian KPI untuk tengok dan pantau begini kerana ini maruah Parlimen. Ini kerana saya tidak mahu perkara ini akan berulang sebagaimana yang telah pun kita sebut sebelum ini.

Kita lihat juga apabila kerajaan menetapkan tarikh PRK dan mesyuarat-mesyuarat penting. Mereka tidak pernah hirau kepada tarikh Dewan Negara. Lama sangatkah kita bersidang? Seminggu! Paling tinggi dua minggu tetapi kita selalu diketepikan. Kerana apa? Tidak mengapa, Dewan Negara. Inilah sikap yang dibuat. Saya pohon agar perkara ini tolonglah ingat Dewan Negara ini sebahagian daripada Parlimen.

Begitu juga saya mahukan apakah KPI untuk memastikan permasalahan isu yang dikemukakan di kedua-dua Dewan. Ini kerana kami difahamkan banyak yang tidak buat secara berkala. Jadi kami mahu tengok juga laporan-laporan mesyuarat supaya kami dapat lihat pelan tindakan yang dibuat berdasarkan kepada perbahasan yang diambil kira dalam melaksanakan apa pun polisi dan akta yang diluluskan di Parlimen. Ini kerana kalau tidak ada perkara seperti begini kita tidak tahu. Bila balik, hari ini seolah-olah kita bercakap hendak habiskan suara sahaja. Sedangkan untuk bercakap kami perlu buat kajian dan *research*. Kita ada pegawai yang buat *research*. Jadi tidak gunalah kami.

Seterusnya, berkaitan dengan Parlimen Belia. Bagaimanakah ia akan diwakili dan aturan mesyuarat yang akan diguna pakai untuk Parlimen Belia yang telah pun disebut oleh pihak kerajaan agar ianya efektif dan adakah ia akan berada di bawah pemantauan Parlimen Malaysia sebagai anak angkat kepada Parlimen. Pemilihan Tuan Yang di-Pertua, isu dan politik yang dibincangkan harus mempunyai nilai dan *wit* dengan izin agar ianya bukan satu lagi projek rakan muda yang dilihat tidak mencapai objektif dan sasaran. Jadi kalau mahu buat, kita buat secara serius. Kita panggil mereka dan pilih mereka berdasarkan kepada isu. Ada Tuan Yang di-pertua, ada nilai, dan ada *Hansard* supaya ini akan menjadi kenyataan.

Berkaitan dengan B.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, bilakah Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) akan diangkat menjadi kolej atau universiti yang akan melahirkan imam-imam sarjana dan juga pemegang-pemegang diploma untuk jawatan imam, bilal mungkin juga siak-siak masjid ataupun AJK bagi mendapatkan kursus sebagai pentadbir masjid yang profesional dan masjid akan dapat dimakmurkan selaras dengan perkembangan semasa. Sudah tiba masanya gaji dan elaun imam yang berkelulusan ijazah ini dibayar mengikut kapasiti beban tugas yang ditanggung dengan bilangan anak qariah dan aktiviti tadbir masjid yang berjaya dibuat oleh imam juga AJK masjid. Kita menyambut baik pilihan raya di sesetengah negeri bagi pembiayaan imam justeru kepentingan imam dalam menguruskan masyarakat.

Berkaitan dengan Unit Perlindungan Saksi (UPS) semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri datang katakan kerajaan bahawa membelanjakan perbelanjaan yang amat minimum untuk UPS kerana banyak agensi berkaitan. Tiba-tiba dalam perbekalan tambahan kerajaan pohon RM4.5 juta untuk UPS. Sekali jawab, minimum tiba-tiba pohon RM4.5 juta. Saya juga mohon jawapan yang *clear* tentang kes ini apakah yang berlaku sebenarnya sebab dua-dua dalam Dewan dalam minggu yang sama.

Saya juga hendak menyarankan dan tadi saya menyahut cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Haji Idris tadi berkenaan dengan masalah halal. Soalan saya cadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahagian MITI, adakah boleh kita jadikan makmal-makmal halal ini diberikan taraf perintis dan diberikan insentif untuk menggalakkan halal. Jawapannya tidak dan hari ini saya menyarankan dan saya memohon kepada pihak kerajaan

agar diberikan taraf perintis dan insentif yang munasabah dalam Akta Penggalakan Pelaburan dalam Bajet 2012 untuk makmal-makmal halal di seluruh negara bagi menyambut usaha mendominasi hab halal di Asia ini.

Berkenaan dengan B.8 - Jabatan Peguam Negara. Saya hendak tahu berapakah tempoh masa yang dijadikan polisi untuk kitaewartakan mana-mana rang undang-undang yang telah diluluskan di Parlimen dan apakah rasional mempercepatkan atau melambatkan sebarang pewartaan. Ini kerana kita lihat hari ini apabila kita luluskan kadang-kadang ada yang lambat dan cepat. Kita tidak tahu apakah alasan-alasan di sebaliknya.

Saya juga ingin tahu perkembangan, minggu lepas kita ada konvensyen Peguam Syarie seluruh Malaysia. Bilakah tarikh akhir yang pihak kerajaan boleh berikan untuk menggubal Akta Peguam Syarie khususnya untuk Wilayah Persekutuan agar ia dapat dimuktamadkan dan penubuhan Majlis Peguam Syarie di Wilayah Persekutuan agar seluruh negara boleh melihat dan memakai akta yang sama dari sudut enakmen-enakmen dan terma-terma dalam enakmen tadi kerana ramainya bilangan peguam syarie, bertambahnya bilangan kes dan tiada keseragaman daripada sudut pentadbiran dan pensijilan, menyukarkan aktiviti perkhidmatan guaman syariah di dalam negara kita.

Saya juga ingin tahu tentang perkembangan e-Syariah dan portal *online* syariah kerana kami difahamkan bahawa untuk perjalanan kesemua portal ini, terminalnya ada di Sabah. Jadi sekiranya berlaku masalah di Sabah seluruh Malaysia akan menghadapi masalah dari segi e-Syariah. Adakah perkara ini benar dan kalau tidak benar di manakah letaknya terminal yang mengontrol kesemua e-Syariah ini?

Kerajaan juga minta perbekalan tambahan untuk *I-CeLLS* sebanyak RM1 juta. Saya hendak tahu di manakah ia akan dibuat? Siapakah sasarannya berbanding dengan institusi biasa kerana Fakulti Undang-undang di seluruh universiti telah banyak. Jadi, apakah keistimewaan yang tidak mampu ditanggung dan dibuat oleh fakulti di universiti dan ILKAP sehingga kita perlukan *I-CeLLS*.

Khusus berkaitan dengan penggubalan undang-undang polisi untuk - dalam dua akta semalam disebut tentang MQA bahawa Maktab Koperasi Malaysia (MKM) akan mengeluarkan diploma dan bila saya tanya tentang adakah ada Majlis *Senate* di sana. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang datang menjawab dia kata ada Majlis *Senate* tetapi dalam akta tadi tidak disebut tentang Majlis *Senate*. Jadi, saya hendak tanya dari segi polisi yang digubal oleh Jabatan Peguam Negara, adakah kita boleh sebagai Ahli Lembaga Pengarah melantik mana-mana orang sebagai Ahli Majlis *Senate* dan adakah perkara ini berbaloi. Kita juga difahamkan bahawa antara polisi negara kita hari ini ialah untuk menjalankan pembekuan kepada penubuhan universiti perubatan baru. Kita difahamkan hari ini ada sebuah universiti namanya Perdana Universiti yang dibuat kerjasama dengan Johns Hopkins University yang tiba-tiba boleh melepasi semua syarat-syarat MQA. Saya hendak tanya perubahan polisi ini siapa sebenarnya yang kontrol?

Berkenaan dengan Kementerian Kewangan - B.11, berapakah jumlah *result* negara yang dimiliki oleh negara dalam bentuk fizikal?

■1730

Kerana kita difahamkan pada tahun 2009, rizab fizikal emas hanya ada 12 tan sahaja dan kita tidak mahu dalam bentuk nilai berdasarkan kepada USD tetapi kita mahu dalam bentuk fizikal emas tersebut. Saya juga nak tanya jawapan daripada sumbangan IPP, kita difahamkan bahawa kerajaan meminta IPP untuk menyumbangkan 1% daripada keuntungan untuk CSR. Jadi, saya cadangkan kepada pihak kerajaan agar meningkatkan sumbangan IPP ini mungkin kepada 5% ataupun kepada 10% berdasarkan kepada keadaan semasa dan saya juga mohon pecahan daripada RM15.9 bilion yang disumbangkan kepada subsidi petroleum, diesel dan LPG yang dinikmati ataupun diberikan secara langsung kepada pihak IPP. Jadi daripada RM15.9 bilion ini berapa yang diberikan *direct* kepada IPP?

Berkenaan dengan B.13 – Kementerian Luar Negeri. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar membuat polisi khas bahasa untuk menggunakan bahasa Malaysia untuk jati diri negara setelah 50 tahun kita merdeka untuk semua delegasi ke luar negara atau rombongan dari luar negara ke negara kita dengan kita menyediakan penterjemah-penterjemah. Khususnya, untuk program-program rasmi melibatkan pemimpin tertinggi negara dengan membentuk jawatankuasa khas di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri bagi kita membawa satu maruah jati diri bahasa, boleh bercakap bahasa Melayu di peringkat antarabangsa dan mereka boleh dengar apa itu bahasa Melayu bila mereka datang ke negara kita. Jadi, ini saya rasa sudah sampai masanya untuk kita berbuat demikian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih dan untuk Kementerian Kerja Raya, B.27. Saya nak tanya kepada pihak kementerian, bilakah tarikh lebuhraya Kuala Lumpur – Gua Musang akan dibuat? Sudah 50 tahun lebih kita merdeka, saya rasa teringin nak tengok lebuhraya dekat Kelantan. Kita dah ada beberapa orang Menteri dari Kelantan. Saya pohon untuk tahu bilakah tarikh akhir kita boleh tengok, Kuala Lumpur-Gua Musang ini kita dapat lihat satu lebuhraya dan saya boleh berhenti untuk berada di R&R yang selesa. Kalau dah ada, siapakah kontraktor kerana aliran trafik dan kemalangan semakin meningkat dan saya doa agar saya sempat melihat lebuhraya ini akan ada dari Kuala Lumpur ke Gua Musang sebagaimana rakan-rakan kami di Pantai Barat kerana saya percaya nilai undi di Kelantan sama dengan nilai undi di Pantai Barat.

Berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan, B.28. Tadi Timbalan Menteri di Kementerian Pengangkutan memberitahu bahawa kapasiti yang ditanggung dan dikendalikan

oleh Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra mendapat ranking yang ketujuh dalam negara, sedangkan lapangan terbang ini tidak mempunyai penumpang-penumpang transit dan juga tidak mengendalikan terminal haji dan ianya mampu sehingga hari ini mengendalikan lebih daripada sejuta penumpang domestik.

Jadi, saya rasa sudah sampai masanya untuk lapangan terbang ini dinaiktarafkan menjadi lapangan terbang antarabangsa kerana kita lihat sasaran untuk penerbangan ASEAN dan Asia terutama China dan Indochina. Adalah amat strategik kalau kita menggunakan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dan juga bagi dijadikan terminal haji dan umrah kerana ramai daripada kalangan penduduk Kelantan dan juga mungkin Selatan Thai yang boleh menggunakan khidmat di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Saya juga ingin tanya kepada pihak Kementerian Pengangkutan, kadar kemalangan makin hari makin teruk. Kadar kemalangan belum turun. Apakah NKRA kerajaan dengan langkah drastik kerana bilangan ini menggerunkan. Empat orang mati, sepuluh orang mati, tiga orang mati, tiap-tiap hari kita dengar orang mati. Saya pohon langkah drastik daripada pihak kementerian. Kalau perlu kita buat macam H1N1, buatlah. Semata-mata nak pastikan bahawa kita akan dapat mengurangkan kadar kemalangan.

Kita lihat hari ini saman ekor dibuat, saman diteruskan tetapi kadar kemalangan tak turun. Jadi kalau tak jadi dengan saman, kena buat cara lainlah dan kita juga difahamkan bahawa AES belum lagi diluluskan tetapi saman ekor diteruskan dengan gambar foto yang dirakamkan oleh AES. Saya nak tanya di sini, di bawah akta dan undang-undang manakah penggunaan AES ini dibenarkan kerana kita lihat daripada segi undang-undang, belum lagi diluluskan.

Untuk Kementerian Pelajaran, B.41 pula, saya nak tanya kepada pihak kerajaan iaitu bila mana kita dah ada *e-Government*, bila pula kita akan ada konsep *e-Learning* ataupun *e-Pembelajaran* di sekolah? Bila nak mula untuk dapatkan *e-Kehadiran*, *e-Rekod*, *e-Report* kerana hari ini banyak program seperti mana Skor A, ibu bapa boleh *direct* pantau anak-anak kerana mereka boleh *direct* dengan *internet*.

Jadi, hari ini saya difahamkan ada sekolah yang mula merancang untuk buat *e-Kehadiran*, *e-Report*, *e-Rekod* tetapi dapat tentangan daripada JPN negeri. Jadi, saya pohon agar ini dibuat tindakan. Pihak kerajaan kena sedar kalau ada sekolah yang mampu, galakkan mereka untuk buat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Okey. Kerana kita faham daripada sudut sumber manusia, dah ramai guru-guru yang pakar komputer yang ada di sekolah.

Berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, B.43. Saya nak tanya kepada pihak kerajaan, adakah kita mempunyai polisi untuk pembinaan rumah dan galakan untuk *extended family*. Jadi, sebelum ini kita ada dua bilik kemudian sekarang jadi tiga bilik sebab satu ibu, satu anak lelaki, satu anak perempuan. Adakah kita boleh cadangkan polisi galakkan untuk orang tambah satu lagi bilik untuk tempatkan ibu dan bapa kerana tanpa kita buat

polisi seperti ini, kita lihat ramai orang yang dah terputus hubungan dengan ibu bapa. Ini akan menyebabkan cucu dengan datuk dah jauh dan kita ingat ini adalah satu perkara yang tidak sihat kepada seluruh masyarakat di seluruh negara.

Berkenaan dengan B.47, apakah alasan dalam pembatalan iklan sehingga kerajaan kena bayar kepada *Utusan* lebih kurang RM8 juta dan kenapakah saya difahamkan DAWAMA berhutang sebanyak RM145 juta. Kenapa DBP gagal? Adakah kerana tiada *political will*, sehingganya gagal badan ini sebagai peneraju bahasa ilmu sedangkan kedai buku lain dan perpustakaan lain seluruh negara makin berkembang. Adakah DBP bercadang untuk membuat *e-Book*, bagi kemudahan melalui internet untuk kita mendapat buku-buku dan sumber ilmiah dalam bahasa Melayu.

Berkenaan dengan B.48 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya mencadangkan untuk diadakan Hari Ibu Bapa, Hari Suami Isteri dan Hari Keluarga kerana kita lihat daripada persidangan di IPU dua tahun lepas, dimaklumkan bahawa kadar penderaan dan kadar penceraian turun secara mendadak di Korea, bilamana mereka membuat Hari Suami Isteri. Saya cadangkan juga hari ini, bukan setakat Hari Suami Isteri, Hari Keluarga walaupun mungkin tidak diberi cuti tetapi ini dijadikan polisi kerajaan untuk menurunkan kadar penceraian dan penderaan yang *significant* sebagai mekanisme untuk menghargai dan menyedari pentingnya jaringan dan hubungan dalam fitrah kemanusiaan.

Saya juga ingin tanya kepada pihak kerajaan, kenapa tiba-tiba Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terpaksa memohon perbekalan tambahan sebanyak RM458 juta untuk warga emas, untuk OKU, untuk orang sakit kronik. Adakah peningkatan mendadak ini dengan sasaran begitu spesifik? Adakah berlaku sebarang pertambahan bilangan penerima yang begitu mendadak kerana kita tak ada bencana alam ataupun pertambahan ibu tunggal kerana ramai yang bercerai atau pertambahan bilangan anak yatim kerana bapa yang mati *accident* ataupun ada wabak yang berlaku sehingga kenaikan jumlah pesakit kronik, warga emas dalam negara kita ini tidak boleh dikira...

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Sedikit sahaja lagi, dalam dua minit. Tidak boleh dikira dan dijangka sebelum ini oleh kementerian dan kita difahamkan tadi jawapan Menteri bahawa hanya terdapat jumlah 120,946 orang yang telah pun menerima wang ini daripada pihak warga emas.

Terakhir, B.62 – Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin tanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, berapakah jumlah IC baru untuk pemegang MyKad kali pertama yang berusia 12 tahun, yang telah diluluskan daripada tahun 2008 sehingga 2011? Berapa banyakkah bilangan penerima MyKad bagi pemohon dewasa yang telah melebihi usia 21 tahun yang layak mengundi bagi setiap negeri untuk tempoh yang sama. Saya ucapkan tahniah kepada enam kementerian

yang tidak mengemukakan perbekalan tambahan kerana kita percaya mereka dapat menjangka perbelanjaan mereka dengan begitu baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow.

5.38 ptg.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Salam hormat, salam bahagia dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, saya melafazkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas dan mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan (2011) 2011. Sejumlah peruntukan, RM54 juta diberikan untuk penyelenggaraan kuarters kerajaan di bawah Kepala B.06. Tidak boleh dinafikan bahawa kebanyakan bangunan kerajaan telah lama dibina dan masa kini dalam keadaan uzur dan kurang selesa. Kerajaan perlu mengadakan perancangan untuk menggantikan kuarters ini. Pegawai-pegawai kerajaan telah berkorban dan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Semua warga pegawai kerajaan perlu diberikan kemudahan dan pembelaan dengan sewajarnya. Sokongan padu dan sikap taat setia pegawai kerajaan kepada pemimpin kerajaan Barisan Nasional amatlah diperlukan. Keprihatinan dan komitmen pemerintah kepada warga pegawai kerajaan akan merapatkan perhubungan dan silaturahim antara kedua-dua pihak. Perhubungan yang kukuh ini sangatlah penting dalam kemajuan, pembangunan dan kemakmuran negara kita.

■1740

Semua lapisan rakyat akan menikmati kebahagiaan, kesejahteraan, keamanan, dan kedamaian negara kita. Sebanyak RM5.6 bilion telah dibelanjakan untuk pembiayaan tuntutan subsidi perdagangan petroleum. Kerajaan perlu mengawal dengan ketat dan berhati-hati supaya subsidi yang diberikan mencapai matlamat dan memberi faedah maksima kepada mereka yang memerlukan. Saya harap bahawa subsidi yang diberikan tidaklah memberi faedah kepada segelintir orang sahaja. Kerajaan mesti membela nasib rakyat jelata dan bukan menjaga kepentingan sekecil kumpulan warga atau syarikat yang ada kaitan hubungan rapat dengan pemimpin pemerintah.

Skim Rumah Pertamaku adalah satu projek kemasyarakatan yang mulia. Projek ini akan merealisasikan impian warga-warga muda untuk memiliki sebuah rumah. Skim Rumah Pertamaku akan memberi peluang kepada pembeli rumah pertama dengan mendapat pinjaman 100% daripada institusi kewangan. Program ini mestilah meringankan beban mereka yang berpendapatan sederhana dan warga-warga kota. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Skim TEKUN amatlah berjaya di masyarakat Melayu. Skim ini adalah untuk membantu pemuda untuk memulakan perniagaan-perniagaan kecil. Saya mohon kepada kerajaan bahawa skim TEKUN ini bolehlah ditawarkan kepada masyarakat kaum Cina dan kaum India. Program

ini perlulah diuruskan oleh Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri, MCA atau MIC. Tanggungjawab yang dipikulkan oleh parti MCA dan parti MIC boleh mencerminkan keberkesanan kedua-dua parti komponen kerajaan Barisan Nasional.

Warga-warga Orang Asli adalah sebahagian rakyat Malaysia. Kerajaan Barisan Nasional yang berjiwa rakyat dan semangat, 'Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan.' Masyarakat Orang Asli perlu dibekalkan dengan peruntukan yang secukupnya dan diberikan perhatian rapi untuk meningkatkan mutu kehidupan, pendidikan, kesihatan dan kebajikan. Janganlah kita meninggalkan dan mengetepikan mereka.

Saya mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada Kementerian Kerja Raya bahawa jalan utama dari Sepang ke Lukut, perlu diperluaskan dan diluruskan dan dibekalkan dengan lampu-lampu jalan. Ini adalah satu permohonan yang saya buat 20 tahun dulu dan pada tahun 1999 peruntukan sejumlah RM88 juta telah diluluskan dan malangnya peruntukan itu ditarik balik dan projek ini digugurkan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlulah memberi peruntukan yang besar untuk menaik taraf kemudahan peralatan, penjagaan dan bangunan rumah-rumah orang tua yang di bawah jagaan kementerian. Janganlah kita lupakan sumbangan warga-warga emas yang telah dalam segi pembangunan dan kemajuan negara kita.

Akhirnya saya mohon Kementerian Pendidikan memberikan peruntukan subsidi untuk Sekolah Menengah Chung Hwa persendirian di seluruh negara. Jumlah bilangan sekolah adalah 62 buah. Sekolah-sekolah ini telah membuktikan dan memainkan peranan yang efektif untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu tanpa mengira warna kulit, agama dan bangsa. Saya mohon peruntukan RM100,000 untuk setiap sekolah setiap tahun. Jumlah peruntukan walaupun bukan jumlah yang besar tetapi ini merupakan penghargaan kerajaan Barisan Nasional kepada Sekolah Menengah Chung Hwa persendirian yang telah menyumbang dalam meningkatkan prestasi pendidikan masyarakat negara kita. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

5.44 ptg.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana turut diberi kesempatan dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011 yang keseluruhannya berjumlah RM13.8 bilion. Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu berhubung dengan tambahan peruntukan sebanyak RM458.7 juta bagi menampung bayaran tambahan peruntukan bayaran bantuan kebajikan.

Dalam Bajet 2011 yang lalu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah memperuntukkan RM49.5 juta untuk program kebajikan kanak-kanak. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sejauh manakah peruntukan tambahan ini dapat memastikan khidmat perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak dapat disediakan dengan cekap dan berkesan.

Berhubung dengan kebajikan kanak-kanak ini saya ingin mencadangkan diwujudkan badan atau agensi pengurusan nafkah kanak-kanak memandangkan banyak kes yang melibatkan nafkah isteri dan kanak-kanak tidak dapat diselesaikan. Bayaran nafkah kepada isteri dan kanak-kanak walaupun telah diputuskan oleh Mahkamah Keluarga, Sivil dan Syariah tetapi penguatkuasaan bayaran nafkah ini kebanyakannya tertanggung.

Saya berpendapat sampai masanya kerajaan menubuhkan agensi ini di bawah KPWKM yang bertanggungjawab khususnya dari segi penguatkuasaan bayaran nafkah ini termasuklah berfungsi sebagai ejen yang mengutip dan membayar nafkah kepada kanak-kanak bagi memastikan anak-anak ini terus terbela dari segi tempat tinggal, makan minum, pendidikan dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, iaitu permohonan tambahan sebanyak RM1.38 bilion termasuk RM5 juta untuk membiayai keperluan perbelanjaan mengurus untuk merancang, membangun dan menguruskan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh tentang sektor bioteknologi yang menyumbangkan lebih 2.2% dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu dan dijangkakan akan mencecah 5% menjelang tahun 2020. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin semasa menghadiri Konvensyen Bio Antarabangsa di Washington DC yang merupakan persidangan atau perjumpaan terbesar industri bioteknologi. Beliau telah menyaksikan empat MOU ditandatangani bagi pembangunan bidang pertanian melalui bioteknologi yang akan memperkukuhkan negara dalam bidang bioteknologi.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah bidang pertanian berteraskan bioteknologi yang akan dimajukan oleh kerajaan khususnya bagi meningkatkan pengeluaran pertanian negara kita supaya akhirnya kita menjadi pengeluar pertanian yang mampu sara diri, dan selain dari itu apakah mekanisme untuk membangunkan R&D dalam bidang bioteknologi khususnya dalam sektor pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.41 Kementerian Pelajaran yang memohon peruntukan tambahan sebanyak RM1.3 bilion termasuk RM95 juta, antaranya untuk perbelanjaan untuk perpustakaan sekolah. Pada masa kini didapati kebanyakan perpustakaan sekolah kurang mempunyai buku, bahan bacaan dan lain-lain prasarana dan kemudahan bagi menarik minat pelajar untuk menjadikan perpustakaan sebagai sumber gedung

ilmu. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan peruntukan yang diberikan kepada setiap perpustakaan sekolah dan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan pengurusan perpustakaan sekolah termasuklah latihan kepada guru pusat sumber ini.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, Bajet 2011 adalah penting sebagai landasan bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi. Perbekalan tambahan sebanyak RM13.18 bilion adalah besar tetapi penting bagi menjayakan pelan transformasi negara untuk muncul sebagai negara maju, berpendapatan tinggi tanpa mengabaikan kesejahteraan rakyat dan meneruskan agenda negara berkeadilan yang telah dilaksanakan sejak dahulu lagi.

Saya juga bersetuju sangat dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Dr. Malasingam dan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus iaitu mesti ada tanda subsidi contohnya di tong gas, di bungkusan-bungkusan beras dan sebagainya. Ini kerana rakyat tidak semua tahu apa yang kerajaan beri subsidi kepada semua baik rakyat di bandar ataupun di kampung sehingga berbilion-bilion ringgit dan mengikut kajian yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kalau diteruskan subsidi sehingga tahun 2020, negara akan menjadi mufliis.

Oleh yang demikian, saya berharap benar supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk adakan tanda label atau apa-apa tanda yang kerajaan berikan subsidi supaya rakyat tahu dan sedar yang kerajaan Barisan Nasional telah lama mengamalkan negara berkeadilan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak beritahu bahawa kita ada tiga orang lagi hendak berbahas. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah dan seterusnya saya minta Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat dan juga Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal dan juga Yang Berhormat Puan Usha Nandhini. Saya harap kita boleh selesaikan selepas ini. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah.

5.52 ptg.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2011.

Anggaran perbelanjaan tambahan berjumlah lebih RM13 bilion yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2011 yang mana saya penuh yakin dan percaya telah dibuat dengan begitu teliti dan penuh berhikmah adalah amat memadai dan perlu diberi kelulusan. Ia untuk membolehkan kementerian-kementerian dan

jabatan-jabatan yang berkaitan meneruskan dasar-dasar kerajaan dengan melaksanakan pelbagai projek dan program pembangunan serta perkhidmatan yang telah dirancang bagi tahun 2011.

Selaras dengan konsep Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', mana-mana projek dan program yang menjurus kepada membela nasib rakyat khususnya rakyat di luar bandar dan di kawasan-kawasan di pedalaman dengan membantu dan menyediakan keperluan-keperluan asas mereka seperti yang diurus oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang mana perbelanjaan tambahannya perlu kelulusan segera.

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kesihatan rakyat, Kementerian Kesihatan memang memerlukan perbelanjaan besar untuk kos operasi perkhidmatan dan lain-lainnya khususnya untuk negeri-negeri yang amat memerlukan seperti di Sarawak. Contohnya, perkhidmatan doktor-doktor pakar bagi jenis-jenis penyakit kronik. Samalah yang berlaku di negeri Sabah seperti yang dimaklumkan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap pada hari kelmarin.

Mengenai pemberian subsidi daripada kerajaan ke atas barangan-barangan keperluan seperti beras, minyak masak, gula, petrol dan lain-lainnya, kementerian-kementerian yang berkaitan harus dari semasa ke semasa menambah bilangan kakitangan mereka selain menambahbaik mutu, kaedah dan kekerapan sistem pemantauan serta kawalan di semua pintu masuk terutama sekali sepanjang sempadan termasuk jalan-jalan tikus. Contohnya sempadan Sarawak dengan Kalimantan yang begitu panjang dan luas kerana sering berlaku penyeludupan keluar barangan-barangan subsidi tersebut. Kita tidak mahu usaha kerajaan Barisan Nasional yang prihatin dalam membantu meringankan bebanan rakyat khususnya yang tinggal di luar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman telah disalah gunakan dan orang asing pula yang menikmatinya.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan supaya memantau syarikat-syarikat, kilang-kilang atau pembuat-pembuat yang membuat ataupun menghasilkan makanan, minuman khususnya terhadap harga-harga produk mereka dan bukan hanya memantau harga bahan-bahan mentah sahaja di pasaran seperti tepung dan gula sahaja.

Saya hendak bagi contoh seperti yang saya sendiri telah dapati di kedai menjual roti di Kuching. Setelah harga tepung dan gula naik, mereka telah menaikkan harga satu buku roti 20 sen padahal harga tepung hanya naik 20 sen. Jadi di itulah kita rasa tidak adil. Jadi kita harap kementerian akan mengambil tindakan segera untuk mengatasi penyelewengan di atas menetapkan harga bahan-bahan keluaran yang dihasilkan daripada bahan mentah yang telah dinaikkan harga.

Untuk menjayakan dasar kerajaan ke arah menyediakan dan meningkatkan bidang pembelajaran yang bermutu tinggi di samping untuk melahirkan generasi yang berilmu dengan mempunyai minda kelas pertama dan tenaga pengajar yang berwibawa serta terlatih, maka wajarlah perbelanjaan tambahan untuk Kementerian Pelajaran diluluskan dengan segera. Seperti yang kita sedia maklum, kerajaan Barisan Nasional semenjak dari selepas merdeka lagi sudah mengamalkan dasar kerajaan berkeadilan. Bukan baru sekarang hendak ambil contoh orang lain dalam mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang berbilang kaum.

Lebih ketara lagi apabila diwujudkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang berperanan merancang, berusaha serta melaksanakan program-program kebajikan untuk rakyat yang juga menitikberatkan golongan wanita. Justeru, pada saya perbelanjaan tambahan yang diperlukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu wajarlah disegerakan.

■1800

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai keputusan Pilihan Raya Negeri Sarawak Kesepuluh yang telah mengembalikan Barisan Nasional untuk berkuasa lagi. Rupanya tsunami yang dihebohkan tidak pula menjadi. Proses pilihan raya tersebut telah berjalan dengan lancar dan selamat. Maka, perbelanjaan kawalan keselamatan untuk Pilihan Raya Negeri Sarawak itu yang berjumlah RM30 juta wajarlah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong rang undang-undang perbelanjaan tambahan tersebut diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

6.01 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana saya diberi peluang turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011.

Jalan-jalan di Kampung Tugu,

Untuk membeli sebilah parang,

Sudah puas saya menunggu,

Hadiah habis dikebas orang.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Tak apa Yang Berhormat, tak apa. Terus, terus.

Dato' Zaitun binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memperuntukkan RM110 juta di bawah Maksud B.06 - Jabatan Perdana Menteri untuk penyelenggaraan Terminal Bersepadu Selatan, pengurusan fasiliti KK, bangunan Sultan Iskandar dan pengurusan fasiliti JB Sentral. Peruntukan ini adalah penting bagi gerbang perdana sebagai pintu masuk dari selatan

Malaysia khususnya pelancong dari Singapura di samping memudahkan pelancong dari Malaysia ke Singapura. Peruntukan ini diharap akan meningkatkan kemudahan infrastruktur dan prasarana bagi menyediakan kemudahan pengangkutan seperti perkhidmatan kereta api, bas dan teksi. Perkhidmatan kereta api Johor Bahru telah ditempatkan di Johor Sentral setelah stesen kereta api Johor Bahru yang lama ditutup setelah beroperasi selama 78 tahun. Saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah peruntukan ini dapat meningkatkan prasarana perkhidmatan pengangkutan awam dan meningkatkan kecekapan kemasukan pelancong Singapura ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Maksud B.27 - Kementerian Kerja Raya berhubung permohonan peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta bagi membaiki infrastruktur jalan Persekutuan yang rosak akibat banjir pada bulan November 2010 hingga Februari 2011. Saya ingin mendapat jumlah kilometer Jalan Persekutuan yang rosak akibat banjir dan setakat ini berapa banyakkah Jalan Persekutuan yang dibaiki khususnya di negeri Pahang. Selain itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerosakan jalan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang rosak akibat banjir. Saya dapati jalan LPT ini didapati selalu rosak bukan sahaja disebabkan banjir. Apakah punca LPT ini selalu rosak? Adakah ia berpunca dari mutu jalan yang dibina? Sejauh manakah kerajaan memantau dari segi mutu jalan di LPT ini bagi memastikan rakyat tidak terus dibebankan dengan kos selenggaraan jalan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) iaitu permohonan tambahan sebanyak RM458.7 juta bagi menampung bantuan kebajikan dari Ogos hingga Disember 2011. Di sini saya ingin meminta kementerian menyatakan perincian jenis bantuan yang akan dikeluarkan bagi peruntukan ini termasuk pembahagian mengikut negeri-negeri. Adakah kementerian bercadang menaikkan kadar pemberian bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat sekarang supaya benar-benar membantu mereka yang berada di bawah garis kemiskinan dan yang ketiganya saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian adakah kementerian bercadang untuk menghidupkan semula Skim Geran 1Azam yang didapati amat membantu usahawan kecil di kampung-kampung. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya teruskan. Semua kita ada dua orang sahaja lagi dan Dato' Mustafa Kamal itu sudah lama juga menunggu agaknya. Puan Usha Nandhini, *I think you are the last to receive your report. So, you be the* penutup. *So, saya teruskan Dato' Mustafa Kamal silakan.*

6.06 ptg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang bagi saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011.

Rang undang-undang ialah untuk memohon tambahan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011. Saya melihat ini satu permohonan tambahan yang cukup besar dengan melibatkan kewangan sebanyak RM13 bilion dan ini melonjakkan perbelanjaan 2010 kepada RM175 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan rang undang-undang ini saya ingin menyentuh dua perkara sahaja. Pertama, ialah berkenaan dengan B.11 iaitu perkhidmatan pemeliharaan dan menyentuh dua perkara iaitu permohonan sebanyak RM56 bilion untuk menampung perbelanjaan tuntutan subsidi petroleum dan keduanya ialah RM150 juta untuk menampung bayaran subsidi bagi pengecualian bil elektrik.

Saya melihat sektor ini menyumbang kepada penambahan perbelanjaan adalah untuk menampung bayaran subsidi barangan petroleum termasuk subsidi gas, diesel, petrol yang berjumlah RM5.6 bilion dan juga RM150 juta untuk subsidi bagi pengecualian bil elektrik bulanan bagi penggunaan RM20 dan ke bawah. Kedua-dua isu ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan rakyat yang cukup terkesan dengan tindakan kerajaan untuk menarik balik subsidi. Kita menerima hakikat bahawa kos bahan mentah semakin meningkat dan negara pastinya terkesan dengan ekonomi global termasuk harga petroleum yang turut meningkat. Perkara asas yang perlu diumumkan kepada kita ialah tentang jumlah gas yang dijual oleh Petronas kepada sektor penjanaan kuasa. Adalah difahamkan harga yang dijual kepada IPP sebelum ini adalah dalam kadar sekitar RM10.90 satu unit gas. Yang Berhormat Menteri dalam menjawab soalan di Dewan Rakyat telah menyatakan bahawa harga yang dijual kepada IPP telah meningkat kepada RM13.79 dan harga di pasaran terbuka pula adalah dalam sekitar RM45.

Dalam dasar rasionalisasi yang diumumkan, saya ingin mencadangkan agar kerajaan melihat semula kepada mekanisme ini yang sebenarnya tidak merupakan satu subsidi yang memberikan keuntungan kepada rakyat. Namun, ianya adalah lebih tepat kepada definisi *loss of income opportunity*, dengan izin, ataupun pendapatan yang dilepaskan oleh Petronas dan diberi subsidi terus kepada IPP. Dalam satu rencana yang ditulis oleh pengarah eksekutif badan pemikir RIPSAs menyebut generasi pertama IPP khususnya YTL telah memungut satu jumlah keuntungan yang cukup besar akibat satu perjanjian yang berat sebelah yang telah dimasukkan satu klausa, *'take or pay'*. dengan izin, di dalam perjanjian tersebut. Ianya lebih menguntungkan IPP. Perjanjian sebegini sudah tentulah tidak memenuhi piawaian antarabangsa yang menuntut supaya perjanjian kontrak mestilah berdasarkan kepada *contract energy capacity*.

■ 1810

Sehubungan dengan itu, saya memohon agar kerajaan mengambil sikap yang lebih terbuka dengan pentadbiran yang lebih telus dengan mengemukakan maklumat kepada rakyat tentang *generation plan* kerana kita ingin tahu apakah yang telah dirancang untuk setiap tahun dan bagaimana pula perancangan ini jika dibandingkan dengan permintaan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua izinkan saya menyentuh sedikit dengan Pembangunan Tambahan Perbelanjaan Kementerian Pertahanan B.60 di bawah Butiran

Pertahanan Maritim dan Logistik. Kementerian Pertahanan telah mengemukakan permohonan tambahan sebanyak RM473 juta mengikut pecahan seperti berikut:

- (i) RM417 juta adalah untuk membiayai kontrak penyelenggaraan *in service support* untuk dua buah kapal selam Scomi TLDM;
- (ii) RM56 juta bayaran pendahuluan sewaan perkhidmatan sistem Submarine Escape Rescue Intervention (SMERI) bagi kapal selam tersebut.

Jumlah peruntukan asal Kementerian Pertahanan melonjak sebanyak 25.5% berbanding dengan tahun 2010. Ikutan peruntukan tambahan kali ini sebanyak RM493 juta, jumlah keseluruhan peruntukan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2011 setakat ini melonjak sebanyak 30%. Pembekalan Tambahan daripada Kementerian Pertahanan untuk maksud di atas telah menimbulkan pelbagai soalan. Kerajaan Malaysia telah menandatangani perolehan dua buah kapal selam pada 5 Jun 2002 bernilai EUR1.114 bilion. Yang Berhormat Menteri Pertahanan ketika itu telah memaklumkan di Dewan Rakyat pada 4 Mei 2008 bahawa kontrak perolehan kapal selam tersebut terbahagi kepada dua bahagian. Satu di antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat DCNS Perancis dan Navantia Sepanyol bagi perolehan dua buah kapal selam Scomi dan latihan untuk warga kapal selam tersebut yang bernilai EUR999.15 juta.

Keduanya di antara Kerajaan Malaysia dengan Perimekar Sdn. Bhd. merangkumi perkhidmatan koordinasi dan sokongan kepada pasukan projek kapal selam yang berjumlah EUR114.96 juta. Yang Berhormat Menteri ketika itu menyatakan bahawa kerajaan tidak mempunyai sebarang rundingan pembelian dengan Perimekar Sdn. Bhd. tetapi beliau menyatakan bahawa Perimekar diberi kontrak menyediakan perkhidmatan sokongan atau *service provider* dan koordinasi untuk tempoh enam tahun. Akan tetapi sekarang ini, Kementerian Pertahanan memohon pula Perbekalan Tambahan bagi kontrak selenggaraan dan sewaan perkhidmatan Sistem SMERI bagi kapal selam yang bernilai RM473 juta.

Saya juga ingin bertanya kenapakah kontrak selenggaraan yang dipohon oleh Kementerian Pertahanan tidak terkandung dalam bajet tahunan pengendalian kapal selam tersebut. Saya dapat simpulkan bahawa kontrak perolehan bagi kapal selam itu tidak diperincikan dengan teliti oleh pasukan *negotiation* dalam proses pembelian tersebut. Akibat daripada proses tersebut, kini kita diselubungi pelbagai masalah. Sudahlah kapal selam tersebut tidak boleh menyelam selama tiga bulan kerana masalah tertentu, sekarang negara pula dibebani dengan kos-kos tambahan daripada kontrak asal ataupun bajet asal perolehan serta penyelenggaraan kapal selam tersebut.

Walaupun Menteri Pertahanan pada ketika itu menyatakan bahawa kerajaan tidak berunding dengan Perimekar tetapi faktanya kontrak *support service provider* adalah di antara Kerajaan Malaysia dan Perimekar Sdn. Bhd. Kapal selam Scomi dibina oleh Syarikat DCMS dari Perancis dan Navantia dari Sepanyol. Kedua-dua syarikat ini merupakan pembina kapal selam

terkenal di Eropah. Malahan segala masalah teknikal harus meminta perkhidmatan dari luar negara kerana Malaysia tidak mempunyai kepakaran tersebut. Oleh itu, selain kos pembelian, Kementerian Pertahanan juga harus menanggung kos perkhidmatan selepas pembelian. Soalan saya, kenapakah kos penyelenggaraan kapal selam tersebut tidak diunjurkan atau dimasukkan dalam bajet tahunan Kementerian Pertahanan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya perkara-perkara yang saya timbulkan di atas mendapat penjelasan. Sekian, terima kasih.

6.15 ptg.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan selaku pembahas yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada peruntukan tambahan di bawah Kementerian Pelajaran pada kali ini adalah untuk menampung pertambahan pembayaran Rancangan Makanan Tambahan. Sesungguhnya makanan yang berkhasiat kita sedar amat penting bagi pelajar untuk memastikan kesihatan mereka berada dalam tahap optimum dan seterusnya penumpuan mereka terhadap pelajaran juga dapat diberikan sepenuhnya. Kita sedar makanan yang berkhasiat bagi pelajar penting untuk mengelak obesiti yang dilihat sekarang ini semakin ramai dialami oleh golongan para pelajar.

Kajian menunjukkan bahawa 15% daripada kanak-kanak berusia 12 tahun hingga 19 tahun mempunyai masalah berlebihan berat badan dan juga kegemukan. Pada masa kini, ramai pelajar kita termasuk mereka yang berada di peringkat sekolah rendah sahaja menghidap penyakit yang sebelum ini hanya dihadapi oleh golongan yang lebih berumur seperti penyakit diabetes. Saya di sini ingin bertanya apakah status penyediaan garis panduan pemakanan sihat di sekolah dan bilakah garis panduan pemakanan sihat ini akan dikeluarkan dan antara lainnya apakah tumpuan yang akan diberikan dalam garis panduan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu berkenaan makanan yang tidak kurang pentingnya dan sehingga kini masih belum dapat kita atasi sepenuhnya adalah berkenaan kebersihan makanan yang disediakan oleh pihak pengendali kantin sekolah dan juga faktor kebersihan kantin sekolah itu sendiri. Sememangnya kita sedar menjadi tugas pegawai kesihatan untuk datang membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa untuk membuat pemantauan kebersihan. Namun pemantauan yang lebih kerap harus dilakukan oleh kakitangan sekolah itu sendiri termasuk oleh pihak guru bagi memastikan tahap kebersihan makanan dan kantin berada pada tahap optimum dan ianya tidak boleh di kompromi bagi memastikan kesihatan anak-anak kita terjamin. Di sini saya turut ingin bertanya adakah kebersihan makanan dan juga persekitaran kantin ini akan menjadi sebahagian daripada garis panduan pemakanan yang akan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada satu lagi isu iaitu berkaitan dengan pendidikan di sekolah-sekolah Tamil. Di sebalik kementerian menyediakan peruntukan bagi sekolah Tamil dari segi penyediaan infrastruktur seperti bangunan dan juga kerusi dan meja, saya ingin memohon penjelasan apakah langkah-langkah kementerian bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan juga pembelajaran di sekolah-sekolah Tamil.

Bagaimanakah Kementerian Pelajaran berhasrat untuk menangani masalah sekolah Tamil yang terpaksa ditempatkan di *shop lot* dengan izin ataupun rumah kedai kerana sekolah-sekolah sebegini yang dipindahkan daripada tempat asal ke tempat baru tetapi kerana tiadanya tapak sekolah yang telah pun disediakan, maka sekolah ini terpaksa ditempatkan di *shop lot* ataupun di rumah kedai. Sudah tentunya ini tidak menyediakan satu *environment* yang kondusif bagi pembelajaran. Di sini sudah pastinya tidak akan ada padang, tidak akan ada kemudahan-kemudahan yang sewajarnya diperlukan oleh setiap sekolah.

Di sini saya ingin menjurus kepada dua buah sekolah, satu ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Salak di Lukut yang sudah pun berada di *shop lot* dan satu lagi adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Bukit Bertam yang akan dipindahkan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya ke isu kelas peralihan. Ramai pelajar daripada kelas peralihan merupakan mereka yang tidak begitu cemerlang dari segi pencapaian akademik dan kita faham ramai daripada mereka menghadapi masalah kefasihan bahasa Melayu dan juga isu-isu *behavior* dengan izin. Saya merasakan seolah-olah sistem kelas peralihan ini tidak dapat menanam semangat yang cukup, tidak dapat menanam motivasi dalaman bagi pembangunan diri dan juga dalam menangani masalah-masalah pelajar kelas peralihan ini.

■1820

Cadangan saya adalah agar sistem kelas peralihan ini kalau boleh kita adakan satu penilaian semula dijalankan supaya *environment* yang lebih kreatif bagi pelajarinya dapat dicapai. Pada masa yang sama, saya turut ingin mencadangkan agar kualiti pengajaran guru-guru yang mengajar kelas-kelas peralihan ini dinilai semula. Ini kerana mereka ini sudah tentunya memerlukan *expert knowledge*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus membina kapasiti guru-guru yang mengajar kelas-kelas peralihan terutamanya mereka yang terpaksa mendidik para pelajar yang lemah dari segi penguasaan bahasa. Saya turut ingin bertanya, apakah program kementerian bagi mengintegrasikan para pelajar kelas peralihan yang datangnya dari sekolah Tamil dan juga sekolah Cina.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya mengundur diri, satu lagi isu yang ingin saya kemukakan di sini adalah isu berkaitan dengan pengenalan penggunaan bahasa Tamil di mesin-mesin ATM di bank-bank. Pada masa ini kita dapat melihat bahawa mesin-mesin ATM menggunakan pelbagai bahasa, tetapi bahasa Tamil tidak digunakan. Saya mohon penjelasan

daripada kementerian dan ingin saya mengatakan di sini bahawa perkara yang mungkin dilihat sebagai kecil, mungkin dilihat sebagai remeh oleh sesetengah pihak merupakan satu perkara yang amat bermakna buat sesebuah masyarakat. Khususnya dalam pengenalan bahasa Tamil di mesin-mesin ATM bank-bank ini akan dapat menaikkan lagi semangat masyarakat India negara yang merupakan warga negara Malaysia dan merupakan masyarakat yang telah turut menyumbang ke arah pembangunan negara dan masih sedang menyumbang ke arah pembangunan negara. Saya mohon penjelasan pihak kementerian berhubung isu ini. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Selesailah sudah agaknya perbincangan dari segi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 2011 dan yang mana didapati seramai 21 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan sekarang ini saya rasa banyak perkara yang telah dibangkitkan. Walau bagaimanapun, saya percaya dan yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh memberi jawapan kalau sekiranya mungkin agaknya sesuatu yang boleh kita pertimbangkan. Silakan Yang Berhormat.

6.22 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada 21 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini sekali gus telah menampakkan kesungguhan dan komitmen yang begitu mendalam setiap Ahli Yang Berhormat yang bukan sahaja mengupas secara umum, tetapi juga menyentuh isu-isu yang spesifik. Bahkan yang disentuh, kalau dikira memang banyak, terlalu panjang. Saya akan cuba menjawabnya dengan sebaik mungkin walaupun saya terpaksa dibantu oleh pegawai-pegawai dari kementerian yang lain kerana maklumat-maklumat khusus mengenai kementerian-kementerian tertentu sudah tentu berada di kalangan mereka.

Banyak juga isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang merupakan isu-isu pokok yang mana telah menarik perbincangan ramai Ahli Yang Berhormat berhubung isu-isu tersebut. Jadi, saya mahu bagi tumpuan kepada isu-isu besar ini dan ia juga merupakan isu-isu dasar supaya kita dapat selesaikan dengan sebaik mungkin.

Pertamanya, peruntukan sebanyak RM13.2 bilion yang diminta ini, ingin saya nyatakan bahawa permintaan ini bukan permintaan kali kedua sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Saya tidak tahulah beliau ingat dua yang mana. Barangkali awal tahun sudah ada, tetapi itu untuk peruntukan tambahan tahun 2010, yang kedua. Ini peruntukan bekalan tambahan tahun 2011 yang pertama. Jadi, kita kena boleh mampu membezakan yang pertama dan yang kedua. Ini tidak luar biasa. Berapa kali kita boleh datang ke Dewan yang mulia ini untuk minta bekalan tambahan? Boleh, lebih daripada sekali pun boleh, dua kali pun boleh.

Ada masa-masa, empat kali. Bahkan ada semasa Yang Berhormat bekas Menteri Kewangan, sahabat Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali itu, sahabat karib beliau, empat kali pun ada. Jadi tidak ada masalah. Kita tidak menimbulkan masalah.

Jadi kalau sekali, dua kali, itu perkara biasa. Ini kerana Perlembagaan memperuntukkan sekiranya terkurang peruntukan ataupun peruntukan belum disediakan, maka boleh melalui saluran rang undang-undang bekalan tambahan untuk memohon. Kalau Yang Berhormat kata sesuai, layak, *alhamdulillah*. Kalau tidak sesuai pun, kita boleh bincang. Akan tetapi, nampaknya saya tidak pernah mengetahui ada mana-mana permintaan Rang Undang-undang Bekalan Tambahan ini ditolak. Hatta yang ini pun, walaupun didebat dengan begitu hebat di Dewan Rakyat, akhirnya telah diluluskan dengan baik sekali. Ini bukan merupakan yang tertinggi.

Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang ada menyatakan tinggi ini, bukan. Kalau dilihat dari segi peratusan asalnya, ada yang 17%. Kita baru 8%. Sebanyak 17% pun ada, 20.8% pun ada berbanding dengan peruntukan asal. Sebanyak 10% ada, 12.8% ada. Jadi tidak terkeluar dari norma-norma kebiasaan. Kita suka buat benda mengikut norma kebiasaan. Kita tidak suka buat yang tidak biasa, yang luar biasa. Itu yang saya hendak sebutkan supaya kita tidak menganggap bahawa ini adalah usaha-usaha yang tidak normal. Jadi saya hendak sebutkan di situ, pengurusan belanjawan ini adalah cukup normal.

Keduanya, peruntukan sejumlah RM13.2 bilion ini yang diminta, sebahagian besarnya iaitu lebih 60% adalah untuk menampung subsidi. Subsidi untuk barangan petroleum, petrol, diesel dan juga gas untuk memasak. Saya hendak menekankan gas untuk memasak yang dibeli oleh pengguna yang bertong-tong itu kerana ia tidak ada kena-mengena langsung dengan IPP.

Tidak ada satu peruntukan yang kita bahaskan hari ini ada kena-mengena dengan IPP. Ini hendak jelaskan kerana Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali pun ada sebut, ada lagi Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan pun ada sebut. Tidak ada kena mengena langsung. Tidak mengapalah, Yang Berhormat hendak sebut, sebutlah. Tidak ada masalah.

Sebenarnya IPP ini pun Yang Berhormat, ramai yang tidak faham. Kalau diizinkan, boleh saya jelaskan sedikit. Saya ini pernah juga jadi Pengerusi TNB. Tahulah bagaimana yang IPP ini yang dikatakan subsidi apa semua, sebenarnya apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Telekomunikasi itu betul. Tidak ada pemberian subsidi kepada IPP. Kalau ada yang menerima subsidi dari segi harga yang dibayar ini adalah lebih murah daripada pasaran ialah TNB. Ini kerana segala pengurusan pembelian minyak, gas, arang batu untuk penjanaan kuasa telah diperuntukkan semua ini kepada TNB. Sebahagian daripada perjanjian. IPP tidak ada kena-mengena. Dia tahu, dihantarnya gas, banyak mana gas dihantar untuk menjana banyak mana *electricity*. Pengurusannya, pembeliannya, harganya semuanya diuruskan oleh TNB. Mengapa demikian? Ini supaya harga *electricity* ini yang dijana tidak melibatkan kos daripada bahan api, kerana apa? Ini kerana kalau kita masuk kos bahan api, ia akan

menyebabkan harga *electricity* ini akan naik yang akan dikenakan kepada pengguna. Pengguna yang kena bayar, itu pertama.

Keduanya, pada masa itu barangkali harga gasnya murah. Tidak ada orang menyangka harga gas yang boleh naik tinggi. Jadi tidak ada isulah, TNB yang uruskan gas. Akan tetapi hari ini berbeza dan kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet akan mengkaji semula. Okey, bagus.

■1830

Baru-baru ini Petronas telah menaikkan harga gas sebanyak RM4 satu unit kalau tidak silap saya yang bezanya tadi daripada RM10 sekarang sudah menjadi RM14. Ia akan sampai kepada RM40 dalam jangka masa yang singkat. Beberapa tahun ini harga gas akan diselaraskan supaya menyamai harga pasaran. Apabila ia naik RM4, TNB kena naikkan harga elektrik. Itu sebabnya harga elektrik baru-baru ini naik. Ini kerana dahulu harga gas tidak dinaikkan maka TNB boleh kekalkan harga elektrik. Sekarang sudah RM4 naik satu unit maka elektrik juga sudah naik di antara 1% hingga 8% bergantung kepada penggunaan.

Cuma kerajaan ini prihatin dan peka. Ia kecualikan yang guna sikit-sikit itu tidak perlulah bayar peningkatan. Bagus. Jadi tidak ada isu. Subsidi IPP ini tidak ada isu langsung. Tidak boleh dipersalahkan. IPP tidak tahu pun sebab tidak ada kena mengena dengannya. Ini kerana ia diuruskan oleh TNB sepenuhnya. Kalau hari ini kita hendak kaji semula termasuklah IPP – bagaimana mereka perlu menanggung kos, bolehlah kita kaji semula. Akan tetapi ia juga akan mengkaji dari segi peningkatan kos elektrik yang dijana oleh IPP. Kita tidak boleh hendak minta satu-satu syarikat menanggung kos yang lebih manakala kita tidak membenarkan ia menaikkan produknya. Ini lumrah perniagaan. Kalau dia tanggung harga input yang lebih tinggi maka harga output pun dia hendaklah lebih.

Jadi saya hendak menyatakan walaupun IPP ini dijadikan satu perkara yang dibahaskan, ia tidak ada kena mengena. Tadi Yang Berhormat mana tanya berapakah daripada RM5.6 bilion ini yang pergi ke IPP. Tidak ada. Tidak ada kena mengena. Sebaliknya yang menyebabkan peningkatan subsidi ini ialah harga minyak dunia. Harga minyak dunia dalam belanjawan bekalan asalnya ialah *benchmark* pada harga 85 dolar satu tong. Hari ini harga minyak sudah melebihi 100 dolar. Jadi sudah tentu subsidiya mestilah kena meningkat. Oleh sebab itulah kita datang ke Dewan yang mulia ini hendak minta tambahan kerana harga minyak ini sudah meningkat. Dahulu kita ingat 85 dolar ini sudah tinggi tetapi sekarang sudah pun melepasi 100 dolar sampai 110 dolar. Itu satu.

Keduanya, harga minyak masak. Subsidiya RM700 juta kita minta di sini. Harga minyak masak juga sudah tinggi. Harga olien hari ini RM3,615 satu metrik tan. Satu metrik tan RM3,615. Harga yang kita sasarkan, *benchmark* harga di mana kita tetapkan subsidi kita bagi selepas harga mengatasi RM1,700 satu tan. Sekarang sudah RM3,615 maka duit subsidi tidak cukup. Kalau kita berhenti subsidi, Yang Berhormat tidak bersetuju. Maka kalau kita hendak teruskan subsidi kita kena tambah bekalan. Akan tetapi dalam jangka masa panjang, inilah yang kerajaan

mahu. Kerajaan hendak kaji semula, hendak lihat penyesuaian, rasionalisasi. Itu kita kena buat dan itu yang akan dibuat.

Satu daripada perkara lain yang menyebabkan kita datang meminta bekalan tambahan ini ialah emolumen. Emolumen ini pelajaran – ini pun Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali pun mempersoalkan mengapa sedikit sangat beri kepada Kementerian Pelajaran – RM1.3 bilion dan kita bayar ini untuk ijazah sahaja atau kita bayar semua. Kita bayar semua untuk ijazah, guru, yang tidak ijazah, semua kita bagi kerana ini keseluruhan. Mengapa kita tidak cukup peruntukan emolumen untuk Kementerian Pelajaran ialah RM21.3 bilion.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Sebab apa? Sebab ramai cikgu, pengetua di seluruh negara. RM21.3 bilion. Sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah banyak tadi isunya. Saya tidak sempat untuk menjawab nanti. Bagi saya peluang dulu ya. Bagi saya menjawab dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Bagi peluang sedikit kepada saya. Untuk Kementerian Kesihatan, emolumennya RM377 juta yang diminta. Emolumen keseluruhan Kementerian Kesihatan ialah RM7 bilion. Ini bermakna Kementerian Pelajaran ini dari segi emolumennya tiga kali ganda daripada Kementerian Kesihatan. Munasabahlah kalau kita tengok di kampung-kampung kita, jumlah cikgu dengan jumlah di klinik-klinik adalah jauh lebih ramai. Mengapa kita tidak cukup? Ini sebab kenaikan pangkat. Kita tidak jangka. Biasanya apabila naik pangkat barulah hendak kena bayar gaji. Jadi tidak diduga atau dijangka. Barangkali bolehlah kalau hendak jangka berapa orang akan naik pangkat supaya kita mengurangkan permintaan bekalan tambahan tetapi amalan yang dibuatnya ia tidak *factor in* dengan izin, peningkatan hasil daripada kenaikan pangkat. Guru cemerlang, jawatan kosong yang diisi, kenaikan pangkat yang apabila sudah cukup sekarang ini kita pun hendak beri rangsangan kepada guru-guru. Jangan ingat sebab politik pula. Kita hendak jaga cikgu-cikgu kita. Kita hendak jaga rakyat - rakyat didahulukan. Jadi kalau bagi itu - politik, bagi ini - pilihan raya, susah kita. Kita buat ini dengan rasa penuh tanggungjawab. Kita bagi. Kalau tidak naik pangkat cikgu ini pun marah juga dia. Dia kata sampai bila hendak naik pangkat.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sekarang ini yang cemerlang, cikgu cemerlang, pengetua cemerlang. Bukannya pengetua yang bekerja cemerlang, pangkat dia, pengetua cemerlang! Dia kena sains surat itu '*Pengetua Cemerlang*'. Kalau dahulu kita kata '*Wah! Cemerlang, cemerlang*'. Bagilah orang kata kita cemerlang, jangan kita kata kita cemerlang tetapi pangkat dia, pengetua cemerlang. Oleh sebab itu ini tidak diambil kira. Itu pun saya sudah meminta dalam Dewan Rakyat apabila saya menjawab soalan-soalan ini, saya kata Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan cuba anggarkan yang *time base promotion* ini dia sudah boleh kira, berapa tahun, berapa persen

daripada yang layak boleh dimasukkan. Jadi dia sudah boleh anggar supaya apabila buat peruntukan asal itu sebahagian dari yang boleh diramalkan itu boleh kita masukkan dan yang tidak boleh ramal itu tidak mengapalah. Kita buat melalui perbekalan tambahan. Itu yang keempatnya.

Kelimanya, ada Yang Berhormat menyentuh mengapa dasar ini sudah diumumkan tetapi sekarang baru hendak minta peruntukan. Macam buat dahulu tetapi duit tidak ada. Ini ada kena mengena dengan cara kita mengendalikan belanjawan kita. Belanjawan kita, kita *start* daripada bulan empat atau lima sehinggalah diumumkan tahun ini *insya-Allah* pada 7 Oktober. Jadi proses berjumpa, konsultasi, kadang-kadang orang hantar memorandum, kadang-kadang kumpulan jumpa PM. Kumpulan muda yang jumpa PM; '*PM, susahnya hendak beli rumah. Masukkanlah peruntukan atau Dasar Rumah Pertamaku*'. Dua hari sebelum diumumkan bajet, PM pun kata '*Okey, masukkan Program Rumah Pertamaku*'. Angka-angka semua sudah *print*. Bajet sudah tidak boleh dibuat tetapi hendak masukkan ini pula, hendak ubah dalam masa dua hari. Tidak boleh. Kita masukkan dan kita umumkan. Kita tahu kita masih mempunyai ruang melalui peruntukan tambahan ataupun ada peruntukan yang tidak dibelanjakan kita boleh guna.

Ini cara kita menguruskan bajet. Jangan ada sesiapa yang menganggap bajet ini sudah siap sebulan sebelum diumumkan dan tidak akan diubah-ubah. Tidak! Ucapan Menteri Kewangan yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini hanya dibuat sampai pukul lima pagi, kadang-kadang masih lagi *diprinting*. PM baca biasanya malam akhir itu bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kewangan. Menteri Kewangan berada sampai pukul satu pagi – *go through word by word* bagi memastikan inilah yang hendak disebut di dalam Dewan yang mulia.

■1840

Kalau ada apa yang tidak cukup lagi, kita hendak bantu rakyat, kalau ada pula yang boleh beri cadangan yang pandai-pandai, yang bijak-bijak, masih dimasukkan kerana ini adalah rakyat didahulukan. Kita hendak buat yang terbaik untuk rakyat. Kalau untuk kita ini Yang Berhormat Senator, tiga bulan sebelum bajet pun sudah okey. Yang Berhormat Senator barangkali, yang kita hendak kalau naik elaun kita sedikit, okeylah kita. Tidak perlulah buat sampai *last minute*. [*Tepuk*] Saya ada dahulu bila disebutkan minta tetapi saya ini tidak ada kuasa hendak beri.

Saya pun Yang Berhormat Senator juga. Kalau dapat, *alhamdulillah*. Tidak dapat pun kita buat kerja macam inilah. Dari pagi sampai petang, jawab soalan tadi tiga, ini Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz kata mana Menteri? Sedih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerja kuat tetapi macam tidak puas hati sahaja kepada kita. [*Ketawa*] Kita pun manusia juga. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ini ada, bagus. Cuma yang tidak datang itu perlu datang, *alhamdulillah*. Garang pula hari ini. Hairan saya. Bagaimana garang? Suami dia orang kampung

saya. Tidak adalah garang macam itu. *[Ketawa][Tepuk]* Marahkan Menteri-menteri. Tidak ada KPI lah, itu yang...

Seterusnya ialah tadi ada Yang Berhormat mengatakan harga barang-barang naik. Memang naik kerana harga barangan dunia naik. Barang dunia, makanan sahaja ada yang naik 30% pada tahun ini sahaja daripada bulan Januari hingga bulan Mei atau bulan Jun tahun ini, naik 30%, 35%. Kita ini sesetengah harga makanan naik, 8% atau 10%. Yang makanan yang tidak naik, ada. Yang kita *control* harga barang-barangnya sebab kita menjaga. Jadi, bukannya salah kita kalau harga barang naik. Harga barang dunia naik dengan lebih banyak. Kita tidak hendak mempersalahkan dunia tetapi ini hakikatnya. Kita berada dalam keadaan dunia yang sedemikian hari ini. Itu yang ketujuhnyanya.

Jadi saya hendak – ini perkara pokok. Saya sebab Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali ini saya hendak beri jawapan kepada dia sebab dia Ketua Pembangkang kita, bukan? Saya hendak beri penghormatan kepada dia, hendak menjawab dia sebab saya pun menjawab Ketua Pembangkang dalam Dewan Rakyat dengan teliti. Kita hormat supaya kita hormat-menghormati antara satu sama lain. Yang Berhormat kata bekalan tambahan dua kali, saya sudah sebut sekali. Defisit semakin teruk. Saya tulis ini. Yang Berhormat kata tidak ada cakap. Saya tulis. Saya dengar. Defisit tidak semakin teruk. Defisit kita tahun ini 5.4%. Defisit tahun lepas ialah 5.6%. Ada Yang Berhormat bertanya bagaimana bekalan tambahan RM13.2 bilion, Yang Berhormat Datuk Akbar. Defisitnya bagaimana? Betullah Yang Berhormat.

Ini disebabkan bukan sahaja belanja meningkat, hasil kita juga meningkat. *Alhamdulillah*, peningkatan belanja kerana kenaikan harga minyak dan *alhamdulillah* negara kita mengeluarkan minyak, mengeksport minyak. Jadi, manakala kita menanggung kesan kenaikan harga minyak, kita juga mendapat hasil yang lebih kerana Petronas dapat minyak banyak, harganya meningkat, hasilnya lebih banyak, cukai yang dibayar pun lebih tinggi kerana pendapatannya lebih tinggi. Dividen yang dia bayar pun lebih tinggi, *insya-Allah*. Kelapa sawit pun naik banyak tadi. Kita juga mendapat hasil yang banyak. Jadi, apabila kita menyelaraskan semua bekalan tambahan, mengambil kira hasil-hasil peningkatan yang akan kita dapati ini maka kita cukup yakin, kita masih lagi dapat mempertahankan defisit pada kadar 5.4%. Jadi, walaupun naik belanja tidak semestinya defisit kita semakin teruk.

IPP saya sudah jelaskan dan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali kata Tan Sri Ani Arope menentang dengan hebatnya. TNB tidak mahu sains PPA. Di Dewan Rakyat pun isu yang sama. Juga dibawakan oleh Ketua Pembangkang. Dia yang berkata Kementerian Kewangan tidak bersetuju. EPU yang meluluskan. Seolah-olah dia selamatlah. Akan tetapi pada hari ini, saya hendak beri *bad news to him*. Yang Berhormat Senator boleh beritahu dialah. Sebenarnya dia tidak bercakap benar. Mengikut rekod kita, apabila kita balik, kita *check* balik betul atau tidak Kementerian Kewangan, Menteri Kementerian Kewangan pada masa itu ialah Ketua Pembangkang.

Pertamanya, keputusan Kabinet ini sepatutnya kolektif. Apabila Kabinet sudah membuat keputusan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalankah, Menteri-menterikah, selagi merupakan ahli pada Kabinet, sepatutnya bertanggungjawab, *collectively*. Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tahulah. Dia *lawyer*. Janganlah pula selepas kita tidak ada dalam kerajaan, kita cuba hendak mengatakan kita yang baik. Kita yang tidak sebahagian daripada keputusan tersebut, *it is not correct. Morally it is not correct*. Itu tidak mengapa. Rekod Kementerian Kewangan, ini pertama kali sebab semasa di Dewan Rakyat, saya tidak ada rekod tersebut. Rekod Kementerian Kewangan, mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Kementerian Kewangan pada masa itu, sahabat baik kawan-kawan kita di sebelah sana telah mengarahkan TNB supaya menandatangani segera perjanjian dengan IPP. Rupa-rupanya dia yang paksa TNB. *[Tepuk]*

Saya ada rekod ini tetapi saya tidak hendak tunjukkan *details* itu. Tidak elok. Akan tetapi kebenaran mesti kita tegakkan. Jadi, janganlah soal banyak sangat sebab kalau soal banyak sangat kita terpaksa jawab. Kalau Yang Berhormat tidak timbulkan ini, mungkin saya tidak perlu menjawab tetapi hendak menuduh bahawa kerajaan – walaupun Tan Sri Ani Arope, Pengerusi TNB pada masa itu tidak bersetuju tetapi kerajaan, kecuali Menteri Kementerian Kewangan pada masa itu. Tidak elok macam itu, Yang Berhormat. Tidak elok orang Melayu Islam macam itu, bukan? Kalau negara lain, biarlah. Akan tetapi negara kita Malaysia ini, tidak elok. Kalau kita bersama-sama terlibat, kita diamlah. Janganlah hendak mempersalahkan orang lain kerana rekod tidak berubah.

Mesyuarat pada 27 Februari 1993, pukul 12.00 tengah hari, bilik gerakan tingkat 15, Perbendaharaan. Pengerusinya Menteri Kementerian Kewangan masa itu, dihadiri oleh Pengerusi Eksekutif TNB pada masa itu, EPU ada, keputusannya TNB diarah untuk menandatangani. Jangan rujuk pada EPU kecuali ada yang penting-penting sangat, yang tidak boleh diselesaikan. Wah! Siapakah yang mengeluarkan arahan itu? Ini kita kata janganlah usik sarang tebuhan. *[Tepuk]* Baru-baru ini di tempat saya ada larian sekolah, dilanggarnya sarang tebuhan. Habis 18 orang pergi ke hospital. *[Ketawa]* Berlari, kanak-kanak berlari. Tidak tahu. Nasib baik tidak ada yang – Yang Berhormat Menteri Wilayah, terima kasih. Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tadi tanya mana Menteri? Dia datang. Dia seolah-olah mendengar. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hendak kena *progress* sedikitlah. Jadi...

Datuk Akbar Ali: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Kementerian Pelajaran. Biar dahulu sebab masa kita... Biar dahulu. Emolumen Kementerian Kesihatan pun saya sudah sebut. Subsidi, ada yang mahu teruskan. Ada yang mahu diberhentikan. Ada juga Yang Berhormat mana kata, "*cukup-cukuplah*." Sahabat saya Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Dia kata orang Kelantan kata, 'bor' lah tetapi banyak yang mengatakan subsidi ini bagus. Cuma kita selaraskan

supaya yang mendapat faedahnya betul-betul *the targetted group*, dengan izin. Sasaran kita itu kena tepat.

■1850

Jangan kita beri subsidi sehingga semua orang boleh, yang orang pakai kereta besar, lagi banyak subsidi. Sebab itu sekarang sudah ada RON95, orang kaya pakai Mercedes besar takkan hendak ambil RON95, ambillah RON97, ada standard sedikit. Ini pakai kereta besar-besar hendak ambil RON95, malulah. Jangan berebut dengan motosikal.

Okey, subsidi pertanian. Ada pula tadi Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan tanya berapa orang yang dapat? Berapakah bilangan petani yang menerima subsidi baja dan insentif peningkatan hasil. Saya sudah pening kepala, manalah saya tahu jumlahnya. Nasib baiklah pegawai bagi. Jumlah petani yang menerima manfaat di bawah subsidi baja padi adalah sebanyak 221,626 orang.

Manakala bilangan petani yang menerima manfaat di bawah insentif peningkatan hasil adalah sebanyak 32,356 orang. Program subsidi harga beras dilaksanakan bagi membolehkan beras ST15 dikeluarkan dan dijual pada harga yang murah iaitu antara RM1.65 sen satu kilogram ke RM1.80 sen satu kilogram. Bagi membantu golongan berpendapatan rendah sebanyak 40,000 metrik tan sebulan beras ST15 diedarkan di Semenanjung dan sekitar 16,000 metrik tan di Sabah dan Sarawak. Ini fakta.

Subsidi elektrik, berapa banyak yang dapat faedah subsidi elektrik yang RM20 ke bawah ini? Sejak diperkenalkan pada Oktober 2008 sehingga akhir 2010, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM353 juta untuk membiayai subsidi ini. Program ini telah memberi manfaat kepada 1,830,868 pengguna sebulan.

Jumlah perbelanjaan secara purata setiap bulan yang ditanggung oleh kerajaan, subsidinya ialah RM13 juta. Jadi RM150 juta itu yang kita bekalkan tambahan ini sebab subsidi ini sepatutnya akhir tahun lepas sudah tidak ada lagi dan yang RM20 ini sebenarnya subsidi itu diberikan sehingga akhir tahun 2010, tetapi sekali lagi apabila akhir-akhir perbincangan bajet, ada pula yang minta. Kasihanlah orang-orang kampung, RM20 pun kena bayarkah? Jadi kerajaan kata, tidak mengapalah, kita sambung lagi setahun. Jadi bajet tidak diperuntukkan pada masa itu. Oleh sebab itu hari ini kita kena tambah. Jadi kalau Yang Berhormat kasihan dekat mereka, janganlah persoal sangat, kasihan. Kita bolehlah bayar RM20 itu tetapi orang kampung susah. Jadi kita bagi mereka, jangan persoalkan. Malu kita kalau soal RM20.

Mengenai LID. Ini pun ramai yang jawab LID. Apa ini RM19 juta buat apa LID ini. Sebenarnya LID ini satu program yang bukan hendak sangat bermesyuarat. Satu program kerjasama antara kita dengan negara-negara Afrika. Saya pun pernah pergi negara kecil, tidak ingat siapa nama Raja dia yang kahwin banyak itu. Swaziland saya pergi. Rajanya berkahwin setiap tahun dia dapat seorang, budaya mereka, untung dia jadi Raja sana. Kalau tidak kahwin, rakyatnya marah kerana tidak mengikuti adat resam mereka.

Akan tetapi tidak mengapa. Ia sebuah negara kecil Swaziland, ia jadi *host*. LID ini kita *host* setahun, negara Afrika *host* setahun. Kalau negara Swaziland pun buat sama juga buat khemah besar, makanan cukup, takkanlah kita RM19 juta hendak berkira sangat. *The good will* cukup penting, kerjasama. Jadi apabila masalah dalam UN, masalah mana kita hendak sokongan negara-negara ini, dia senang sedikit sokong kita. Dia pun memandang Malaysia saya tengok, semasa itu Tun Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri apabila Swaziland, setiap ketua negara datang, jumpa, minta tolong Tun waktu itu Dato' Seri.

Mengharapkan begitu sekali, kasihan. Jadi kita buat di sini, ketua-ketua negara, ketua-ketua kerajaan datang, kita bagi makan sedap-sedap sedikit pun apa salahnya. Kita pun makan sedap juga. Tetamu kita, Raja, presiden, jadi RM19 juta ini kalau dari segi *good will* dua tahun sekali kita buat sebab tahun depan dia buat, saya rasa kalau pemimpin negara sana dengar perbincangan kita ini, malu juga kita. Kita sudah jemput dia, bagi makan dan mempersoalkan. Malu, tidak payahlah tanya. Kalau hendak tanya kapal selam okey, sebab kapal selam ini besar, RM200 juta ini okeylah. RM19 juta LID pun hendak ditanya. Tidak tahulah. Janganlah nampak kita ini, orang Kelantan kata "kelorek" sangat.

Parlimen. Peruntukan Parlimen RM11.305 juta untuk apa? Ini ramai orang sebut dan kita hendak tahu, kita Ahli Parlimen. Kerja-kerja membaik pulih fasa bangunan Parlimen sebanyak RM2.745 juta. Kerja-kerja memperbaiki struktur dalaman dan luaran bumbung *pinnacle* sebanyak RM3.36 juta. Bumbung kita ini kadang-kadang bocor. Kita baikilah ia. Penyelenggaraan permukaan luar bumbung *pinnacle* Dewan Rakyat dan Zon M, saya pun tidak tahu di mana Zon M ini, sebanyak RM500,000, kerja-kerja pemeriksaan pembaikan segera struktur konkrit di bawah permukaan bumbung runcing Dewan Rakyat sebanyak RM4.7 juta. Ini baru yang RM11 juta ini tidak termasuk belanja-belanja yang kita akan... itu termasuk dalam pembangunan. Ini hanya *repair*, buat yang belakang itu supaya Dewan Rakyat, Dewan Negara boleh bersidang di situ sementara kita baiki yang ini dan sama ada Parlimen akan dibuat di tempat lain seperti Putrajaya atau di mana, kerajaan sudah buat keputusan tidak ada sebab ramai yang mempunyai rasa sentimental sangat. Tak hendak berubah tetapi kita akan ubahkannya.

Itu kontraknya belum diberi pun lagi cuma yang satu itu, yang baiki-baiki ini sebab kita hendak segerakan, kita sudah bagi kepada satu kontraktor, kontraktor bumiputera RM11 juta. Jadi soal kontrak lain, saya dimaklumkan akan dibuat melalui tender, boleh masuk semua, yang itu besar sebab hendak baiki tetapi yang sementara, bangunan belakang itu kecil sahaja, *temporary*. Kalau orang main golf kata, *temporary green*, sementara hendak buat *green* yang baik itu. Itu fasal Parlimen. Saya ingat jelas pasal Parlimen.

Kalau hendak tahu syarikat mana, kita telus, mana syarikat yang dapat kontrak yang RM11 juta ini. 'Mahir Juta Bina Sendirian Berhad' kita ambil sebab hendak segerakan, hendak

buat tender, *scoping* semua payah. Ada Yang Berhormat tanya berapa kontraktor-kontraktor lain, bumiputera, bukan bumiputera belum lagi, yang besar belum lagi.

SMART Tunnel. Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Senator yang baru tidak semestinya muda tetapi baru. SMART dibina untuk dua fungsi iaitu utamanya untuk melencongkan air banjir dari Sungai Klang dan Sungai Ampang serta kawasan tadahan. Dari segi operasi banjir sejak beroperasi pada Julai 2007, sebanyak 151 kali air banjir telah dilencong. Bagi tahun 2011 sebanyak 25 kali sistem SMART telah beroperasi dengan baiknya. Sejak beroperasi tidak terdapat sebarang kejadian banjir di pusat bandar raya Kuala Lumpur, di kawasan operasi SMART. Ini menunjukkan bahawa sistem SMART cukup berjaya kalau dikira tidak ada banjir di kawasan terlibat.

■1900

Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali mencadangkan kerajaan supaya menyediakan peruntukan yang lebih kepada APMM untuk menggantikan kapal-kapal yang buruk-buruk. APMM sememangnya sedang merancang untuk menggantikan 15 buah kapal Kelas Sipadan 33 meter yang telah diterima dari TLDM yang telah berusia melebihi 40 tahun dalam RMKe-10. Jadi memang akan dibuat.

Adakah kerajaan menyediakan elaun pelayaran kepada pegawai APMM? Mengenai perkara ini, kerajaan sememangnya menyediakan elaun pelayaran kepada semua pegawai APMM yang dikenali sebagai Elaun Maritim sebanyak RM250. Okeylah itu, pergi laut bukannya hendak beli barang apa sangat. RM250 itu cukuplah.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar minta murid yang menerima rancangan makanan tambahan ini murid-murid yang macam mana. Yang Berhormat kata RMTS. Ini murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga 6 bersekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, pendapatan ibu bapa tidak melebihi RM400 sebulan ataupun per kapita kalau dia anak ramai, RM80. Pada tahun ini, seramai 691,768 murid layak mendapat manfaat daripada program ini dengan anggaran peruntukan sebanyak RM247,485,000.

Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah meminta perincian perbelanjaan Suruhanjaya untuk menyasat kematian Teoh Beng Hock. Perbelanjaan Suruhanjaya untuk menyasat kematian Teoh Beng Hock ialah sebanyak RM842,385.31. Satu sen pun ada. Honorarium ahli Suruhanjaya, perbelanjaan penginapan, perbelanjaan untuk saksi, pembayaran kepada pegawai penyiasatan persendirian, perbelanjaan keurusetiaan. Laporan suruhanjaya untuk menyasat kematian Teoh Beng Hock telah dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 22 Jun 2011. Keputusan untuk membentangkan laporan tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara Yang di-Pertuan Agong.

Skim Rumah Pertamaku tadi pagi saya sudah jawab soalnya. Yang Berhormat Puan Norliza tanya mengenai insentif kepada pemaju. Saya nampak satunya dari segi mudahnya mendapat pinjaman untuk pengguna ini. *Financing*, ini pun perlu. Pemaju dia hendak buat dia

hendak ada *buyers* dia. Kalau 100% *financing* dapat – walaupun insentif ini untuk pembeli, ia juga membantu pemaju. Ada skim-skim ini yang Perdana Menteri telah mengumumkan akan memberi tanah yang mana sesuai sekiranya ada di lokasi-lokasi tertentu ini juga memudahkan.

Perbelanjaan sisa pepejal. Perbelanjaan ini sebenarnya kerana kita hendak melaksanakan akta sisa pepejal ini.

Tuan Ahmad bin Hussin: [*Berjalan masuk ke dalam Dewan*]

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Sila Yang Berhormat, sakit-sakit pun datang. Kita yang segar kalau tidak ada di sini malu. Bertongkat datang. Selamat datang. Ini kalau orang tengok Senator yang macam ini, saya rasa ramai yang sokong naik elaun ini, saya rasa. [*Tepuk*]

Peruntukan RM400 juta yang akan disediakan ini sebenarnya untuk empat bulan kerana akta ini Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat bin Yusop yang bangkitkan ini, akta ini akan dilaksanakan bermula pada 1 September. Jadi selama empat bulan. Ini adalah untuk menampung perbelanjaan PBT yang tidak mampu hendak kutip daripada pengguna, hendak bayar sisa pepejal ini memang tidak mampu. Jadi kerajaan terpaksa menanggung. Ini kerana ada orang tanya, "*Sudah swasta, hendak kena bayar lagi kah kerajaan?*" Kena bayar juga sebab swasta ini biasanya pengguna bayar, tetapi kalau hendak harapkan Majlis Daerah hendak kutip, hendak bayar, susah. Jadi kerajaan tampung dahululah. Dan kualiti perkhidmatan akan ditingkatkan. Ia akan ada KPI. Bukan sahaja untuk perkhidmatan pembersihan am dan juga sisa pepejal tetapi termasuk juga peruntukan ini untuk *revolving fund* sebanyak RM127 juta. *Revolving fund* ini adalah untuk digunakan pembayaran *tipping fill*, loji rawatan terma, tapak pelupusan sisa pepejal dan lain-lain. Jadi ini untuk penjelasan mengapa sisa pepejal.

Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah ada sebut pasal Ops Piramid. Yang Berhormat kecewa penuntut-penuntut tidak berapa macam menghormati. Kita macam inilah Yang Berhormat, kita buat baik, memang ada yang suka, ada yang tidak suka. Akan tetapi kita berpegang kepada rakyat didahulukan. Kita buat jugalah, moga-moga satu hari pintu hati dia terbuka untuk merasa terima kasih dan syukur dengan apa yang dibuat oleh kerajaan. Terlalu banyak kerajaan kita buat. Jadi tidak apa, tidak payah kecewalah Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat pergi *airportnya* nampak macam ada yang bawa bendera.

Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar mencadangkan kepada kerajaan supaya membuka lebih banyak sawah padi. Memang kerajaan sedang mengkaji cadangan pembukaan jelapang padi di Sabah dan Sarawak di samping meningkatkan produktiviti pengeluaran padi di kawasan jelapang padi yang sedia ada. Kerajaan juga akan membangunkan tanah sawah yang terbiar melalui program di bawah NKEA.

Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb minta penjelasan mengenai *Aerospace Malaysia Innovation Centre*, pusat kecemerlangan industri aeroangkasa yang berasaskan keahlian, *membership based*. Ia melibatkan kehadiran syarikat-syarikat gergasi dalam industri aeroangkasa seperti EADS, Airbus dan Rolls-Royce. Pusat ini menjalankan program-program

penyelidikan berasaskan kolaborasi antara industri dan universiti. Pusat ini dijangka dapat meningkatkan industri aeroangkasa Malaysia ke arah yang lebih tinggi, harap-harap bertaraf dunialah, yang dianggarkan bernilai RM24 bilion. Industri seluruh dunia ini RM24 bilion. Jadi kalau kita boleh tingkatkan industri kita di sini dan menarik sebahagian daripada RM24 bilion ini, jadi perbelanjaan yang kita buat ini boleh dikira sebagai berpatutanlah.

Pembayaran kepada imam-imam dapat diselaraskan segera supaya tidak tertunggak. JAKIM sedang berusaha penyelarasan imbuhan imam kepada 14,254 orang Imam di seluruh negara berikutan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana kenaikan... Ini saya hendak sebut Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, yang mana Yang Berhormat kata kita naikkan Pengerusi JKPKP, Imam, guru KAFA, Tok Batin pun kita naik, ini untuk politik sahaja Yang Berhormat tanya. Kalau kita naikkan mereka daripada elaun RM2,000 ke RM4,000, barangkali adalah tujuan-tujuan yang tersirat. Akan tetapi kalau kita naikkan elaun mereka dari RM400 ke RM800, itu hanya meningkatkan mereka atas garis kemiskinan sahaja. Takkan kita tidak boleh tolong orang supaya pendapatan dia ini cukup mengatasi garis kemiskinan? Adakah itu politik? Saya rasa tidak. Tujuan yang lebih mulia ialah mengeluarkan rakan-rakan kita daripada kumpulan kemiskinan. Jadi kita tidak payahlah hendak diinterpretasikan politiklah, pilihan raya. Saya hairan sebab Yang Berhormat ini kawan saya dahulu. Dia profesor berpelajaran tinggi, tetapi fikiran dia sekarang ini cukup sinis. *[Ketawa] I do not know what PKR has done to him.* Dahulu baik betul.

Seorang Ahli: Sejak dahulu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Oh, sejak dahulu kah? Kesianlah Tok Batin, tok-tok penghulu hendak dapat RM800 pun dikatakan sogokan politik.

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya bagi ruang.

■1910

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak patut kata-kata seumpama itu dikeluarkan. Tidak sesuai dengan hemah persidangan itu. Saya tidak menjawab sekarang sebab tidak ada peluang tetapi saya hendak tekankan bahawa banyak jawapan Timbalan Menteri adalah berasaskan persepsi beliau tentang ucapan saya, bukan ucapan sendiri. Jadi, saya harap Timbalan Menteri akan baca dengan teliti apa yang saya ucapkan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih. Saya duduk di sini, saya dengar. Siapa yang kata *economic plundering unit*?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, yang beritahu...

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Siapa yang berkata itu tujuan pilihan raya?

Dr. Syed Husin Ali: Dr. Ani Arope. Saya mengatakan, kalau ini merupakan ini untuk pilihan raya, berilah kepada golongan yang memerlukannya, itu yang saya katakan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Yalah.

Dr. Syed Husin Ali: Jangan misalnya, digunakan hanya untuk pilihan raya. Saya tidak lebih daripada itu yang saya katakan. Sama juga dengan soal IPP tadi, saya hanya timbulkan soal IPP untuk menunjukkan bahawa kita perlu lebih banyak membantu golongan rakyat yang ramai daripada membantu hanya segolongan kroni 14 orang, 15 orang kah, yang mendapat berjuta-juta, berbilion-bilion daripada IPP. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak kata, kalau Yang Berhormat sebut yang '*economic plundering unit*' itu dengan hati yang tulus ikhlas untuk memperingkatkan Dr. Ani Arope yang kononnya menentang IPP tetapi tidak sebut pula Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dahulu yang mengarahkan Dr. Ani Arope. Jadi, ini ini semua...

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya akan *check* surat ini, saya akan *check* surat ini. Sebab saya tidak dapat menjelaskan surat itu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya ada surat itu.

Dr. Syed Husin Ali: Ya?

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya ada surat itu.

Dr. Syed Husin Ali: Saya harap akan ditunjukkan kepada saya.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ini minit daripada Kementerian Kewangan.

Dr. Syed Husin Ali: Saya harap akan ditunjukkan kepada saya sebab saya pun hendak *check* juga. Terima kasih.

Dato' Azian bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, *standing order*.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tidak boleh, sebabnya tidak ada kena mengena dengan jawapan untuk Yang Berhormat.

Dato' Azian bin Osman: Tidak, tadi kerana jawapan Menteri *misleading* di Dewan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tidak ada, saya tidak bagi ruang...

Dato' Azian bin Osman: Saya hendak mencabar Menteri untuk mengeluarkan kenyataan yang sama tentang fakta yang mengatakan bahawa Menteri Kewangan pada tarikh sekian, sekian, pada jam sekian, sekian, mengarahkan Pengerusi Eksekutif...

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Yes.

Dato' Azian bin Osman: Menandatangani IPP. Saya cabar Menteri untuk beri kenyataan tersebut di luar Dewan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya ada kenyataan.

Dato' Azian bin Osman: Dalam Dewan boleh tetapi di luar Dewan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya ada kenyataan. Saya tidak hendak jadi satu amalan untuk saya baca semua surat-surat perjanjian di luar. Saya ini hendak menjawab soalan yang ditunjukkan di dalam Dewan ini. Saya hanya itu sahaja. Saya tidak cagak pun. [*Tepuk*]

Dato' Azian bin Osman: Kita cuma minta jangan berselindung dalam Dewan tetapi memberikan kenyataan di luar Dewan. Ini kerana itu kenyataan fakta berasaskan kepada minit mesyuarat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Yang Berhormat, soalan ini dikemukakan dalam Dewan. Saya tahu peraturan. Apa yang disuarakan dalam Dewan, saya kena jawab dalam Dewan. Yang Berhormat mungkin baru dalam ini tetapi apa-apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan, adalah wajar Menteri atau Timbalan Menteri menjawab dalam Dewan. Menghormati Yang Berhormat pun.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Saya tidak boleh hendak keluar buat jawapan di luar Dewan.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini sudah berkali-kali, soal IPP ini, soal Dr. Ani Arope ini, bukan sahaja Dr. Ani Arope sendiri tetapi yang lain-lain, sudah berkali-kali di luar Dewan dinyatakan. Jadi, patutnya dijawab di luar Dewan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Oh! Saya jawab Yang Berhormat dahulu. Saya jawab Yang Berhormat, Yang Berhormat yang tanya, saya jawablah. Atau Yang Berhormat tanya, saya tidak perlu jawab? Tidak apalah, yang lain-lain saya tidak perlu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebenarnya Yang Berhormat Menteri ada kuasa, tanggungjawab dia untuk menjawab. Nanti kalau tidak dijawab, Ahli-Ahli Yang Berhormat pun marah, selalu macam itu.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kenapa soalan saya tidak dijawab? Kali ini dengan ikhlas Yang Berhormat Menteri menjawab, kita terima. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, cuma kami mengharapkan apa yang dijawab di dalam Dewan, harap diulangi di luar Dewan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Macam ini Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah gunakan kuasa untuk mengawal Dewan ini.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tidak apa, tidak apa, tidak apa, itu tidak apa.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ikut peraturan Dewan, hanya seorang sahaja dibenarkan berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya kawal ya.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Yang Berhormat, tidak apa, kita okey. Saya dengan Yang Berhormat tidak ada apa masalah. Kalau Yang Berhormat hendak, Yang Berhormat minta bekas Menteri Kewangan supaya meminta saya menyatakannya di luar Dewan. *[Tepuk]* Ini kerana dia, ini melibatkan dia, Yang Berhormat tidak boleh minta bagi pihak dia. Minta dia cakap,

boleh tolong jelaskan di luar Dewan, minit mesyuarat, jadi saya sebut pun tidak salah saya. *Morallynya* saya tidak terasa bersalah. Kalau Yang Berhormat bolehlah tanya dia, suruh supaya dia buat, okey, mintakan itu yang terbaik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri teruskan jawapan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya, okey ini Pengerusi JKPP, dia punya tugas-tugas, banyak tugas-tugas. Yang Berhormat pun kata, sudah bagi elaun lebih. Bertanggungjawab kepada penghulu dan pentadbiran daerah, pejabat pembangunan jajahan, residen, mempengerusikan mesyuarat JKPP, panjanglah Yang Berhormat. Saya hendak baca pun, nanti saya bagilah ini kepada Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Dia ada banyak, dia ada biro pula ini, Biro Keselamatan, Biro Ekonomi, Biro Pendidikan dan Pembangunan, Sosial dan Kebudayaan. Jadi, saya tidak payah bacalah, saya bagi kepada Yang Berhormat sebab kita hendak jimatkan masa sedikit.

Dari segi penerima kebajikan, yang banyak ini, peruntukan kebajikan meningkat ini. Ini kerana penerimanya ialah sebanyak 438,429 orang. Daripada sejumlah 458,000,000 yang dipohon, pecahan perincian mengikut skim bantuan yang diperlukan adalah seperti berikut:-

Jenis Skim	Peruntukan (RM juta)
Bantuan Keluarga Miskin	70.5
Bantuan Orang Kurang Upaya	141
Bantuan Warga Emas	223
Bantuan Am	18
Bantuan lain-lain seperti bencana alam	4.7

Ini kebajikan sebab ada yang bertanya kebajikan ini mengapa beratus-ratus juga ini. Kapal selam kita sudah jawab. SUBUR, kedudukan SUBUR. Pelaksanaan Program SUBUR telah ditangguhkan bagi membolehkan pengemaskinian senarai penerima dan mekanisme pelaksanaan ditambah baik. Penetapan mekanisme penting dalam usaha memastikan agihan beras di bawah Program SUBUR akan sampai sepenuhnya kepada golongan sasaran. Untuk tujuan ini akan dibawa semula kepada Mesyuarat Kabinet.

Sama ada hendak *labor subsidy*. Ramai Yang Berhormat cakap subsidi berapa banyak yang ditanggung oleh kerajaan. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tidak setuju. Dia kata banyak sangat pula hendak *labor*, jadi kerajaan akan mengkajilah sama ada sesuai atau tidak. Tengok, saya pun ambil perhatian Yang Berhormat, bangkangan Yang Berhormat pun saya ambil perhatian. *I'm a fair man*.

Dr. Syed Husin Ali: Ya, perkara yang kecil, yang remeh, sila ambil perhatian. Terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah, Terminal Selatan berjalan. Yang Berhormat kata macam tidak ada orang. Terminal Selatan, mengikut maklumat yang saya dapat ini, sehingga kini terdapat 56 buah kedai dan kini telah 70% disewakan. Terdapat *kiosk* sebanyak 40 buah dan *kiosk* ini diuruskan oleh DBKL. Sehingga kini, semua operator bas, 36 syarikat yang laluan di selatan telah beroperasi sepenuhnya 1 Mac 2011. Jangkaan hasil yang akan diterima daripada penyewaan komersial dan lain-lain, RM4.56 juta setahun. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tanya dari segi *break even* ini, ini projek sosial, projek infrastruktur. Jadi, kita tidak boleh hendak ada sangat *break even point*. Yang Berhormat ini dia *banker*, dia memang macam itulah. Akan tetapi nampaknya berjalan baik.

Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Kesihatan bercadang menambah bilangan hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar. Sekurang-kurangnya dengan 10 kepakaran dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebab kata ada hospital daerah tidak ada pakar. Jadi, ada 10 pakar itu sekurang-kurangnya. Sekolah berprestasi tinggi. Datuk Hajah Fatimah binti Hamat. Jumlah peruntukan keseluruhan sekolah berprestasi tinggi adalah sebanyak RM20 juta.

■ 1920

Ini memperkenalkan SBT untuk mengangkat tahap kualiti pendidikan negara ke tahap yang paling tinggi sehingga dapat dibandingkan dengan sekolah-sekolah antarabangsa. Jadi, memang SBT ini belanjanya pun ada.

Peruntukan tahun 2011 telah diberikan secara keseluruhannya termasuk kapal selam. Namun begitu, peruntukan yang diberi bagi menampung kos selenggaraan kapal selam tidak mencukupi. Sehubungan dengan itu peruntukan tambahan perlu diberi. Kapal selam ini *maintenancenya* itu perlu dijaga dan penting. Kita beli kereta Proton Saga pun kita kena *maintain*, apatah lagi kapal selam. Jadi, memang belanja besar dianggarkan untuk dua buah kapal selam itu RM200 juta setahun. Dua tahun RM400 juta. Jadi, ia ada kontrak penyelenggaraan ini sebanyak enam tahun. Yang membuat kapal selam itu kena selenggarakan jikalau tidak nanti orang lain pula selenggara nanti rosak kapal selam kita. Jadi, itu sudah ada dalam bajet cuma tidak cukup kita tambah sedikit.

Yang Berhormat Mumtaz dia tidak ada, ada soalnya banyak nanti saya beri kepadanya. Jadi, yang *detail-detail* ini saya rasa akan hendak beri kepada Yang Berhormat. Saya pun rasa sudah hampir pukul 7.30 malam. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali saya minta maaf kalau ada terasa hati. Cuma saya cuba menjalankan tugas saya. Yang Berhormat pun sebagai Ketua Pembangkang jalankan tugas Yang Berhormat. Jadi, saya minta maaf sebab saya tidak ada niat untuk memperkecilkan hati Yang Berhormat. Jadi, itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi bahagian tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT SUKAN NEGARA 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.24 mlm.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Ya, Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Institut Sukan Negara 2011 yang bertujuan untuk menubuhkan suatu perbadanan berkanun dengan nama Institut Sukan Negara untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Institut Sukan Negara untuk menyatakan fungsi dan kuasa institut dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menubuhkan sebuah institut sukan telah dibangkitkan seawal tahun 1972 oleh Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara. Seterusnya, lembaga tersebut pada 21 Julai 1983 bersetuju supaya institut

menjalankan aktiviti penyelidikan dan sains sukan serta mengumpul dan menyebarkan bahan-bahan maklumat yang berkaitan dengan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian penyelidikan telah ditubuhkan dalam organisasi Majlis Sukan Negara pada tahun 1984 yang mengandungi unit penyelidikan, unit perubatan sukan dan bahagian ini merupakan permulaan aktiviti institut secara rasmi. Dalam tahun yang sama, bantuan kepakaran telah diperolehi daripada Kerajaan Republik Persekutuan Jerman untuk menjalankan kajian terhadap keperluan pembangunan sebuah institut sukan kebangsaan.

Laporan yang dihasilkan menyatakan dengan tegas pentingnya sebuah institut sukan kebangsaan dibangunkan di negara ini. Pihak berkuasa Wilayah Persekutuan pula pada ketika itu memulakan proses pengambilan tanah yang melibatkan kawasan seluas 200 ekar di Bukit Jalil, Sungai Besi bagi tujuan menempatkan institut ini.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara telah mencadangkan institut dibangunkan melalui Institut Majlis Sukan Negara di peringkat awalnya. Bahagian Sains Sukan ditubuhkan di dalam organisasi MSN bagi menjalankan tugas yang bakal disandang oleh institut iaitu Institut Sukan Negara. Bahagian ini mengandungi unit kecederaan sukan, unit sains sukan dan unit gimnasium di samping cawangan penyelidikan am.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang disediakan menerusi bahagian Sains Sukan tertumpu kepada atlet-atlet kebangsaan dalam sukan yang diklasifikasikan sebagai sukan berprestasi tinggi sahaja. Ini adalah ekoran daripada bilangan peralatan dan pakar dalam bidang sains sukan serta perubatan sukan yang terhad pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994, organisasi MSN telah disusun semula dan bahagian Sains Sukan telah dinamakan sebagai bahagian Institut Sukan Negara. Pada bulan April 1996, bahagian Institut Sukan Negara dipindahkan ke kompleks pejabat dan makmal yang baru di Bukit Jalil. Semenjak itu, perkhidmatan yang disediakan oleh institut telah diperluaskan sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi sukan dan kini meliputi perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut;

- (i) Perkhidmatan sukan iaitu kemudahan rawatan dan penyiasatan kecederaan dan penyakit berkaitan sukan;
- (ii) pemulihan perubatan sukan iaitu kemudahan rawatan fisioterapi dan pemulihan *muscular skeletal* khususnya;
- (iii) psikologi sukan iaitu kemudahan latihan dan kemahiran psikologi bagi mengoptimumkan prestasi atlet sebelum, semasa dan selepas latihan serta pertandingan;
- (iv) penyelidikan dan inovasi sukan iaitu perancangan dan pelaksanaan kajian-kajian dalam pelbagai bidang sains sukan dan perubatan sukan termasuk usaha pembangunan inovasi dalam sukan di samping penyediaan dan penyelenggaraan standard dalam sukan;

- (v) fisiologi senam iaitu kemudahan pengujian prestasi atlet di lapangan dan juga di makmal;
- (vi) Suaian fizikal iaitu kemudahan latihan fizikal menggunakan kaedah saintifik di gimnasium dan di lapangan bagi mengoptimumkan prestasi fizikal atlet;
- (vii) pemakanan sukan iaitu amalan pemakanan yang diperlukan untuk prestasi optimum dalam sukan;
- (viii) bio mekanik sukan iaitu kemudahan pengukuran dan pengujian pergerakan serta daya gerakan seseorang atlet secara saintifik;

■1930

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa amat mencemburui kita ya. Yang Berhormat boleh menyambung huraian ucapan Yang Berhormat pada esok hari.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan usul penangguhan.

USUL**MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 13(2)**

7.30 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), Usul Menangguhkan Mesyuarat sebagaimana yang dijadualkan pada hari ini hendaklah disusun semula dengan mendahulukan ucapan penangguhan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dan diikuti ucapan penangguhan oleh Yang Berhormat Senator Dr. S. Ramakrisnan”.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D’Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 15(3)****7.31 mlm.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D’Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Perbelanjaan Hasil Petronas**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Saya maklumkan lebih awal, Yang Berhormat dibenarkan membaca teks ucapan tidak lebih dari tujuh setengah minit ya.

7.32 mlm.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada teks yang sudah dipinda oleh Setiausaha Parlimen dan saya akan baca sepenuhnya. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, petroleum merupakan sumber kekayaan penting yang menyumbang besar kepada pendapatan negara. Semenjak penubuhan Petronas pada tahun 1974 sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007, badan ini telah mencatat keuntungan sebanyak RM560 bilion. Daripada jumlah ini, Petronas membayar kepada kerajaan Malaysia sebanyak RM357.8 bilion atau 62.8% dalam bentuk cukai, royalti, duti eksport dan dividen.

Selebihnya sebanyak RM170.8 bilion atau 30% digunakan untuk pelaburan semula manakala RM41.4 bilion atau 7.2 % merupakan peruntukan bagi pemegang saham minoriti. Baru-baru ini Petronas mengumumkan mendapat keuntungan hampir RM100 bilion dalam setahun yang terakhir dan telah menyerahkan kira-kira RM30 bilion kepada kerajaan. Jumlah ini besar oleh kerana kenaikan harga petroleum di pasaran dunia yang turut memberikan keuntungan lumayan kepada Petronas. Saya ingin menimbulkan beberapa perkara terutama sekali daripada wang yang telah diserahkan kepada atau diperoleh kerajaan daripada Petronas ini.

Saya harap soalan ini yang dikemukakan dapat dijawab dengan sepenuhnya. Pertama, segala hal ehwal yang berkaitan Petronas adalah di bawah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya kira Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja yang mula-mula mengetahui misalnya mengenai jumlah perbelanjaan sebenar setiap tahun yang digunakan daripada wang Petronas dan untuk apa ia dibelanjakan. Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa tahun lalu jumlah yang dibelanjakan oleh Mantan Perdana Menteri selepasnya iaitu Yang Berhormat Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dalam masa kira-kira lima tahun memerintah adalah jauh lebih besar daripada jumlah yang beliau sendiri belanjakan dalam tempoh lebih 22 tahun beliau berkuasa.

Saya ingin tahu, berapakah jumlah wang Petronas yang telah dibelanjakan oleh tiap-tiap seorang daripada lima Perdana Menteri berikut iaitu:

- (i) Yang Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Haji Dato' Hussein;
- (ii) Yang Berhormat Tun Hussein bin Dato' Onn;
- (iii) Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad;
- (iv) Yang Berhormat Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi; dan
- (v) Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Kedua, saya kira wang Petronas yang diserahkan kepada kerajaan itu tentulah dibelanjakan untuk pelbagai rancangan dan tujuan. Saya mengetahui tentang sumbangannya kepada penubuhan Universiti Teknologi Petronas, Grand Prix Petronas F1 dan pasukan F1 Sauber BMW Petronas, Galeri Petronas dan Kumpulan Seni Persembahan Petronas. Saya sebenarnya ingin mendapatkan maklumat terperinci daripada jumlah perbelanjaan bagi setiap projek itu. Akan tetapi, buat setakat ini saya cuma ingin jumlah perbelanjaan bagi setiap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tersebut tadi untuk dua jenis perkara iaitu:

- (i) nama dan belanja projek-projek mega yang dilaksanakan; dan
- (ii) belanja untuk mendirikan Philharmonic Orchestra termasuk belanja untuk pemain muziknya dengan menyebutkan bilangan pemuzik asing dan jumlah yang dibayar sebagai gaji mereka setiap tahun.

Berkaitan jenis perbelanjaan atau pembayaran ini, mengikut penyata tahunan bagi tahun 2010, Petronas telah menanggung subsidi berhubung bekalan gas sebanyak RM18.9 bilion. Sejak harga ditentukan *regulator price* berkuat kuasa pada bulan Mei 1997, Petronas menanggung subsidi bertimbun tambah sebanyak RM116.4 bilion untuk subsidi gas. Sila terangkan siapa dan dari golongan manakah yang mendapat faedah daripada subsidi ini.

Ketiga, sehubungan dengan perkara kedua di atas, saya ingin mengetahui sejauh manakah projek mega menguntungkan rakyat kebanyakan. Secara umum, saya mengetahui projek-projek mega itu telah memberi untung dan faedah besar kepada badan-badan korporat dan kontraktor-kontraktor kroni serta keluarga pemimpin-pemimpin berkuasa dalam kerajaan.

Lebih penting lagi, berapa banyakkah daripada wang Petronas ini dibelanjakan secara khusus oleh tiap-tiap Perdana Menteri yang tersebut di atas untuk kebajikan dan keuntungan golongan miskin dan yang berpendapatan rendah.

Petroleum merupakan anugerah Allah SWT kepada negara ini. Saya berpendapat sumber itu seharusnya digunakan terutama sekali untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan bawahan yang miskin atau berpendapatan rendah daripada digunakan untuk menambahkan kekayaan segelintir daripada golongan atasan yang sudah sememangnya kaya. Apakah hasil daripada pendapatan ini digunakan untuk membasmi kemiskinan? Jika ada berapakah jumlah wang yang digunakan untuk menghapuskan kemiskinan terutama sekali kemiskinan tegar.

Berapakah jumlah jika ada yang dibelanjakan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pendidikan rakyat miskin khususnya yang berada di kawasan desa. Berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk menyediakan kemudahan sosial yang penting seperti perumahan kos rendah bagi golongan bawahan dan kesempitan hidup.

Keempat, terakhirnya hasil petroleum ini merupakan hasil yang akhirnya akan lupus. Ada pendapat yang menyatakan bahawa dalam 10 tahun, 15 tahun lagi jika ada sumber yang baru hasil petroleum dalam negara ini akan habis. Menimbang hal ini, Dato' Sri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan ketika itu telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara pada tahun 1988. Tujuannya untuk memastikan ada simpanan untuk faedah generasi yang akan datang dalam keadaan keluaran negara yang menyusut. Saya ingin mengetahui berapakah jumlah simpanan tertinggi yang pernah dicapai oleh kumpulan wang ini. Saya mendapat tahu bahawa sebahagian besar jumlah simpan ini sudah pun digunakan. Oleh siapa dan untuk siapa? Berapakah jumlah bakinya sekarang? Adakah usaha untuk menghidupkan atau mengaktifkan semula kumpulan wang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.39 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Petronas terletak di bawah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hasil daripada Petronas tidak ditadbir oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara eksklusif. Sumbangan royalti, cukai dan dividen daripada Petronas pada setiap tahun dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan iaitu di bawah Kumpulan Wang Disatukan mengikut Akta Acara Kewangan 1957. Akaun Hasil Disatukan tersebut turut menerima hasil daripada cukai-cukai lain dan terimaan bukan cukai.

Dari segi perbelanjaan, akaun ini menjadi sumber bagi perbelanjaan bekalan iaitu antara lainnya emolumen, pemilikan harta modal serta perkhidmatan dan bekalan perbelanjaan tanggungan iaitu antaranya *pension*, pampasan, hutang negara dan perbelanjaan pembangunan.

■1940

Dalam konteks ini Petronas telah menyumbangkan sejumlah RM594.6 bilion kepada Kerajaan Pusat sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1974 sehingga tahun kewangannya berakhir pada 31hb Mac 2011. Ini merupakan lebih kurang 27% daripada keseluruhan hasil yang diterima kerajaan sepanjang tempoh 1974 sehingga tahun 2010. Saya ingin menekankan bahawa kerajaan tidak menetapkan hasil daripada mana-mana sumber untuk membiayai mana-mana projek tertentu. Sebaliknya kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri terdahulu sehingga kini telah menguruskan belanjawan negara secara berhemah daripada hasil yang diterima dengan mengambil kira keperluan dan keutamaan sosial ekonomi negara.

Pada setiap tahun belanjawan kerajaan di sedia dan di laksana dengan perancangan yang teliti serta di bentang, dibahas dan di lulus oleh Dewan Rakyat dan juga Dewan yang mulia ini. Jadi tidak timbul isu mengenai wang Petronas digunakan oleh Perdana Menteri tertentu bagi melaksanakan projek mega tertentu. Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat mengenai Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO) dibangunkan oleh Petronas. Ianya adalah selaras dengan hasrat dan pendekatan pembangunan secara holistik Petronas dengan menggabungkan pembangunan perniagaan bersama sains, teknologi dan juga kesenian.

Sejak beroperasi pada tahun 1998, MPO telah berjaya mencatat nama dan diperakui peminat-peminat serta ahli-ahli muzik klasikal seluruh dunia sekali gus mengharumkan nama negara sambil membantu menarik ramai pelancong asing ke negara ini. Seperti mana kumpulan orkestra simfoni bertaraf antarabangsa yang lain ahli-ahli muzik Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO) terdiri daripada gabungan ahli muzik tempatan dan luar negara yang dipilih melalui uji bakat yang dijalankan di serata dunia. MPO ini mempunyai 86 pemuzik profesional bertaraf antarabangsa yang mana enam daripadanya adalah rakyat Malaysia.

Untuk memastikan MPO setaraf dengan Orkestra Simfoni Antarabangsa yang lain insentif seperti gaji yang kompetitif perlu ditawarkan bagi menarik para pemuzik profesional menganggotai MPO. Gaji ini adalah mengikut dasar pasaran antarabangsa dan setanding dengan orkestra-orkestra di seluruh dunia seperti *Singapore Symphony Orchestra*, *Hong Kong Sermonic Orchestra* dan *Japan Sermonic Orchestra* yang turut diwakili oleh para pemuzik profesional dari serata dunia. Secara purata pemuzik profesional ini dibayar sebanyak RM17,000.

Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai subsidi ditanggung Petronas sehingga 31 Mac tahun ini subsidi bagi bekalan gas asli berjumlah RM133.1 bilion. Berhubung golongan yang mendapat faedah daripada subsidi gas suka saya nyatakan bahawa gas yang dijual oleh Petronas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik telah memberikan manfaat kepada semua termasuk sektor industri dan rakyat khususnya bagi rakyat. Manfaat yang dinikmati adalah dalam bentuk tarif elektrik yang murah.

Kita sedia maklum bahawa kos bahan api merupakan salah satu daripada komponen utama dalam penetapan tarif elektrik. Ia adalah komponen *pass through* dengan izin di mana

sebarang kenaikan harga bahan api yang digunakan untuk penjanaan akan memberikan kesan kenaikan tarif kepada pengguna. Dalam hal ini rakyat dapat menggunakan elektrik pada tarif yang jauh lebih rendah daripada sepatutnya. Bagi sektor industri pula harga gas di dalam pasaran telah menurunkan kos pengeluaran mereka dan menjadikan produk dihasilkan adalah kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi dan juga pembasmian kemiskinan menjadi agenda utama kerajaan dalam belanjawan tahunannya sejak dahulu lagi. Secara amnya perkhidmatan sosial di bawah kedua-dua perbelanjaan pembangunan dan juga mengurus yang dilaksanakan pada setiap tahun merangkumi pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan lain-lain termasuklah agenda pembasmian kemiskinan. Daripada tahun 1970 sehingga tahun 2010, perbelanjaan bagi perkhidmatan sosial merupakan 34.6% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus dan 32.8% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan kerajaan.

Petronas juga turut membuat caruman kepada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang telah ditubuhkan pada tahun 1988 di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dengan tujuan memastikan sumber asli negara digunakan secara optimum bagi faedah generasi akan datang dan menyumbang secara stabil dan berterusan kepada kerajaan dan juga negara. Akta ini menetapkan bahawa pengurusan dan pentadbiran hal ehwal KWAN dipertanggungjawabkan ke atas Bank Negara Malaysia bagi memastikan dana Kumpulan Wang Amanah Negara dilaburkan dengan bijaksana. Operasi kumpulan wang ini diselia oleh panel Kumpulan Wang Amanah Negara.

Berdasarkan akaun tahunan Kumpulan Wang Amanah Negara yang telah diaudit setakat 31 hari bulan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ringkaskan sedikit jawapannya. Masa tidak mengizinkan. Ada seorang lagi Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Ini jawapan *last* ini. Saya faham, terima kasih. Ada satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Diaudit setakat 31 Disember 2010, jumlah sumbangan Petronas kepada KWAN adalah sebanyak RM2.5 bilion. Saiz aset dana selepas mengambil kira jumlah yang telah ditolak dari dana bagi membiayai projek KWAN telah meningkat kepada RM4.935 bilion. Dana ini aktif dan ia dilaburkan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Selepas tahunan kewangan berakhir 31 Disember 2010 Petronas juga telah membuat sumbangan sebanyak RM500 juta dan berikutan itu saiz dana kini berjumlah RM5.435 bilion. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Penjelasan SPAD Berkenaan LPKP

7.49 mlm.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SPAD telah ambil alih tugas Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) menunjukkan bahawa LPKP tidak mampu untuk mengurus, mengatur dan menguatkuasakan industri pengangkutan perdagangan dan awam. Apa yang amat memeranjatkan adalah laporan akhbar bahawa apabila wakil-wakil SPAD yang membuat lawatan ke pejabat LPKP pada bulan Januari iaitu selepas mengambil alih tanggungjawab bagi pengangkutan awam darat di Semenanjung Malaysia mendapat fail-fail berselerak di atas lantai dan sistem maklumat tidak diuruskan dengan baik.

Disebabkan itu SPAD mengarahkan semua pengusaha kenderaan perdagangan untuk melakukan pendaftaran semula secara besar-besaran. Bolehkah SPAD jelaskan tujuan pelaksanaan pendaftaran semula. Walaupun ini satu kerja duplikasi namun begitu orang awam dan syarikat-syarikat yang terlibat perlu faham bahawa dengan mengambil bahagian dalam pelaksanaan pendaftaran semula mereka menyumbang kepada pembentukan sektor pengangkutan perdagangan dan awam yang lebih teratur dan cekap.

■1950

Bagaimana pula dengan masalah yang melibatkan Jabatan Keretapi, satu lagi organisasi di bawah SPAD. KTM sudah berhutang sebanyak RM1.45 bilion, satu organisasi yang mempunyai *land bank* begitu bernilai tetapi tidak diurus dengan tulus dan cekap, banyak berlaku gangguan perkhidmatan KTM, keselamatan penumpang dan kereta api tergelincir daripada landasan sehingga mengganggu perkhidmatan kereta api. Sistem beratur telah dilakukan pada tahun lepas dengan kos RM80 juta tetapi pengguna masih terburu-buru untuk masuk ketika penumpang dari dalam mahu daripada kereta api. Di dalam kesemua kes ini, Jabatan Keretapi nampaknya tidak mengumumkan keputusan mana-mana penyiasatan, saya berharap SPAD boleh memberikan penjelasan apakah yang berlaku sebenarnya.

Pengurusan yang lebih teratur dan kecekapan yang tinggi dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik serta dapat mengurangkan kos, kebanyakan barang diangkut menggunakan lori di beberapa tempat, ini bermakna jika industri kenderaan perdagangan menjadi lebih cekap, kos pengangkutan dapat dikurangkan. Pada masa yang sama ia juga akan dapat mengurangkan kos makanan dan produk komersial, begitu juga dengan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih teratur dan cekap bermakna kos pengangkutan dapat dikurangkan dan perkhidmatannya dapat diperkembangkan, ia juga akan memberikan orang awam akses yang lebih baik untuk melakukan aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial. Bukan sesuatu yang memeranjatkan bahawa beberapa persatuan, pengusaha lori dan bas merungut tentang

jangkaan baru SPAD. Mereka merungut tentang peningkatan bebanan kertas kerja dan mempersoalkan mengapa semua ini perlu.

Oleh itu bolehkah SPAD berkongsi visi mereka untuk pengangkutan perdagangan dan awam. Saya mohon SPAD memberitahu Dewan yang mulia ini mengenai polisi pengangkutan awam memandangkan peningkatan bilangan kenderaan persendirian begitu cepat menyebabkan kemerosotan alam sekitar dan masa yang dibazirkan akibat kesesakan lalu lintas. Satu laporan menunjukkan bahawa di Lembah Klang hanya 17% penumpang yang menggunakan pengangkutan awam, manakala 83% menggunakan kenderaan persendirian, kebanyakan satu kereta hanya seorang, *single occupancy vehicle*. Angka ini akan menjadi lebih pada masa yang akan datang.

Di Singapura 64% rakyat menggunakan pengangkutan awam manakala di Hong Kong sebanyak 74% dan di London sebanyak 90%. Mereka juga menggunakan MRT seperti kita tetapi mereka ada dasar pengangkutan awam yang telah menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam. Saya ingin tahu apakah dasar pengangkutan awam kita untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di negara ini, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.53 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ditubuhkan pada Jun 2010 untuk penambahbaikan pengangkutan awam darat di seluruh negara dengan fungsi-fungsi teras seperti merangka polisi, merancang, mengawal selia dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan pengangkutan awam darat. Bagi melaksanakan matlamat tersebut, SPAD telah mengambil alih Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan LPKP Semenanjung Malaysia, Jabatan Keretapi dan juga fungsi pelesenan kenderaan pelancongan daripada Kementerian Pelancongan.

Segala aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh SPAD untuk menyempurnakan proses pengambilan harian ini adalah diwajibkan undang-undang. Pendaftaran semula lesen pengusaha kenderaan perdagangan adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 10(1) Akta LPKP (Pindaan) 2010. Proses pendaftaran semula ini akan membolehkan SPAD mengumpul maklumat lengkap dan terkini mengenai pengusaha, aset mereka dan juga maklumat pemandu. Kerja mengemas kini data adalah aktiviti yang biasa dilakukan apabila sesuatu sistem yang baru telah diperkenalkan, ianya sama sekali tidak bermakna bahawa sistem sebelumnya tidak sempurna ataupun data yang disimpan tidak lengkap.

Proses pendaftaran semula lesen kenderaan perdagangan bertujuan untuk merumuskan dengan tepat kedudukan semasa semua lesen-lesen yang membolehkan SPAD mengenal pasti syarikat yang *dormant* dan bermasalah. Ia perlu dilakukan bagi menghapuskan amalan memajak

lesen untuk mereka yang tidak bertanggungjawab, ia juga dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah lambakan lesen yang telah menyumbang kepada amalan yang tidak sihat dan merugikan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran semula ini juga dilaksanakan untuk menderaskan penghijrahan *database* daripada sistem lesen berdasarkan kenderaan kepada sistem lesen berdasarkan pengusaha yang mana akan membolehkan SPAD mengawal selia industri ini dengan lebih berkesan. Jabatan Keretapi bertanggungjawab melesenkan dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan aspek teknikal dan keselamatan perkhidmatan kereta api di negara ini. SPAD juga akan terus menyelaraskan usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan semua jenis perkhidmatan kepada pengguna. KTMB adalah sebuah organisasi yang dikorporatkan dan pencapaiannya di dalam bidang perniagaan adalah tanggungjawab organisasi tersebut. SPAD sedang menyempurnakan Pelan Induk Nasional Pengangkutan Awam Darat yang dijangka dimuktamadkan pada bulan September tahun ini.

Dengan adanya dasar ini, semua pihak yang berkaitan juga berkepentingan akan dapat merancang dan melaksanakan pembabitan masing-masing dengan lebih berkesan. Hasilnya orang ramai akan mendapat perkhidmatan yang efisien, selesa, tepat masa dan juga dengan harga yang berpatutan. Dalam pada itu, SPAD juga sedang menyelaraskan usaha untuk penambahbaikan sistem pengangkutan awam di seluruh negara agar orang ramai sentiasa memilih pengangkutan awam sebagai pilihan utama. Di Lembah Klang, sasaran yang diletakkan bagi penggunaan pengangkutan awam ialah daripada 13% pada tahun ini kepada 25% dalam tahun 2012 dan 50% dalam tahun 2020, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat Usul Penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis 7 Julai 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.57 malam.